

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

---

Bil. 21

Selasa

7 Julai 2015

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN  
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 2)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan  
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 26)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2015 (Halaman 29)  
Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015 (Halaman 44)  
Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 (Halaman 94)  
Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2015 (Halaman 111)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Selasa, 7 Julai 2015**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengurusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, sejauh mana ketulusan kelulusan permohonan pencen ilat dapat menjamin kebajikan pekerja-pekerja memandangkan kelulusan permohonan bagi pencen ilat adalah terhad dan tertakluk kepada kelulusan jemaah doktor yang diamanahkan melakukan pemeriksaan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman awal suka saya maklumkan bahawa kerajaan kita cukup prihatin, di mana menyediakan bayaran pencen bukan sahaja kepada perkhidmatan awam tetapi kepada pekerja swasta.

Bagi pekerja swasta, kita ada dua bentuk pencen yang dibayai oleh PERKESO. Pertama ialah pencen ilat iaitu pencen yang dibayar kepada sesuatu keuzuran yang berkekalan dan tidak berupaya untuk mencari nafkah. Itu pencen ilat. Kedua ialah pencen penakat. Pencen dibayar kepada orang tanggungan akibat orang berinsurans yang sedang menerima pencen ilat meninggal dunia dan orang berinsurans sebelum dan kedudukan orang yang berinsurans sebelum mencapai umur 60 tahun dan memenuhi kelayakan caruman.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, bagi memastikan kebajikan ke atas pekerja yang memohon pencen ilat adalah terjamin dan adil. Sebuah jawatankuasa bebas yang dikenali sebagai Jemaah Doktor (JD) dan Jemaah Doktor Rayuan (JDR) diwujudkan bagi memutuskan soal keilatan akibat daripada keuzuran berkekalan sama ada tidak boleh diubati atau tidak mungkin boleh diubati. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita ada satu lagi Jemaah Doktor Khas dan Jemaah Doktor Rayuan.

Jemaah Doktor Khas ini untuk penyakit khidmat iaitu pendedahan di tempat kerja melalui kita sakit pinggang, sakit belakang kerana ergonomik dalam keadaan pejabat. Ini ditangani oleh Jemaah Doktor Khas ini. Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Doktor dan Jemaah Doktor Rayuan diwujudkan

berdasarkan bidang kuasa Menteri seperti yang diperuntukkan dalam peraturan 79, Peraturan-peraturan Am, Keselamatan Sosial Pekerja 1971 iaitu melalui warta kerajaan. Lantikan Ahli Jemaah Doktor dan Ahli Jemaah Doktor Rayuan telah mengambil kira kelayakan dan kepakaran bagi menentukan tahap keilatan pekerja yang merupakan pencarum PERKESO.

Ahli Jemaah Doktor dan Jemaah Doktor Khas terdiri daripada pakar-pakar perubatan di dalam bidang masing-masing serta sedang berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Jemaah Doktor dan Jemaah Doktor Khas ini melihat kepada masalah perubatan dan membuat keputusan secara menyeluruh takat hilang upaya dan mengaitkan keupayaan pesakit meneruskan pekerjaan dan memperoleh pendapatan yang menguntungkan. Keputusan perlu merujuk kepada jadual kedua, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, buku garis panduan yang ditetapkan iaitu garis panduan taksiran hilang upaya, kecederaan, kemalangan, penyakit khidmat dan keilatan atau pun dalam bahasa Inggeris, *guidelines on impairment and disability assessment or traumatic injuries, occupational disease and invalidity*.

Manual panduan taksiran hilang upaya berdasarkan pekerjaan untuk kegunaan Jemaah Doktor dan Jemaah Doktor Rayuan PERKESO yang memberi tumpuan kepada hubung kait antara keupayaan individu dan kerjayanya. Oleh yang demikian, Jemaah Doktor sentiasa melaksanakan satu penilaian secara telus, objektif, tepat, konsisten dan adil. Ahli Jemaah Doktor dan Jemaah Doktor Rayuan juga diberi latihan yang berterusan seperti pengiktirafan sijil penilaian, pemeriksa perubatan, hilang upaya, kecederaan- CMIA, atau pun *Certified Medical Impairment Assessor*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih saya ucapan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberikan pencerahan yang agak komprehensif berkenaan dengan pencen ilat ini. Cuma saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian, wujud persepsi seolah-olah tempoh atau pun kadar masa daripada permohonan sehingga ke peringkat kelulusan itu amat panjang.

Jadi, apakah di sana pertama kalau nisbah antara nisbah permohonan dengan nisbah kelulusan terhadap permohonan itu kalau boleh dikongsi dalam Dewan yang mulia ini? Akan tetapi yang penting sekali saya hendak bertanya ialah apakah di sana ada langkah-langkah yang dibuat oleh peringkat kementerian untuk memastikan bahawa persepsi rakyat di sana untuk menjaga kebijakan mereka tidak timbul soal tempoh masa yang terlalu panjang antara permohonan dan kelulusan. Terima kasih.

#### ■1010

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki diatas keprihatinan tentang bagaimana kita boleh membela masa depan pekerja yang ditimpa kemalangan.

Sebenarnya bagi PERKESO, kita lebih memberikan perhatian tentang perkara ini. Kita tidak mahu pekerja-pekerja yang ditimpa kemalangan ini menghadapi masa depan yang lebih gelap akibat kecuaian kita. Oleh sebab itulah saya, kita, kementerian cukup yakin dengan jemaah doktor ini dan jemaah doktor rayuan.

Mengikut akta, jemaah doktor ini ialah mereka pakar dalam bidang-bidang yang telah saya sebutkan tadi yang kita ambil daripada Kementerian Kesihatan yang cukup terlatih. Ia terdiri daripada tidak kurang daripada dua orang bagi satu unit panel doktor ini.

Jadi berhubung dengan kadar ataupun permohonan pencen dan juga jumlah disahkan diluluskan, suka saya maklumkan Tuan Yang di-Pertua, kita mendapat banyak permohonan, umpamanya pada tahun 2012 kita pecahkan kepada dua:

- (i) Pencen Hilang Upaya Kekal dan;
- (ii) Pencen Ilat

Tahun	Jumlah Permohonan Pencen Hilang Upaya Kekal yang Dilaporkan	Jumlah Permohonan Pencen Ilat yang Dilaporkan
2012	16,990	13,431
2013	18,699	18,126
2014	19,746	18,311

Manakala daripada jumlah yang dilaporkan itu, jumlah yang disahkan bagi Pencen Ilat dan Pencen Hilang Upaya Kekal:

Tahun	Jumlah Permohonan Pencen Hilang Upaya Kekal yang Disahkan	Jumlah Permohonan Pencen Ilat yang Disahkan
2012	14,644	6,558
2013	-	8,232
2014	-	7,742

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bagi mereka yang memohon Pencen Ilat ini tetapi tidak ditolak rayuannya maka mereka boleh memohon rayuan kepada jemaah doktor ini dalam tempoh 90 hari daripada keputusan permohonan Pencen Ilat mereka ditolak. Jadi sebenarnya, doktor boleh maklumkan kepada pesakit-pesakit ataupun orang berinsurans ini supaya mereka buat rayuan kepada kita dan kita akan lihat balik. Banyak kes yang telah pun kita cuba selesaikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri, pertama saya ucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Sumber Manusia berhubung dengan Pencen Ilat.

Saya ingin bertanya berkenaan dengan kedudukan pegawai-pegawai kerajaan yang kerja tidak tetap. Adakah mereka ini dimasukkan sebagai pencarum SOCSO? Kalau ya, berapa ramai yang sudah masuk dan berapa ramai lagi yang tidak dimasukkan dalam skim SOCSO ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita bertanggungjawab kepada pekerja-pekerja swasta. Tidak silap saya, pekerja-pekerja yang kontrak di bawah Perkhidmatan Awam itu di bawah Perkhidmatan Awam. Tidak

berdaftar dengan kita. Jadi, apabila dia didaftarkan di bawah pekerja swasta maka dia akan termasuk dalam SOCSO ini.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, pekerja yang terkumpul sekarang ini di bawah PERKESO ialah 14,876,353, di bawah kita ini. Yang Berhormat Senator, mungkin saya boleh semak balik bagaimana sebenarnya mekanisme yang perlu kita lihat kerana kadang-kadang timbul masalah pekerja-pekerja kontrak ini. Siapakah yang bertanggungjawab? Akan tetapi, kita bertanggungjawab kepada pekerja-pekerja swasta.

Oleh sebab itulah, dalam konteks Pencen Ilat yang dibiayai oleh kerajaan ini cukup tinggi jumlahnya yang telah pun kita tanggung. Umpamanya saya hendak sebutkan, bayaran yang dibuat oleh kerajaan kepada Pencen Ilat ini pada tahun 2013, RM453,647,000. Tahun 2014 ialah RM496,817,000. Tahun 2015 sahaja, sehingga April, kita telah membayar sebanyak RM177,048,714.

Saya sebutkan dua pencen. Manakala Pencen Penakat, tahun 2013 RM760 juta. Maknanya orang penerima Pencen Ilat yang telah meninggal dan mereka ditukarkan daripada Pencen Ilat kepada Pencen Penakat. Ataupun orang yang berinsurans ini meninggal, terus mereka dapat Pencen Penakat kepada tanggungan mereka. Inilah, RM760 juta pada tahun 2013. Tahun 2014, RM834 juta. tahun 2015 sehingga April sahaja, RM296,276,000. Jadi, ini keadaan bagaimana SOCSO terpaksa membayar kepada pekerja-pekerja swasta ini apabila mereka terlibat dengan bayaran Pencen Ilat dan juga Pencen Penakat ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua juga, kakitangan kerajaan, kontrak ataupun sementara sahaja yang dilindungi PERKESO sejak 1 Jun 2014. Maknanya kakitangan kontrak dan swasta, ya betul. Maknanya, yang telah dilindungi sekarang sejak 1 Jun 2014 ialah kakitangan kerajaan- kontrak dan sementara sahaja, yang lain tidak termasuk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Dato' Jaspal Singh** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah kadar kejayaan program rakan muda sebelum ini dan bilangan geran yang telah diluluskan dalam jangka masa satu tahun yang lalu. Bagi mendapatkan geran melalui *online*, adakah seseorang pemuda boleh memohon secara individu atau melalui persatuan.

**Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya telah dimaklumkan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan tidak dapat hadir pagi ini atas sebab yang tertentu. Maka Yang Berhormat Menteri dari..

**Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Kementerian Pendidikan Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Pendidikan Malaysia akan menjawab bagi pihak Menteri Belia dan Sukan. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas keizinan saya menjawab soalan bagi pihak rakan seperjuangan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh atas soalan tersebut. Saya akan cuba sedaya upaya untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat selepas saya diberi taklimat oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Rakan Muda telah memberi impak yang besar kepada pembentukan karakter dan sahsiah dalam memperkuuhkan nilai jati diri generasi muda masa kini. Kejayaan program Rakan Muda dapat dilihat melalui sokongan anak muda melalui penglibatan dalam setiap penganjuran Program Rakan Muda. Selain itu, Program Rakan Muda ini juga telah melahirkan ramai pemimpin muda di pelbagai peringkat masyarakat.

Sepanjang tahun 2014, Kementerian Belia dan Sukan telah menerima 126 permohonan bantuan daripada badan bukan kerajaan dan sebanyak 92 program menepati garis panduan ditetapkan telah menerima pemberian bantuan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti.

Portal Rakan Muda telah dilancarkan pada 23 Mei 2015. Melalui portal ini, golongan muda khususnya yang mempunyai potensi bakat digalakkan untuk membuat permohonan dana secara *online*, dengan izin, atau *offline*, luar talian. Permohonan ini terbuka kepada semua golongan muda di semua peringkat sama ada permohonan secara individu, persatuan atau badan-badan bukan kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Terima kasih atas jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada kementerian lain, Menteri telah dapat memberi jawapan dengan begitu *confident* sekali.

Saya setuju dan mengalu-alukan Kementerian Belia dan Sukan meningkatkan cara sistem penyampaian program Rakan Muda dengan membuka secara *online*. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat pengumuman dan menggalakkan belia masuk ke bidang *social entrepreneurship*, dengan izin.

Saya minta keterangan daripada kementerian, apakah pelan kementerian untuk belia yang berminat dalam bidang *social entrepreneurship* dan adakah bidang ini akan dimasukkan dalam skim Rakan Muda? Terima kasih.

■1020

**Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal. Memang seorang usahawan yang berjaya, yang mengenali dan memahami denyutan belia, keperluan belia dalam bidang *social entrepreneur* ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa meletakkan keusahawanan sosial sebagai salah satu pendekatan yang berkesan dalam pembangunan belia di negara ini. Elemen keusahawanan sosial telah dan sedang diterapkan dalam program-program yang berkaitan dengan pembangunan belia ini termasuklah program Rakan Muda yang sedang digerakkan semula. Melalui pendekatan ini, anak muda boleh mengembangkan bakat dan potensi diri mereka dan

seterusnya menggunakan idea dan tenaga anak muda itu sendiri untuk mendatangkan manfaat kepada komuniti setempat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**3. Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah program pembangunan yang telah dirancang untuk golongan orang kurang upaya dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa komited dalam usaha untuk memastikan golongan orang kurang upaya mendapat kesaksamaan hak dan peluang sama seperti anggota masyarakat yang lain dalam semua aspek kehidupan. Langkah ini penting bagi kita menggalakkan integrasi serta juga penyertaan penuh dan efektif OKU dalam masyarakat seterusnya sama-sama menyumbang kepada pembangunan negara.

Untuk itu, bagi memperkuuhkan lagi kesejahteraan OKU, pelbagai program pembangunan turut dirangka di bawah Rancangan Malaysia ke-11. Antaranya, pertama, kita menambahkan tujuh buah lagi pusat kehidupan berdikari ataupun *independent living centre* (ILC) dengan izin, di seluruh negara dengan kerjasama pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mempunyai kepakaran dalam bidang itu dan juga dengan pihak komuniti.

Kedua, menjenamakan semula serta menaiktarafkan pusat latihan perindustrian dan pemulihan sedia ada kepada pusat kecemerlangan, *centre of excellent*, juga pusat penyelidikan untuk OKU.

Ketiga, menambahbaikkan Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya atau SMOKU untuk menyokong perancangan, memantau dan menilai program berkaitan OKU yang sedia ada. Hingga 7 Mei 2015, OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui sistem ini adalah seramai 337,817 orang.

Keempat, menguatkuasakan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, atau *Uniform Building By-Laws 1984*, dengan izin, oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi memastikan kepatuhan kepada reka bentuk sejagat dan mewujudkan persekitaran fizikal yang mesra OKU. Semua bangunan dan kemudahan awam sedia ada dan baharu akan mematuhi reka bentuk sejagat yang digariskan ini.

Kelima, memperkasakan lagi peranan Jabatan Pembangunan OKU sebagai *clearing house hub* ataupun pusat rujukan untuk OKU, mendaftar dan mengenal pasti OKU yang mempunyai kelayakan dan berminat untuk menyertai sektor awam untuk mencapai dasar satu peratus OKU dalam sektor awam. Inisiatif ini akan menyokong usaha untuk mengisi lebih 16,000 jawatan dalam sektor awam melalui pertimbangan khas seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Keenam, pemantapan dan perluasan program *Job Coach* kepada OKU oleh individu terlatih bagi menggalakkan pekerjaan yang berkekalan kepada OKU.

Ketujuh, meluaskan lagi program kesedaran ataupun *disability quality training* mengenai ketidakupayaan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat secara umum. Sebagai contoh, ada program kesedaran dengan kerjasama pihak Bank Negara Malaysia kepada pihak bank dan anggotanya. Terima kasih.

**Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah memberikan satu jawapan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negara terus berkembang untuk mencapai negara berstatus maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020, golongan OKU juga dapat memberikan sumbangan yang berfaedah dan berguna kepada negara. Bagi membolehkan golongan OKU turut sama menyumbang ke arah itu, elemen pendidikan amat penting diberikan penekanan supaya bukan sahaja dapat menjana modal insan yang berguna kepada negara tetapi juga dapat meningkatkan taraf hidup mereka yang sedia ada.

Soalan tambahan saya, berapa ramaikah OKU yang telah berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi dan berapa ramai yang telah berjaya menjadi ahli profesional dan usahawan berjaya? Soalan kedua ialah apakah usaha kementerian untuk membantu golongan OKU memiliki rumah sendiri? Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Berkaitan dengan bilangan itu, saya mohon notis dan akan memberikan jawapan secara bertulis.

Berkenaan dengan usaha untuk kita membantu golongan OKU untuk berjaya sebagai usahawan, memang banyak program yang telah kita laksanakan. Pertama, melalui pusat latihan kita di mana kita memberikan latihan kepada OKU supaya mereka boleh berdikari. Latihan-latihan yang khusus untuk mereka. Selepas mereka melalui latihan itu, kita membantu mereka melalui geran pelancaran untuk memulakan perniagaan mereka menjadi usahawan.

Selain daripada program yang dijalankan di bawah kementerian, kita juga bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia, Timbalan Menteri ada di sini, untuk memastikan ada kerjasama yang erat dengan kementerian yang lain supaya kita dapat benar-benar melatih mereka yang layak di kalangan orang kurang upaya ini dalam bidang-bidang tertentu yang sesuai dengan kebolehan dan kemampuan mereka. Seterusnya kita membantu mereka untuk memulakan perniagaan untuk menjadi usahawan yang berjaya. *Alhamdulillah*, setakat ini memang ada, terdapat OKU yang sudah mencapai kejayaan melalui program kementerian dan juga kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia.

Selain itu, kita juga ada Bengkel Daya yang terletak di Selangor dan terdapat juga di Sungai Petani, Kedah. Kedua-dua bengkel ini merupakan bengkel di mana kita melatih orang kurang upaya untuk berdikari dalam pelbagai bidang seperti bidang perniagaan, jahitan, masakan dan juga bidang seperti mewujudkan *laundry*. Mereka akan dilatih selama tiga tahun di dalam Bengkel Daya ini. Kemudian

dalam Bengkel Daya itu, mereka juga akan menerima elauan dan selepas itu apabila mereka sudah berkebolehan untuk keluar dan berdikari, kita akan membiarkan mereka keluar dan berdikari.

Selain daripada itu, saya telah sebut tadi dalam Rancangan Malaysia Ke-11 juga kita ada *independent living centre* yang juga merupakan tempat di mana orang kurang upaya yang ingin berdikari tidak mahu lagi duduk dengan keluarga mereka kerana mereka juga mahu seperti orang biasa. Di situ mereka akan dilatih, diajar bagaimana untuk berdikari walaupun mereka menggunakan kerusi roda, *wheelchair*, dengan izin, tetapi mereka boleh bekerja, mereka boleh keluar bekerja secara berdikari, mereka boleh mendirikan rumah tangga dan mempunyai keluarga. Inilah tujuan kita dalam Rancangan Malaysia Ke-11. *Inshaa-Allah*, kita akan tambahkan lagi, kita akan memperkuatkannya lagi supaya kita dapat betul-betul mem power kan mereka, *inshaa-Allah*. Terima kasih.

■1030

4. **Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kerajaan akan mempertimbangkan satu mata pelajaran khusus untuk pengenalan dadah atau memasukkan maklumat dadah di dalam buku-buku teks sekolah sebagai pendidikan awal dengan penekanan yang lebih serius.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi atas soalan kena mengena dengan isu gejala dadah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan kokurikulum pendidikan kesihatan di sekolah menengah sejak tahun 1989 dan di sekolah rendah sejak tahun 1994. Pendedahan mengenai bahaya dadah diberikan kepada murid-murid sekolah menerusi subjek Pendidikan Kesihatan berdasarkan kepada tahap perkembangan kognitif murid di sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia juga menyebarkan maklumat bahaya dadah menerusi aktiviti pendidikan, pencegahan dadah yang dijalankan di semua sekolah seluruh negara. Program-program usaha sama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan agensi-agensi kerajaan serta bukan kerajaan juga diadakan dari semasa ke semasa bagi tujuan kesedaran terhadap bahaya dadah kepada individu, keluarga dan juga masyarakat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekolah benteng pertama sekiranya anak-anak kita mengambil dadah. Hari ini mungkin anak kawan kita, esok mungkin anak kita. Hari ini mungkin cucu kawan kita, esok mungkin cucu kita. Saya ingin menyatakan bahawa apa Yang Berhormat Menteri jawab tadi saya rasa ada kebenaran dan juga ada yang tidak kena di mana. Ini kerana daripada angka Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, angka-angka daripada sekolah-sekolah amat membimbangkan.

Apabila ditanya kepada sekolah-sekolah, mungkin Yang Berhormat di dalam Dewan tidak mengetahui bahawa kementerian tidak ada peruntukan langsung untuk program-program pencegahan yang diberikan oleh Perbendaharaan. Maknanya tidak ada peruntukan. Dulu ada peruntukan, sekarang

tidak ada peruntukan langsung. Kalau kita pergi di PIBG-PIBG pun, mereka akan kata kami tidak ada peruntukan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Semuanya diberikan kepada AADK. Bukan kita hendak kata AADK- ya Tuan Yang di-Pertua, panjang sikit. Bukan hendak kata AADK ini tidak berfungsi tetapi kalau peruntukan ini diberikan kepada Kementerian Pendidikan, saya rasa banyak program yang boleh dibuat. Soalan saya, adakah Kementerian Pendidikan akan menambahkan program-program mengikut kurikulum yang ada serta memohon kepada Perbendaharaan supaya diberikan peruntukan untuk program pencegahan dadah di Kementerian Pendidikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, maaf kerana sedikit panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lain kali pendekkan Yang Berhormat ya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi atas soalan yang begitu prihatin. Untuk makluman Yang Berhormat, memang benar apa yang dikatakan Yang Berhormat. Kementerian Pendidikan Malaysia tidak mendapat peruntukan secukupnya atau mungkin tidak mendapat peruntukan spesifik untuk mengadakan aktiviti-aktiviti untuk membanteras gejala ini.

Akan tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia mencadangkan program-program dan peruntukan kepada Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan pula menyalurkan peruntukan itu kepada AADK untuk melaksanakan program-program ini di semua sekolah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia. Untuk mengatakan Kementerian Kewangan tidak menyalurkan apa juu bantuan untuk program-program di sekolah itu agak tidak tepat kerana ada tetapi bukan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia tetapi AADK.

Kita juga menggalakkan syarikat-syarikat swasta. Malah ada satu GLC yang pernah menyalurkan bantuan terus kepada Kementerian Pendidikan Malaysia tetapi telah menghentikan bantuan tersebut tidak lama dahulu, tetapi kita mengalu-alukan. Kita juga akan memulakan kerjasama dengan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) dalam masa yang terdekat yang mana mereka akan beri peruntukan dan kerjasama Kementerian Pendidikan, kita akan menjalankan lebih banyak aktiviti-aktiviti di sekolah. Saya sedar ada masalah kerana saya sendiri turun ke padang melawat sekolah-sekolah. Antara soalan-soalan yang saya sentiasa tanya kepada pengurusan sekolah ialah masalah gejala dadah ini.

Saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pihak pengurusan sekolah mengambil inisiatif, mereka sendiri melaksanakan program-program walaupun tanpa peruntukan Kementerian Pendidikan Malaysia, mereka melaksanakan aktiviti. Saya kagum atas pencapaian mereka dan saya harap Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dapat membantu kita. Syarikat-syarikat di luar, Kementerian Pendidikan Malaysia akan membuka pintunya kepada mana-mana syarikat yang ingin memberi kerjasama bersama Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menangani gejala antidadah di peringkat sekolah ini Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi ucapan yang begitu komprehensif berhubung dengan keterlibatan sebahagian pelajar kita dengan dadah di sekolah-sekolah.

Saya melihat bahawa dadah ini telah meresap masuk dalam masyarakat pelajar dan kita bimbang perkara ini akan berlaku berterusan. Jadi saya ingin tahuolah daripada pihak kementerian kita, Kementerian Pendidikan. Sejauh manakah kedudukannya keterlibatan pelajar yang terlibat dengan dadah ini di sekolah kalau kita hendak tengok kedudukannya?

Seterusnya saya juga difahamkan oleh AADK yang saya hadir pada suatu ketika bahawa orang yang mengambil dadah ini dia bermula dengan sebatang rokok. Jadi amat sukar dia kata hendak mencari seorang yang terlibat dengan dadah tanpa menghisap rokok tetapi bukan semua orang menghisap rokok itu ambil dadah. Jadi kita tengok gejala ini ada di kalangan sebahagian kecil pelajar di sekolah iaitu menghisap rokok dan boleh menyebabkan sebagai orang yang berpotensi untuk mengambil dadah pada masa hadapan. Jadi saya hendak tahuolah daripada segi rekodnya sekolah bagaimana dan langkah-langkah kementerian yang telah diambil.

**Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Mohon maaf atas kelewatan tersebut. Terpaksa membuat sedikit pengiraan untuk memberi jawapan secara spesifik kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Johari atas soalan tersebut. Yang Berhormat, kita tidak menafikan tentang aspek murid terlibat mencuba dadah. Kita dengan kerjasama AADK telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan kita mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian, kepada AADK kerana membantu kita dalam pendidikan intervensi khusus kepada murid-murid yang berisiko ini. Kita, AADK membantu kita menjalankan ujian urin murid, kaunseling di sekolah. Satu siri program Sayangi Hidup, Elak Derita Selama-lamanya (SHIELDS) yang dibiayai sepenuhnya oleh AADK.

Dalam aspek pelajar yang terlibat dalam aspek percubaan ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat di sekolah menengah kita ada hampir 2 juta orang pelajar, 2.2 juta orang pelajar dan kita mengesan contoh pada tahun lalu 2014, seramai 1,576 orang. Kalau dibahagikan dengan 2.2 juta didarabkan dengan 100 jumlahnya terlalu kecil. Walau bagaimanapun, jumlah ini bagi kita bahaya juga. Kita hendak sifar, kita tidak mahu 0.07% dan kita tidak mahu mengatakan kita berjaya, tidak.

Kita hendak sifar dan kita akan melakukan apa sahaja yang boleh dan kerjasama Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri yang banyak juga banyak membantu, menghantar pegawai-pegawai mereka untuk memberi ceramah di sekolah-sekolah, memaklumkan kepada mereka betapa bahayanya gejala dadah ini. Kita akan teruskan program-program ini dan marilah kita bersama-sama untuk membanteras gejala dadah khususnya anak muda pewaris bangsa negara ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita beralih ke soalan seterusnya. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian.

**■1040**

5. **Dato' Muhammad Olian bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan, pencapaian pelaksanaan program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), bilangan agensi yang terlibat, serta sejauh mana program itu berjaya mengelakkan pertindihan fungsi antara agensi terbabit dan jumlah penjimatan menerusi program berkenaan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih Yang Berhormat Senator. Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) merupakan satu strategi pengurusan yang kreatif dan inovatif, diadaptasi dari Strategi Lautan Biru atau *Blue Ocean Strategy*, dengan izin. NBOS mula dilaksanakan dalam perkhidmatan kerajaan pada tahun 2009, bertujuan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kerajaan. Semenjak dilancarkan sehingga sekarang, terdapat lebih daripada 80 buah jabatan atau agensi yang melaksanakan 78 inisiatif NBOS secara kolaboratif.

Setiap inisiatif dilaksanakan oleh beberapa buah jabatan atau agensi secara kolaborasi di antara berbagai-bagi jabatan atau agensi kerajaan. Hasil kerjasama di kalangan jabatan atau agensi kerajaan berjaya memecahkan benteng atau salur birokrasi yang sebelum ini memberi kesan kepada kelancaran program-program kerajaan. Malah melalui kolaborasi kreatif inisiatif NBOS, berbagai-bagi jabatan atau agensi kerajaan akan lebih mengetahui fungsi masing-masing dengan lebih mendalam dan dengan itu, dapat mengelakkan pertindihan fungsi-fungsi agensi.

Pencapaian program NBOS dinilai daripada segi penjimatan kos, tetapi ada juga yang juga dinilai dari sudut permintaan dan penawaran. Sebagai contoh, melalui inisiatif NBOS, latihan dan rondaan bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), kerajaan telah menjimatkan sebanyak RM711 juta kos pengendalian latihan dan rondaan konvensional ATM dan PDRM bagi tempoh lima tahun lepas. Contoh lain ialah program pemulihan komuniti melibatkan ATM dan Jabatan Penjara Malaysia dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, di mana banduan risiko rendah atau Orang Di Selia diberikan latihan pemulihan komuniti di kem-kem tentera terpilih. Program ini dapat mengurangkan masalah kesesakan di penjara dan berjaya menjimatkan sebanyak RM10.7 juta setahun kos operasi program pemulihan orang diselia (ODS) di penjara seluruh negara.

Pencapaian NBOS juga telah dinilai dari sudut permintaan penawaran (*demand and supply*) terhadap sesuatu inisiatif NBOS di mana kita melihat inisiatif seperti UTC, Pusat Transformasi Bandar telah meningkatkan daripada segi sistem penyampaian dan kualiti kehidupan yang menyediakan pusat sehenti di bawah satu bumbung bagi sepuluh kasta perkhidmatan kerajaan, NGO dan swasta. Inisiatif UTC sangat unik, memandangkan ia beroperasi 8.30 pagi sehingga 10 malam setiap hari termasuk hujung minggu. Pada masa ini, terdapat 10 UTC di seluruh negara termasuk dua mini UTC di Kuala Lumpur.

Sambutan dan permintaan daripada rakyat terhadap perkhidmatan UTC amat menggalakkan. Pada tahun pertama operasi UTC dalam tahun 2013, terdapat 6.5 juta orang rakyat telah mengunjungi bagi mendapatkan perkhidmatan di UTC di seluruh negara. Bagi tahun 2014, jumlah tersebut telah

meningkat kepada 9.6 juta orang. Manakala bagi tahun ini sehingga akhir Mei 2015, jumlah pengunjung yang mendapatkan perkhidmatan di UTC adalah berjumlah 5.1 juta orang. Sekian, terima kasih.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberikan satu jawapan yang sangat baik. Tuan Yang di-Pertua, dalam perhimpunan bulanan JPM, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyebut bahawa empat elemen penting Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang perlu dihayati oleh penjawat-penjawat awam khususnya iaitu mengurang, menghapus, mewujud dan menambah peluang. Beliau percaya dengan penerapan elemen-elemen ini, pencapaian dan keberhasilan sektor awam akan terus meningkat. Oleh itu soalan saya, sejauh manakah nilai-nilai baik empat elemen penting ini dapat diamalkan dan diterapkan di kalangan penjawat awam untuk meningkatkan produktiviti mereka? Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Kita melihat bahawa daripada segi NBOS daripada contoh-contoh yang saya berikan. Contoh yang ketara iaitu program UTC di mana dia mendapat perkhidmatan atau boleh dikatakan respons yang memuaskan dan menggalakkan. Kita melihat daripada segi maklum balas yang diterima daripada orang ramai daripada segi perkhidmatan yang diberi di mana ia adalah *one-stop centre* untuk semua pusat perkhidmatan kerajaan untuk sepuluh kasta itu, dia mendapat sambutan yang baik.

Daripada segi NBOS, baru-baru ini kerajaan juga telah mengeluarkan boleh dikatakan *report card* yang telah tertera program-program yang terdapat inisiatif NBOS ini dan ini jelas menunjukkan bahawa program ini akan diteruskan dan akan terus dikawal dan dilihat daripada segi perkembangannya agar inisiatif untuk mengurangkan birokrasi ini dapat diteruskan. Ia bukan sekadar untuk satu tahun atau dua tahun, dia perlu sentiasa diteruskan agar sistem penyampaian kerajaan dapat terus ditingkatkan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, memberi contoh-contoh mengenai UTC, kebaikannya dan contoh ini diambil di bandar-bandar. Pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua, ura-ura yang diumumkan oleh kerajaan bahawa kami di pedalaman negeri Sabah seperti di Keningau memerlukan satu UTC bagi perkhidmatan lebih kurang empat lima buah daerah. Ini akan dapat mempercepatkan dan juga membantu golongan luar bandar dalam menyelesaikan beberapa perkara. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bilakah UTC di Keningau di negeri Sabah ini akan dibangunkan? Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya UTC daripada segi *the other way* untuk pusat transformasi bandar. Selain daripada UTC, terdapat juga program terutamanya yang khusus untuk pusat luar bandar iaitu Pusat Transformasi Luar Bandar yang sekarang memang ditubuhkan. Saya yakin daripada segi RTC ini akan dilihat oleh KKLW untuk melihat daripada segi permintaan, di mana kalau terdapat permintaan yang memerlukan, tentu akan dipertimbangkan.

Saya yakin Yang Berhormat Senator bolehlah memajukan daripada segi permintaan ini terutamanya untuk RTC yang memang membantu untuk selain daripada perkhidmatan, menggalakkan

kegiatan ekonomi yang tentu dapat memberi lebih banyak manfaat kalau dibandingkan dengan UTC yang khusus untuk sistem penyampaian perkhidmatan sahaja. Sekian, terima kasih.

**6. Tuan Zali bin Mat Yasin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, kegiatan cetak rompak merupakan masalah yang sukar dibendung dan merugikan industri seni tanah air dan hingga kini masih tidak dapat dibendung secara menyeluruh. Persoalan saya, apakah tindakan kementerian atau pihak berkuasa untuk memastikan kegiatan cetak rompak ini dapat dibendung secara menyeluruh, dan apakah jaminan pihak kementerian untuk memastikan pegawai atau pihak berkuasa yang terlibat operasi pencegahan ini berintegriti dan tidak mengambil rasuah untuk melindungi kegiatan cetak rompak.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Zali bin Mat Yasin atas soalan yang diajukan kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa prihatin dan memberi perlindungan hak harta intelek di negara ini serta berusaha bersungguh-sungguh bagi membendung secara menyeluruh aktiviti cetak rompak daripada berkembang secara berleluasa. Ia terbukti daripada laporan terbaru yang dikeluarkan oleh *United States Trade Representative (USTR) 2015* dalam *Special 301 Report* bertarikh 30 April 2015 yang telah mengesahkan bahawa Malaysia tidak tersenari di dalam *watch list* buat tahun keempat berturut-turut sejak tahun 2012 lagi.

#### ■1050

Pengiktirafan tersebut juga menunjukkan bahawa Amerika Syarikat telah memperakukan dan menghargai usaha-usaha Kerajaan Malaysia khususnya kementerian ini dalam usaha menangani aktiviti cetak rompak di negara ini. Selaras dengan itu kementerian akan terus mempertingkatkan usaha memerangi aktiviti cetak rompak di negara ini dengan melaksanakan langkah-langkah berterusan. Antaranya seperti berikut:

- (i) kita mengenal pasti kawasan dan premis perniagaan yang menjadi tumpuan aktiviti penjualan barang cetak rompak di seluruh negara sebagai kawasan *hot spots* dan mengadakan pemantauan sepanjang masa oleh anggota penguat kuasa KPDKKK dengan kerjasama daripada agensi-agensi penguat kuasa yang lain;
- (ii) kita sentiasa menjalankan kerjasama yang erat dengan pihak industri serta penguatkuasaan kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen serta pihak berkuasa tempatan untuk merancang program-program sama ada dalam bentuk penguatkuasaan atau pendidikan serta kempen-kempen-kempen kesedaran;
- (iii) segerak dan juga mempergiatkan aktiviti di bawah pasukan petugas khas. Kita namakan Pasukan Petugas Khas Membanteras Cetak Rompak di peringkat

- nasional, di peringkat negeri dan di peringkat negeri melalui jalinan erat di kalangan ahli-ahli jawatankuasa;
- (iv) kita meningkatkan keupayaan pasukan risikan dan pemantauan dengan kemudahan teknologi terkini bagi mengesan rangkaian aktiviti cetak rompak atas talian;
  - (v) inisiatif dan tindakan secara proaktif dan preventif bagi memastikan industri terus kreatif dan dilindungi;
  - (vi) kita mengambil tindakan tegas ke atas pengedaran buku cetak rompak sama ada buku karya terbitan tempatan ataupun di luar negara;
  - (vii) meningkatkan kecekapan pegawai dengan latihan dan kursus agar pegawai mempunyai pendedahan dan kemahiran dari aspek penguatkuasaan undang-undang; dan
  - (viii) pendakwaan yang lebih efektif yang dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya.

Tuan Yang di-Pertua, KPDNKK juga sentiasa memastikan pegawai penguat kuasa kementerian ini tidak terlibat dengan rasuah dan berintegriti tinggi. Antara langkah yang diambil oleh kementerian dalam perkara ini adalah seperti berikut:

- (i) kita meningkatkan kesedaran kepada pegawai berhubung dengan integriti di dalam satu latihan, dalam setiap latihan dan juga kursus;
- (ii) kita memberi arahan secara sulit kepada pegawai yang diamanahkan untuk sesuatu tugas bagi mengelakkan kebocoran maklumat semasa operasi. Ini kita bimbang dan kita bagi arahan secara sulit;
- (iii) kita menetapkan tempoh bertugas seseorang pegawai itu tidak melebihi tiga tahun di sesuatu tempat yang berisiko tinggi. Kalau lebih daripada itu mungkin itu kira tetap ke tiga tahun dan kita tukar; dan
- (iv) kita mengadakan tindakan secara rentas sempadan (*cross border*) penguatkuasaan ini, pegawai-pegawai ini yang dilaksanakan oleh pegawai dari negeri ataupun cawangan lain agar tindakan lebih berkesan. Kita buat *cross border*.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Menteri yang saya fikir amat lengkap dan saya amat berpuas hati dengan jawapan Menteri. Cuma saya fikir, masih lagi ada ruang dan pelung kepada kementerian untuk membaiki keadaan, kerana kalau tidak kita masih lagi jumpa CD-CD ataupun cetak rompak ini yang dijual di pasar-pasar malam.

Seterusnya soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apa tindakan kerajaan terhadap mana-mana individu ataupun mana-mana pihak yang melakukan aktiviti cetak rompak yang menggunakan kaedah muat turun, suatu bahan ataupun cerita yang menggunakan internet pada masa kini dan kemudian dijual

CD-CD tersebut kepada masyarakat ataupun *public*? Soalan saya, minta Yang Berhormat Menteri jawab. Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Zali atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita daripada segi penguatkuasaan, kita memang kita merasakan bahawa kita perlu membuat penguatkuasaan yang agak lebih kerana kita memang mengetahui ada berlakunya cetak rompak sama ada melalui bahan-bahan elektronik yang baru ini. Oleh sebab itu kita mengambil tindakan-tindakan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada berbagai-bagai Ops.

Salah satu ialah Ops Cetak Rompak yang kita buat di kementerian telah mengadakan operasi bersepadu membanteras cetak rompak di seluruh negara iaitu pada tahun sudah dan menghasilkan 86 kes di bawah Akta Hakcipta 1987 dan 72 kes di bawah Label Cakera Optik 2010 dengan nilai rampasan lebih daripada RM830,000 yang telah kita rampas.

Pada tahun ini, kalau daripada awal bagi tempoh daripada Januari 2014 hingga 31 Mei yang lalu, kita ada operasi pemeriksaan cetak rompak di seluruh negara dan telah menghasilkan di bawah Akta Hakcipta 1987 - 226 kes dan nilai rampasan lebih daripada RM8 juta. Kes di bawah Label Cakera Optik 2010, 1,071 kes dan nilai rampasan lebih daripada tiga juta kes dan tangkapan di bawah Akta Hakcipta 1987, 86 orang. Jadi daripada apa yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat, memang kita mengetahui dan oleh sebab itu penguatkuasaan ini terus kita laksanakan untuk kita membanteras kegiatan cetak rompak ini berlaku di seluruh negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, dipersilakan Dato' Haji Mohd. Salim.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, kita tahu bahawa cetak rompak sudah lama, berkurun lamanya daripada piring hitam, kaset, VCD dan juga DVD hingga ke sekarang kepada visi *Blu-ray*. Tindakan pihak KPDKKK, saya ucapkan tahniah, berterusan, tetapi sehingga kini perkara ini masih berterusan. Maknanya kita tidak mampu untuk menyekat percetakan secara haram in dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab yang mana teknologi yang digunakan pun cukup tinggi, canggih dan boleh siap dalam kadar yang cukup pantas.

Kalau kita lihat dari mana kejadian ini berlaku, yang pertamanya, adakah pihak KPDKKK menyiasat daripada mereka yang terlibat secara langsung dalam industri tersebut? Contohnya industri rakaman Malaysia, persatuan akademik yang terlibat pengeluar filem dan sebagainya. Mereka ini sahaja yang ada *master* ataupun yang ada rakaman yang pertama daripada pengeluar-pengeluar filem ini. Keduanya, berapakah kerugian daripada pencetakan haram ini telah merugikan kerajaan ataupun merugikan industri perfileman? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi segi siasatan terus kepada pihak-pihak pengeluar filem dan sebagainya, memang sentiasa kita laksanakan.

Jadi sebab itu daripada segi jumlah tangkapan yang kita buat sama ada mengikut jenis barang-barang Yang Berhormat sebut tadi, memang sentiasa kita laksanakan. Jadi bukan sahaja melalui cetak rompak dan lain-lain. Bila kita buat tinjauan ataupun membuat penguatkuasaan, didapati bukan sahaja melalui CD, DVD dan sebagainya tetapi juga ada barang-barang lain daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Jadi oleh sebab itu kita mengadakan pemeriksaan ini daripada semasa ke semasa dan mengenai kerugian Yang Berhormat sebut tadi dialami oleh pihak kerajaan, itu agak spesifik, kita akan bagi jawapan secara bertulis kerana jumlah itu tidak ada pada saya pada ketika ini. Terima kasih.

**7. Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, setakat mana masalah bekalan air di Lembah Klang menjelaskan pembangunan di Bandaraya Kuala Lumpur, dan apa tindakan jangka panjang kementerian untuk memastikan masalah pembekalan air tidak berterusan supaya Kuala Lumpur dapat mencapai status *World Class City* menjelang 2020.

■1100

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman yang telah minta untuk kementerian menyatakan setakat manakah bekalan air di Lembah Klang telah menjelaskan pembangunan di Bandaraya Kuala Lumpur dan apakah tindakan jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa bekalan air di Kuala Lumpur ini sebenarnya adalah atau disebut bekalan air di Lembah Klang. Termasuklah tiga buah kawasan secara keseluruhannya iaitu Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Putrajaya. Setakat ini saya boleh sebut bahawa margin bekalan air bersih adalah berada di bawah daripada 2% marginnya, yang selesa sebenarnya yang disarankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara bagi tiap-tiap operator air ialah dalam 10% hingga ke-15%. Jadi, di Kuala Lumpur ini atau di Lembah Klang ini hanya ada 2%. Apa-apa berlaku pada salah satu loji, atau apa-apa berlaku kepada kawasan sungai air mentah yang hendak dirawat itu, sudah tentulah akan menjelaskan bekalan air kepada penggunaan domestik ataupun industri.

Sebab itu akhirnya, Kerajaan Persekutuan telah melihat sejak daripada awal tahun 2000 bahawa satu program jangka panjang untuk bekalan air Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan ini hendaklah dijalankan. Projek jangka panjang yang disyorkan oleh Kerajaan Persekutuan ialah supaya air dari negeri Pahang, *water transfer*, dengan izin, dari Pahang ke negeri Selangor. Oleh sebab itu, akhirnya Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah besar peruntukan untuk membina sebuah empangan di negeri Pahang, atas persetujuan Kerajaan Negeri Pahang yang dikenali sebagai Empangan Kelau (*Kelau Dam*).

Kemudian daripada Kelau Dam itu, dibawa air itu ke sebuah *intake* yang dikenali sebagai *Semantan Intake* di Sungai Semantan. Daripada *Semantan Intake* itu dimasukkan air itu dalam terowong yang merentasi Banjaran Titiwangsa dari Pahang ke Selangor. Selepas itu, air mentah itu datang ke negeri Selangor, air mentah itu akan dirawat di sebuah loji yang sekarang ini menjadi bahan di semua media iaitu yang dikenali sebagai Loji Rawatan Air Langat 2.

Sekarang ini, itu antara persetujuan Kerajaan Persekutuan pada waktu itu dengan kerajaan negeri. Pada awal tahun 2008, sewaktu kerajaan yang dulunya dikenali sebagai Pakatan Rakyat, dululah, sekarang dah tak diiktiraf oleh DAP sebagai Pakatan Rakyat. Disebut waktu itu lebih kurang dalam empat tahun lebih, projek ini yang jalan ini hanya di negeri Pahang dan juga terowong. Selepas itu pada tahun 2014, Menteri Besar Selangor pada waktu itu Tan Sri Khalid telah bersetuju untuk meneruskan Loji Rawatan Air Langat 2.

Bila Loji Rawatan Air Langat 2 ini nak diteruskan, ia bukan boleh buat loji sahaja, ia kena buat dengan paip sekali. Paip yang hendak hantar bekalan air ini dihantar *line*. *Line* ini daripada Loji Langat II itu nak kena hantar ke Selangor, nak kena hantar Kuala Lumpur, nak hantar ke Putrajaya. Oleh sebab yang ada di negeri Selangor dan Kuala Lumpur sekarang ini tidak boleh menampung, saya katakan tadi margin hanya 2%. Sungai Selangor, Sungai Tinggi, *Klang Gate*, Tasik Subang, Sungai Langat, Sungai Semenyih yang ada di Selangor ini tidak boleh menampung jumlah yang ada di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya, akaun bekalan air sama ada domestik atau industri hampir 2 juta.

Jadi, akhirnya inilah yang dikehendaki, yang disebut jangka panjang iaitu Loji Rawatan Air Langat II. Hari ini, sehingga hari ini, sehingga petang semalam, pegawai-pegawai daripada Kementerian KeTTHA masih mengadakan mesyuarat dengan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Selangor untuk mempercepatkan ataupun mencari *solution*, dengan izin, di manakah yang tak boleh dirungkaikan lagi setakat ini? Ada dua tiga perkara yang boleh saya katakan di sini masih belum dapat diselesaikan di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri. Melibatkan penstrukturkan semula air iaitu pengambilalihan syarikat operator air di negeri Selangor ini kepada Kerajaan Negeri Selangor iaitu SYABAS, Puncak Niaga dan ABBAS Konsortium kepada anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor.

Pada masa yang sama, Kerajaan Selangor membenarkan Loji Rawatan Air Langat II dijalankan. Itulah jangka panjang yang kita harapkan. Oleh kerananya apa yang boleh saya sebut di sini, setakat ini Loji Rawatan Air Langat 2 telah mencapai tahap 20.65% jadualnya berbanding dengan jadual sebenar 24.91%. Saya juga ingin menyebut di Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya, 593 projek tidak dapat diberi kelulusan oleh SPAN. Oleh sebab tak cukup bekalan air. Ada banyak projek *mixed development*, perumahan, kondominium, hotel dan sebagainya yang tak dapat diberi kelulusan. Melainkan projek itu nak disiapkan selepas 2018 sebab kita jangkakan Loji Rawatan Air Langat 2 ini boleh beroperasi pada tahun 2017. Akan tetapi memandangkan kita belum selesai lagi perjanjian ini, mungkin loji ini akan mencapai hingga tahun 2019. Itulah jawapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan dipersilakan Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada menteri kerana memberi jawapan yang begitu komprehensif. Seperti yang kita tahu, perbincangan sedang berlaku di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat. Yang Berhormat sendiri pun dah kata tadi. Setakat manakah- apa yang sebenarnya masalah ini? Adakah ia masalah kewangan ataupun masalah-masalah yang lain? Kepada saya ialah ia masalah kewangan. Tidakkah masalah ini dapat diatasi demi kepentingan negara, demi kepentingan rakyat. Istimewa pula rakyat di Lembah Klang yang selalu mengatakan bahawa masalah mereka itu tidak dapat diatasi kerana masalah politik. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri atas soalan tambahan. Yang pertama, saya ingin tegaskan bahawa kita dalam urusan bekalan air, Kerajaan Persekutuan dalam urusan bekalan air di dalam Lembah Klang ini merentasi kepentingan politik. Itu saya nak tegaskan, merentasi kepentingan politik. Sebabnya, Kerajaan Negeri Selangor diperintah oleh bukan parti yang sama dengan Kerajaan Persekutuan. Di Kuala Lumpur ini, kebanyakan Parlimennya juga bukan Parlimen yang sama dengan Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi saya ingin tegaskan, atas kepentingan rakyat, ia merentasi daripada parti politik.

Sebab itu Kerajaan Persekutuan sanggup membelanjakan berbilion-billion Ringgit untuk membawa air dari Pahang ke negeri Selangor. Dia cari duit lebih kurang dalam RM3 bilion, nak bawa air dari Pahang ke Selangor nak tampung. Bila dia tampung nanti, lebih kurang 1600mld, atau *milliliter per day* ini, dengan izin, akan dapat dibawa dari Pahang.

#### ■1110

Jadi kita tidak akan ada masalah catuan bekalan air di sini. Cumanya sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, masalah yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi ialah masalah yang berkaitan dengan dalam perjanjian ini dia ada disebut satunya dahulu disebut sebagai *head of agreement*. *Head of agreement* antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri, itu sudah tandatangan 1 Ogos 2014. Selepas itu dia akan pergi kepada *step* yang kedua iaitu antara kerajaan negeri dengan syarikat-syarikat operator, *willing buyer, willing seller*, dengan izin. Jadi maknanya beberapa jumlah harga.

Contohnya yang saya hendak bagi di sini ialah macam SYABAS, *Puncak Niaga Sdn Bhd* dan Konsortium ABBAS Sdn. Bhd. Tiga buah syarikat ini hendak bagi, hendak dijual kepada sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor dengan satu nilai jumlah sebenarnya hendak dijual. Untuk tujuan hendak jual ini Kerajaan Negeri Selangor memerlukan wang dan wang itu hendak diambil daripada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) sebuah perbadanan yang diperbadankan di bawah MoF.

Bila dia hendak ambil duit dari PAAB, dia hendak kena letak aset. Aset inilah yang sekarang ini yang duduk bincang ini, betullah Yang Berhormat Senator sebut mengenai kewangan. Jadi yang dibincangkan sekarang aset yang hendak dipindahkan kepada PAAB. Bila aset ini selesai dipindahkan, PAAB bagi duit kepada kerajaan negeri dan kerajaan negeri bayar kepada operator ini saya ingat itu akan selesai. Itu yang sedang dibincangkan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah berkenaan kualiti air yang di sekitar Kuala Lumpur. Apakah jaminan yang boleh diberikan di kementerian agar Kuala Lumpur dan sekitarnya juga boleh dengan penuh yakin mengisyiharkan kualiti air dirawat di Kuala Lumpur begitu tinggi mutunya? Ia boleh diminum terus daripada paip air seperti mana berlaku di negara-negara tertentu seperti di Taiwan, UK dan Australia.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Dr. Hou Kok Chung atas soalan tambahan yang telah diberi tadi berkaitan dengan kualiti air yang ada di Kuala Lumpur. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa sekarang ini semua bekalan air kita di Kuala Lumpur ini datangnya daripada air dari sungai. Di setengah-setengah negara barangkali air-air terawat ini datang daripada air bawah tanah. Sesetengah negara misalnya di *Singapore*, air datang daripada bekalan air dari laut yang telah dirawat air laut itu untuk minum.

Akan tetapi kita di Malaysia ini semua air itu datang dari sungai ataupun tasik. Salah satu daripada yang paling penting memelihara sungai. Untuk memelihara sungai ini bukan sahaja di kementerian KTTHA tetapi kita juga bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar. Kita juga bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan kita juga bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri sebab sungai ini di bawah kuasa kerajaan-kerajaan negeri. Macam di Selangor ini di tubuh sebuah agensi kalau tidak salah saya nama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS). Kalau di Kedah dahulu nama Lembaga Urus Air Kedah atau LUAK- "Luak" ini dalam bahasa Kedah kira sudah makin kuranglah. Luak, sudah luak.

Jadi yang itu yang penting dahulu di mana air mentah itu penting dan untuk tujuan ini Tuan Yang di-Pertua, program kesedaran masyarakat mengenai kebersihan sungai ini kena dibuat secara berterusan. Dia tidak boleh dibuat secara *ad hoc*, tidak boleh secara sampingan tetapi dia mesti buat secara holistik. Maknanya *public* kena faham bahawa sungai itulah menjadi sumber satu.

Keduanya kita juga di peringkat kementerian, kita juga sekarang ini di bawah program *Sewage Treatment Plants*, loji kumbahan, dengan izin. Loji kumbahan ini kita juga pergi kepada kita buat loji kumbahan yang bertaraf dipanggil *Green Sewage Treatment Plants*, dengan izin. Maknanya yang itu mesti dijaga juga sebab najis ini mesti *up* kepada satu standard untuk air itu hendak dilepaskan balik ke dalam sungai. Kalau tidak, air itu juga menjadi air yang tercemar. Oleh sebab itulah kita penerangan, kesedaran mesti kuat.

Kedua, loji pembetungan ini juga mesti dibuat secara yang lebih sistematik. Manakala yang ketiganya sudah tentulah kualiti air ini dijaga oleh Kementerian Kesihatan. Tiap-tiap hari pegawai daripada Kementerian Kesihatan akan pergi mengambil *sample* dari sungai dan juga air yg terawat. Setakat ini boleh saya sebutlah bahawa SPAN juga, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara juga bertanggungjawab untuk menjaga kualiti air dan mereka memantau.

Untuk mematuhi standard air minum, dia setakat ini kualiti air di Kuala Lumpur ini mematuhi standard air minum kebangsaan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan berdasarkan garis

panduan yang diberi oleh *World Health Organization* (WHO) dengan izin. Semua operator air yang ada di dalam negara ini perlu mematuhi peraturan-peraturan yang disebut. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**8. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff** minta Menteri Pendidikan menyatakan, sambutan dan penyertaan sekolah pondok setakat ini yang didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) dan senaraikan nama sekolah pondok itu mengikut negeri masing-masing.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Shahanim atas soalan tentang penyertaan sekolah pondok sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, sehingga kini untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sekolah pondok yang layak didaftarkan sebagai sekolah agama bantuan kerajaan ataupun singkatannya SABK. Ini disebabkan mereka tidak memenuhi syarat dan kriteria pendaftaran sekolah agama bantuan kerajaan.

Antara kriteria utama Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mempertimbangkan permohonan pendaftaran sesebuah sekolah sebagai sekolah agama bantuan kerajaan ialah melaksanakan kurikulum kebangsaan seperti yang ditetapkan oleh Akta Pendidikan 1996, Akta 550. Sekian, terima kasih.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah kementerian bercadang untuk duduk bersama-sama dengan pihak sekolah-sekolah pondok bagi mengatasi masalah ini dan bagi menyerap semua sekolah pondok yang berada di Malaysia untuk dimasukkan di bawah Kementerian Pelajaran. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa menggalakkan dan kita telah pun menetapkan syarat-syarat dan kriteria. Selain daripada syarat yang telah saya jawab sebentar tadi, tiga lagi perkara yang harus mereka ambil.

Pertama, tanah diwakafkan untuk pendidikan dan bukan hak milik peribadi. Kedua, bangunan yang sedia ada itu selamat dan ia harus mendapat pengesahan daripada pihak bomba dan pihak berkuasa tempatan. Ketiga, ada guru dan juga murid yang sedang mengikuti pengajian di sekolah berkenaan ataupun sekolah itu beroperasi. Kita memang terbuka. Kita sentiasa menggalakkan tetapi mereka harus memenuhi syarat ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat sedar bahawa sekolah pondok ini buat masa ini menggunakan satu kurikulum sahaja iaitu kurikulum agama. Kita hendak mereka masukkan sekali kurikulum kebangsaan. Apabila perkara ini berlaku kita sedia, kita sedia menerima mereka sebagai sebuah sekolah, sebagai sekolah agama bantuan kerajaan. Terima kasih, Yang Berhormat.

■1120

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sekolah pondok ini merupakan alternatif dan platform yang dipilih oleh individu untuk belajar dan

mendapatkan pendidikan yang lebih kepada ilmu agama. Sekolah pondok pastinya dapat melahirkan cendekiawan dan ilmuwan agama yang pastinya dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah hala tuju sekolah pondok di Malaysia dan apakah kerajaan merancang sebuah pelan strategik untuk pembangunan sekolah pondok di Malaysia ini? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan mungkin Ahli Yang Berhormat sedar, sekolah pondok ini didaftar di bawah JAKIM. JAKIM ini di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sebanyak 222 buah sekolah pondok berdaftar dengan Jabatan Agama Islam dan kita boleh bekerjasama tetapi mereka harus memenuhi kriteria yang telah saya nyatakan sebentar tadi. Kita tidak menafikan bahawa sekolah agama boleh dan telah mewujudkan cendekiawan-cendekiawan, kita tidak menafikan perkara itu sama sekali tetapi apabila mereka hendak dimasukkan sekali sebagai sekolah agama bantuan kerajaan, maka ada syarat-syarat dan syarat yang paling utama ialah mereka harus mengikuti kurikulum kebangsaan yang telah ditetapkan oleh Akta Pendidikan itu sendiri. Itu sahaja kita mohon dan kita sedia.

Maklumat secara terperinci tentang sekolah-sekolah ini saya mohon maaf, kita tidak dapat menjawab di Kementerian Pendidikan. Mungkin JAKIM dapat menjawab soalan tersebut kepada soalan Yang Berhormat sebentar tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**9. Dr. Syed Husin Ali** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apa yang akan dilakukan oleh kerajaan terhadap peniaga yang menaikkan harga 20%-30% lebih tinggi daripada harga dalam *Buku Panduan Harga Pengguna* selepas GST.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali atas soalan kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, Buku Panduan Harga Pengguna ataupun *shoppers guide* dengan izin, hanyalah semata-mata bagi panduan atau rujukan umum bagi harga barang keperluan asas yang terpilih sahaja dan ia tidak boleh digunakan sebagai rujukan untuk apa-apa tindakan undang-undang.

Walau bagaimanapun, dalam Peraturan-peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan, mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah iaitu Margin Keuntungan Bersih 2014, ada menyatakan bahawa bagi tempoh dari 2 Januari 2015 hingga 31 Mac 2015 dan 1 April 2015 hingga 30 Jun 2016 adalah bahawa tidak boleh ada kenaikan dalam Margin Keuntungan Bersih bagi apa-apa barang atau perkhidmatan.

Sehubungan dengan itu, kerajaan akan mengambil langkah-langkah tegas bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan dengan menggunakan GST sebagai alasan untuk menaikkan harga barang bagi tujuan untuk membuat keuntungan secara berlebihan. Antara langkah-langkah yang

akan diambil oleh kerajaan ialah melaksanakan sepenuhnya Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 serta memperhebatkan penguatkuasaan.

Bagi memastikan peniaga mematuhi peraturan yang ditetapkan, pengenaan denda dan penalti yang lebih berat akan dikenakan. Merujuk kepada Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, jika orang itu bukan sesuatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-keduanya dan bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM250,000 atau di penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Manakala jika orang itu sesuatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi RM500,000 dan bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM1 juta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Ada pendapat bahawa salah satu sebab atau punca kenaikan harga ini ialah GST dan kenaikan harga petrol. Setakat manakah kebenaran ini dan adakah faktor-faktor yang lain? Ini kerana saya lihat sekarang ini ada barang yang naik bukan sampai 20 atau 30 peratus sahaja, bahkan baru-baru ini ada laporan daripada sebuah badan pengguna yang sangat terkenal yang melaporkan bahawa kenaikan harga daun saderi lima kali sekarang ini. Jadi sehubungan ini, saya lihat ada kementerian yang menguar-uarkan tindakan jihad ke atas orang tengah. Adakah kementerian ini akan mencuba atau bercita-cita untuk mengambil tindakan seperti itu tetapi dengan lebih efektif barangkali? Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Memang kita akui setelah GST ini dilaksanakan pada 1 April yang lalu, memang ada kenaikan berlaku setelah GST ini dilaksanakan. Itu daripada GST dan juga petrol.

Walau bagaimanapun, memang daripada segi penguatkuasaan, kita sentiasa mengambil tindakan-tindakan sekiranya kenaikan harga barang itu kenaikan yang tidak munasabah. Kita mengharapkan supaya pengguna dapat membuat aduan kepada kita melalui bilik gerakan, telefon dan sebagainya. Jadi itu daripada segi penguatkuasaan.

Faktor-faktor lain Yang Berhormat, memang kadang-kadang permintaan lebih daripada bekalan, itu pun juga faktor kepada kenaikan harga barang. Permintaan lebih daripada bekalan, contohnya dalam bulan Ramadan, memang ada kenaikan di sana sini di seluruh negara kerana permintaan pada bulan Ramadan ini kepada barang-barang keperluan harian begitu mendadak kerana wujudnya pasar-pasar Ramadan yang sebelum ini tidak berlaku tapi cuma berlaku pada bulan Ramadan.

Jadi di seluruh negara boleh dikatakan puluhan ribu buah bazar Ramadan ini yang mana memerlukan barang-barang keperluan harian untuk mereka membuat jualan bagi pasar-pasar Ramadan. Jadi permintaan pada bulan Ramadan ini juga melebihi daripada bekalan walaupun persediaan awal telah pun dibuat oleh kementerian termasuklah Kementerian Pertanian untuk memastikan supaya bekalan barang untuk keperluan bulan Ramadan ini yang penting sentiasa mencukupi.

Keduanya, kita juga membuat persediaan supaya untuk menghadapi musim perayaan Hari Raya Aidilfitri ini, kita juga telah mengumumkan supaya ada 21 barang kawalan musim perayaan yang telah

pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk kita laksanakan sebelum hari raya dan selepas hari raya. Jadi semua peniaga mesti mematuhi harga kawalan yang telah kita umumkan.

Itulah persediaan-persediaan dan kita akui, apa Yang Berhormat sebut tadi, memang puncanya ada sedikit kenaikan selepas GST dan juga daripada permintaan lebih daripada bekalan menyebabkan berlakunya kenaikan harga barang. Terima kasih.

**Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga terpanggil untuk bertanya dalam GST ini. Mengenai dengan kenaikan harga barang selepas adanya GST dan menimbulkan kerisauan di kalangan masyarakat, apakah langkah-langkah membendung keadaan kenaikan harga barang- pendekatan yang dibuat oleh kementerian?

Soalan saya yang kedua yang saya ingin bertanya, berapakah kompaun yang dikenakan kepada peniaga-peniaga yang menaikkan harga barang yang begitu mendadak dan adakah tindakan mahkamah dibuat kepada peniaga-peniaga yang menaikkan harga terlalu tinggi? Terima kasih.

■1130

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Mengenai dengan langkah-langkah membendung kenaikan harga ini seperti yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat Senator ialah dengan penguatkuasaan di seluruh negara yang kita adakan dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat memang lebih daripada satu juta pemeriksaan telah kita lakukan sebelum daripada bermula dari 1 Januari. Kalau setelah GST ini dilaksanakan pada 1 April, kita telah mengadakan pemeriksaan di premis lebih daripada 453,274 pemeriksaan. Itu setelah GST dilaksanakan iaitu bermula pada 1 April.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]*

Untuk makluman, kes-kes yang kita bawa ke mahkamah ialah sebanyak 8 kes dan 3 kes masih lagi belum selesai dan kes-kes tersebut yang kita bawa ke mahkamah di bawah ada 8. Untuk makluman, di Melaka kita ada satu kes yang mana dendanya dijatuhkan hukuman oleh pihak mahkamah sebanyak RM110,000 ini satu jumlah yang besar. Di Negeri Sembilan ada satu kes RM40,000 telah dikenakan denda, di Melaka ada satu kes RM30,000 dendanya, di Kelantan satu ada RM10,000 dan Wilayah Persekutuan RM40,000 denda yang dikenakan dan di Putrajaya RM25,000 ataupun enam bulan penjara jika gagal membayar denda. Di Johor RM13,000 ada satu kes, di Melaka ada juga satu kes iaitu RM30,000. Jadi lapan kes telah kita bawa ke mahkamah dan tiga kes masih lagi belum selesai iaitu di Selangor, di Pulau Pinang dan di Putrajaya.

Kalau jumlah kompaun yang telah kita kenakan jumlah RM95,000 dan kes dalam siasatan masih lagi ada 49 kes. Jadi ini menandakan bahawa tindakan-tindakan selain daripada kompaun yang telah kita kenakan kita juga bawa kerana pengguna masih belum rasa puas hati sekiranya tidak dibawa pesalah-

pesalah ini ke mahkamah tetapi kita telah bawa lapan kes dan banyak lagi kes-kes ini akan kita bawa ke mahkamah dalam masa yang akan datang. Terima kasih.

**10. Datuk Lihan Jok** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, apakah kajian baru yang sedang ditaja oleh kerajaan untuk mewujudkan idea dan inovasi baru di dalam dan di luar negara.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:**

*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains dan Inovasi ataupun MOSTI sentiasa menyokong aktiviti penyelidikan, pembangunan dan inovasi yang dijalankan oleh penyelidik dan saintis tempatan. Fokus utama ialah dalam sembilan bidang yang ditetapkan oleh Majlis Sains dan Penyelidikan Kebangsaan ataupun NSRC iaitu:

- (i)      kepelbagaian bio;
- (ii)     keselamatan *cyber*;
- (iii)    jaminan tenaga;
- (iv)     perubahan iklim dan alam sekitar;
- (v)     jaminan makanan;
- (vi)     rawatan perubatan dan penjagaan kesihatan;
- (vii)    tanaman perladangan dan komuniti;
- (viii)   pengangkutan; dan
- (ix)     perbandaran serta jaminan bekalan air.

Pada tahun 2014, MOSTI telah meluluskan sebanyak 258 projek penyelidikan, manakala dalam tahun 2015 ini sehingga kini sebanyak 57 projek yang telah diluluskan. Antara contoh kajian reka cipta pencetus idea dan inovasi baru ialah:

- (i)     penyelidikan mengenai status nutrien rawatan tanaman padi menggunakan teknologi *remote sensing*, dan sistem maklumat Geografi yang bertujuan untuk membantu mengoptimumkan penggunaan input pertanian dan seterusnya meningkatkan pengeluaran hasil padi negara;
- (ii)    penyelidikan dan pembangunan *product medical in plant* berdasarkan bahan alui dan logam;
- (iii)   membangunkan platform untuk menyalurkan data menggunakan peranti melalui internet bagi menyokong persekitaran yang dipanggil *Internet of Things* (IoT);
- (iv)    membangunkan platform teknologi *Big Data Analysis* ataupun *analytic* atau (BDA) untuk membantu pengguna dan industri memproses serta menguruskan data;

- (v) penyelidikan untuk membangun dan mengoptimumkan prestasi *subtract composite cuprum* dan *tube nano carbon* bagi meningkatkan kecekapan pengodesian haba alat elektronik; dan
- (vi) penyelidikan dan pengetahuan torium yang terdapat di Malaysia sebagai asas penjanaan sumber tenaga pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, MOSTI turut juga menjalin kerjasama dengan institusi penyelidikan antarabangsa dalam melaksanakan R&D. Sebagai contoh kerjasama antara SIRIM dengan *Franz Hofer* institut dari German dalam membangunkan produktiviti industri berdasarkan inovasi dan teknologi ia bertujuan untuk meningkatkan penggunaan automasi di kalangan SME di samping mengurangkan kebergantungan kepada tarif pekerja dari luar negara. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang begitu komprehensif yang akan meyakinkan bahawa kita ini Malaysia adalah atas landasan menjadi negara yang maju akibat pemikiran yang kreatif dan inovasi yang kita lakukan.

Saya hendak kemukakan soalan. Kita ada badan-badan yang berhubung dengan inovasi seperti Yayasan Inovasi Malaysia dan juga ada satu lagi agensi inovasi Malaysia. Adakah kerajaan ingin memperluaskan sayapnya supaya hangat-hangat tentang inovasi ini disebar sama rata seperti Sabah adakah pusat-pusat ingin didirikan di sana, di Sarawak. Macam mana rancangan kerajaan? Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Terima kasih kepada soalan tambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Datuk Lihan Jok, Yayasan Inovasi Malaysia ataupun YIM salah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains dan Inovasi MOSTI. YIM adalah sebuah agensi yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi kedua-duanya mempunyai fungsi yang berlainan. Biar saya jawab fungsi YIM. Sebenarnya kita tidak berhajat untuk membuka cawangan YIM di Sabah atau di Sarawak atau di mana-mana negara.

Akan tetapi salah satu projek besar YIM ini tujuannya tujuannya ditubuhkan adalah untuk mencari inovasi-inovasi baru daripada akar umbi. Maknanya dia akan menjelajah ke seluruh negara untuk mencari produk-produk inovasi dan ini pun telah dilaksanakan melalui satu program yang dipanggil jejak inovasi. Di mana jejak inovasi ini telah pun berada di Sabah dan Sarawak dan boleh dikatakan semua negara di Semenanjung untuk mencari produk-produk akar umbi dan pada masa sekarang lebih daripada 1,500 jenis rodak yang telah kita kumpul.

Yang penting yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sains adalah bagaimana untuk menjadikan produk akar umbi ini boleh dikomersialkan di peringkat antarabangsa di peringkat tempatan. Yang ini sebenarnya kerja yang sangat penting. Sebab itu baru-baru ini Kementerian Sains telah mendapat peruntukan sebanyak RM20 juta untuk mempromosi yang dipanggil inovasi sosial. Yang ini banyak melibatkan produk-produk yang dihasilkan oleh komuniti masyarakat dan juga produk-produk yang dijumpai melalui jejak inovasi dijalankan seluruh Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan pertanyaan yang ke-11. Sebelum itu saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat. Ada satu usul, saya minat Ahli Yang Berhormat Menteri.

■1140

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.34 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan pada jam 1 tengah hari untuk membolehkan Mesyuarat diteruskan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan kesemua rang undang-undang yang tersenarai di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga ke satu tarikh yang tidak dapat ditetapkan.”

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, hari ini hari terakhir persidangan kita dan kita teruskan itu sehingga habis selesai. Kalau sekiranya selesai habis cepat, cepatlah kita boleh beredara. Itu tujuan kita.

**11. Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah pendirian kementerian terhadap cadangan mewujudkan peraturan penggunaan nama syarikat dalam Bahasa Melayu. Ini bersesuaian dengan usaha kita memartabatkan penguasaan dan identiti bahasa kebangsaan di negara ini.

**Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad yang mengajukan soalan kepada kementerian. *Alhamdulillah* Tuan Yang di-Pertua, hari ini hari yang penghabisan dan kementerian dapat “durian runtuh” hari ini. Ini soalan yang ketiga untuk diberi jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya mana-mana entiti perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 boleh menggunakan nama yang dibenarkan Menteri atau diluluskan oleh pendaftar. Untuk tujuan ini, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menyediakan garis panduan supaya nama yang dicadangkan hendaklah menggunakan bahasa, ejaan dan struktur bahasa yang betul.

Piaawai prosedur operasi yang terpakai di SSM berhubung kelulusan nama adalah termasuk menyarankan penggunaan nama yang tiada percampuran bahasa. Sekiranya permohonan yang diterima mempunyai percampuran bahasa, beberapa kriteria akan dikenal pasti untuk kelulusan nama. Misalnya, permohonan nama yang mempunyai percampuran bahasan tetapi memaparkan jenis perniagaan pada nama syarikat, boleh diluluskan. Manakala permohonan nama yang mempunyai campuran bahasa dan nama tersebut tidak menggambarkan jenis perniagaan yang dijalankan serta permohonan nama yang tidak mengikut struktur bahasa, akan ditolak.

Walau bagaimanapun, tiada peruntukan dalam akta-akta yang dinyatakan seperti di atas yang mewajibkan penamaan sesebuah syarikat itu dalam bahasa kebangsaan. Polisi ini bertujuan untuk memberi kebebasan dan kemudahan kepada pemilik perniagaan untuk memilih bahasa yang bersesuaian dengan model perniagaan mereka berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menjaga keutuhan dan kemartabatan bahasa kebangsaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab dan menerangkan secara komprehensif dan kemas nampaknya. Jadi soalan saya tadi, akhir-akhir ini minat pada syarikat-syarikat ini hendak meletakkan nama dalam bahasa Inggeris yang kadangkala tidak kena, khususnya dalam bandar raya ini dan bandar-bandar besar termasuk di luar bandar.

Contoh satu, kadangkala bunyi pun tidak berapa sedap, seolah-olah macam mencarut pun ada kita dengar. Contoh di luar bandar, *the Blue Valley Plantation*. Tidak boleh katakan lembah biru atau ladang biru. Itu senang. Tidak bolehkah pihak KPDNKK ada satu *monitoring system* (pengawasan) supaya dapat kita mengingatkan dia, menegur dengan cara lembut bahawa kita berpaksikan kepada identiti Malaysia tadi. Itulah saya harap tadi supaya ada pengawasan yang teratur sedikit supaya nama pelik-pelik tidak berlaku untuk menampakkan identiti Malaysia itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Memang daripada segi Suruhanjaya Syarikat Malaysia, kita meneliti segala permohonan itu. Sekiranya ada permohonan-permohonan yang telah ditolak kerana contoh yang saya boleh bagi permohonan syarikat yang telah ditolak adalah seperti berikut, terutama termasuk nama diri yang bukan salah seorang pengarah ataupun nama satu cap dagangan berdaftar tetapi kebenaran daripada pemilik cap dagang.

Banyaklah perkara yang perlu dan boleh kita menolak. Selain daripada itu, menyerupai terjemahan kepada nama syarikat yang telah didaftar. Itu juga kita tolak. Menyerupai dan boleh

dikelirukan dengan nama syarikat lain, menyerupai dan boleh dikelirukan dengan nama yang sedang tersimpan, mengelirukan daripada segi identiti, jenis objek dan sebagainya adalah tidak sesuai untuk digunakan sebagai nama sebuah syarikat.

Jadi, kita ada permohonan-permohonan yang telah kita tolak tetapi daripada segi nama yang dipilih oleh seseorang untuk didaftarkan sebagai mewakili syarikat mereka, memang tidak ada akta. Ini kerana sebab itulah ada kita nampak pelbagai nama sama ada nama Maniam Enterprise ataupun Wat Sing dan sebagainya. Jadi, itu bergantung kepada permohonan dan ada kriteria-kriteria dan syarat yang telah kita tetapkan. Sekiranya tidak memenuhi, itu akan kita tolak. Akan tetapi banyak kita bagi kelonggaran kerana mengikut kemahuan, kerana syarikat-syarikat ini didaftarkan mengikut oleh pelbagai bangsa, Melayu, Cina, India dan lain-lain. Mereka merasakan perlu untuk dinamakan syarikat-syarikat mereka ini mengikut kepercayaan mereka dan sebagainya, jadi itu terpaksa kita terima.

Selain daripada itu, kadang-kadang ada juga daripada segi iklan nama syarikat di depan premis-premis masing-masing, itu juga perlu dilihat supaya bahasa ataupun perkataan (*wording*) yang hendak disediakan itu mesti mengikut garis panduan, tetapi itu kuasa di bawah pihak berkuasa tempatan. Terima kasih.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kerajaan kini mengutamakan Bahasa Melayu dalam papan tanda iklan dan juga penggunaan nama syarikat. Soalan tambahan saya, berapa syarikat yang telah didaftar di negara kita dan berapa yang menggunakan Bahasa Malaysia?

Kedua, tadi Datuk Seri Haji Abd. Halim kata ada banyak nama yang kurang enak, apakah kerajaan boleh menukar nama itu kepada nama yang lebih sesuai walaupun ia telah didaftarkan dengan merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka? Soalan saya yang terakhir, berapa lama untuk mendaftar sesebuah syarikat? Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Mengikut jumlah yang dikehendaki oleh Yang Berhormat, saya terpaksa memberi secara bertulis kerana jumlah itu yang perlu disebut dengan angka yang agak spesifik. Jadi itu tidak ada pada saya pada ketika ini dan akan kita beri.

Cuma apa yang ada pada saya ketika ini, yang boleh saya sampaikan kepada Yang Berhormat iaitu statistik carian nama kerana ini juga perlu diberi, dibuat dalam tempoh tiga tahun. Ini kerana bila sesuatu syarikat itu hendak didaftarkan, mereka mesti berbuat carian nama pada SSM. Jadi kalau ikut jumlah pencarian nama ini dalam tempoh tiga tahun, tahun 2013 lebih 127,692 nama, tahun 2014 134,753 nama yang telah dibuat carian dan tahun 2015 sehingga Jun ini, 61,197.

#### ■1150

Itu daripada segi carian kerana seseorang itu bila dia hendak berdaftar dengan SSM, dia mesti membuat carian. Kalau tidak kita takut dia ada pertindihan daripada segi nama yang sama dan sebagainya. Jadi dari situ barulah kelulusan ini diberi kepada pemohon-pemohon untuk mendaftarkan syarikat. Bagi segi maklumat berkaitan nama syarikat, perniagaan dan LLP yang dipohon yang diluluskan

dan ditolak. Ini juga ada diluluskan, kalau tidak mengikut syarat diluluskan dan ditolak. Jadi untuk makluman, permohonan-permohonan ini pada tahun 2013 kita telah meluluskan 69,090. Ada juga yang ditolak, ini 38,414 yang ditolak. Ini menandakan bahawa kriteria yang terdapat untuk menujuhkan syarikat itu tidak dipenuhi, terpaksa ditolak.

Pada tahun 2014, yang ditolak ada 38,000 lebih dan pada tahun 2015 sehingga Jun ini sudah ada 14,016 nama telah ditolak. Selain daripada dilulus dan ditolak, ada juga yang masih lagi diquery perlu kita mendapat lebih daripada itu maklumat-maklumat. Berapa jumlah syarikat yang dipohon? Ini kita akan hantar kepada Yang Berhormat secara bertulis. Berapa lama untuk daftar syarikat? Penubuhan syarikat dalam tempoh hari ini kalau syarikat biasa ini, satu hari sahaja Yang Berhormat melalui yang mudah kerana sekarang ini kita telah buka supaya didaftarkan melalui *online*. Jadi dalam tempoh satu hari sahaja sudah boleh diluluskan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Begitulah sahaja soalan-soalan lisan yang dapat kita jelaskan pada hari ini. Seterusnya Yang Berhormat Setiausaha.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]**

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG POLIS (PINDAAN) 2015

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[6 Julai 2015]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menyambung dan memberikan huraian. Dipersilakan Yang Berhormat.

**11.52 pg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada tinggal sedikit, betul-betul sedikit, harap satu minit boleh habis. Saya sambung semalam.

Peruntukan Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2015. Elemen-elemen utama dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 33(2) Akta 344 iaitu Akta Polis untuk membenarkan gaji dan elau seorang pegawai rendah polis atau konstabel diserah hak atau dipindahkan

atau ditahan, diasingkan atau di levi bagi atau berkenaan dengan apa-apa jua hutang yang kena dibayar pada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015, Akta 767 berkenaan dengan kemudahan pembiayaan perumahan yang diberi oleh lembaga itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Polis 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

#### 11.54 pg.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akta ini pada asasnya ada bersamaan dengan akta yang telah saya bahaskan minggu lalu iaitu akta yang bersabit dengan tentera. Persamaannya ialah tentang hutang untuk perumahan tetapi ada juga perbezaannya. Perbezaannya ialah manakala bagi tentera, gaji tidak disentuh tetapi pencen dan faedah-faedah lain selepas berhenti kerja. Sebaliknya bagi polis pula, apa yang ditegaskan di sini membenarkan gaji dan elaun seorang pegawai rendah polis atau konstabel diserah hak atau dipindahkan. Jadi dengan secara spesifik disebut di sini gaji dan tidak disentuh sama sekali tentang pencen dan faedah. Hal ini adalah lebih berat bagi polis kalau dibandingkan dengan tentera. Sudahlah gajinya rendah maka hendak diserah hak pula apabila berhutang dan tidak boleh membayarnya dan sekiranya keluarga polis itu besar saya tidak tahu macam mana mereka hendak hidup apatah lagi hendak mendirikan rumah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa oleh sebab berlakunya keadaan ini maka ingin saya tegaskan seperti yang saya tegaskan juga pada masa membahaskan soal tentera itu bahawa kita harus memberikan perhatian dan bantuan yang sewajarnya kepada mereka yang berkhidmat dalam pasukan keselamatan ini kerana khidmat mereka, kerana pengorbanan mereka bagi keselamatan rakyat dan juga keselamatan negara. Jadi kalau misalannya dengan gaji yang kecil, tiada rumah, keluarga besar, gaji pula dipotong, maka tentulah masalah hidup bagi mereka tentu berat terutama bila ada ramai anak yang masih bersekolah dan sebagainya.

Waktu membahaskan soal tentera tempoh hari, saya mencadangkan supaya difikirkan tentang memperkenalkan di kalangan mereka sistem hutang beli iaitu sewa beli iaitu mereka bayar sewa dan akhirnya dianggap bayaran sewa itu sebagai bayaran untuk pembelian. Ini lebih ringan saya rasa daripada yang diadakan untuk akta ini. Sebenarnya akta yang hampir serupa isinya melibatkan juga hakim, mungkin hakim mampu kalau gajinya tinggi tetapi di sini dispecifykan polis ber pangkat rendah. Itu satu Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi tentu lebih baik kalau ada peluang yang boleh memudahkan anggota polis dan tentera ini terutama untuk membuat rumah selepas pencen. Saya pernah bergerak agak cergas dalam gerakan

membantu peneroka bandar. Kita tidak gunakan perkataan setingga tetapi kita gunakan peneroka bandar kerana kebanyakannya mereka ini menerokai bandar-bandar asalnya. Saya berjumpa beberapa orang anggota polis dan tentera hidup di rumah-rumah yang keadaannya teruk di kawasan-kawasan peneroka bandar itu. Ada di antara mereka yang telah dihalau keluar tanpa apa-apa bayaran, tanpa apa-apa pampasan dan ada yang telah dirobohkan rumahnya dalam tindakan itu. Jadi tentulah sekali tidak wajar perkara itu dibuat terutama kerana mereka tidak mampu dengan pencen mereka untuk menyewa rumah di Kuala Lumpur ini. Itu sebab terpaksa membuat ini. Kita tahu ada undang-undang, undang-undang yang menangani masalah peneroka bandar ini. Akan tetapi walaupun undang-undang ada, janganlah ia terlalu zalim dan dilaksanakan dengan terlalu kejam terutama bagi anggota-anggota pasukan keselamatan itu.

■1200

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, di setengah-setengah negara di rantau ini, ada cara memberi tanah kepada mereka yang pencen ini di kalangan anggota-anggota keselamatan ini, polis ataupun tentera. Bahkan masa darurat itu dulu, darurat kita di negara ini, *special constable* ataupun polis-polis khas juga diberi tanah apabila mereka selesai perkhidmatan mereka. Kalau tanah untuk pertanian luas sedikit. Kalau tanah untuk perumahan, kecil sedikit.

Saya ingin mencadangkan di sini Tuan Yang di-Pertua supaya diadakan sistem untuk memberi tanah khususnya kepada polis dan askar yang rendah pendapatan mereka supaya ini dapat meringankan mereka untuk hidup. Kalau tanah kecil untuk tapak rumah, sekurang-kurangnya beban mendirikan rumah itu kurang sedikit sebab tidak perlu membeli tanah. Kalau misalannya tanah untuk pertanian, dapat membantu juga hidup mereka dengan pertanian kalau mereka boleh lakukan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datin Rahimah.

**12.02 tgh.**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut sama berbahas Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2015 ini. Saya melihat kelebihan berhubung dengan Rang Undang-undang ini iaitu akta yang dicadangkan yang bertujuan untuk meminda Akta Polis 1967 [*Akta 344*].

Saya ingin menyentuh Fasal 2. Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 33(2), Akta 344 untuk membenarkan gaji dan elauan seorang pegawai rendah polis atau konstabel diserah hak atau dipindahkan, atau ditahan, diasingkan atau dilevi bagi atau berkenaan dengan apa-apa hutang yang kena dibayar kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 [*Akta 767*] berkenaan dengan kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang diberikan oleh Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan sudah sampai masanya, satu bentuk kajian komprehensif secara holistik perlu dilakukan untuk menyelesaikan masalah perumahan polis khususnya yang bertugas di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman. Ini penting agar anggota polis terutamanya yang berpangkat rendah hidupnya selesa dan boleh menjalankan tanggungjawab dengan sempurna, juga kepada ahli keluarga mereka, ditambah lagi dengan kos sara hidup sekarang ini yang begitu tinggi dan 2-3 hari ini pula ditambah dengan harga minyak yang naik dan tol juga naik. Saya ingin bertanya beberapa soalan berkaitan dengan *progress* pembinaan kuarters perumahan PDRM ini. Jadi saya mohon statistik jumlah projek perumahan PDRM seluruh negara dari tahun 2005 hingga 2015.

Dari jumlah ini berapakah yang sudah siap didiami dan yang masih terbengkalai dan boleh dikategorikan sebagai projek sakit? Soalan seterusnya apakah langkah yang diambil dalam mengatasi isu ini kerana daripada pembacaan saya antara punca utama yang mencetuskan fenomena tersebut disebabkan kegagalan pihak kontraktor untuk membayar jumlah perbelanjaan pembinaan kepada sub kontraktor? Faktor yang lain ialah prosedur rumit dan kerentang birokrasi untuk membuat permohonan semula kepada Kementerian Kewangan dalam pelaksanaan projek yang terbengkalai turut menyumbang kepada situasi yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan, untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sudi memberi peruntukan tambahan untuk membaik pulih perumahan polis dan juga warga Angkatan Tentera Malaysia. Dalam hal ini saya ingin sentuh mengenai kuarters polis. Saya difahamkan terdapat beberapa buah kuarters usang yang tidak diselenggarakan dengan baik sehingga tidak selesa untuk didiami. Misalnya pendawaian yang kurang baik untuk didiami, bangunan yang tidak dicat baru dan kerosakan yang berlarutan tanpa dibaiki. Ada setengahnya saluran najis dan kumbahan tersumbat sejak bertahun-tahun.

Daripada segi kebersihan kawasan dan bangunan pula, tidak ada seliaan dan selenggaraan yang tetap, tidak ada tukang kebun, tidak ada tukang sapu, penghuni sendirilah yang terpaksa pungut sampah. Memang kuarters suatu pendekatan yang berkesan dalam kaitan dengan kerja-kerja kepolisan. Selain daripada berhampiran dengan tempat kerja dan mudah berhubung dengan rakan-rakan setugas, ia juga boleh menjamin keselamatan keluarga semasa anggota polis keluar bertugas. Jadi persoalannya, apakah langkah segera kementerian untuk membaik pulih dan menyelenggarakan kuarters atau berekberek polis yang usang ini?

Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pengumuman kenaikan elauan perumahan bagi gred pelaksana dari RM180 ke RM300 yang diumumkan Jun lalu. Dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2015 ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

**12.08 tgh.**

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Polis 1967. Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar pembentangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dalam rang undang-undang ini dan pindaan kepada seksyen 33 sebagaimana yang telah dinyatakan tadi. Ada beberapa persoalan yang saya ingin timbulkan dalam perbahasan ini. Yang pertama kita lihat rumah salah satu keperluan asasi yang diperlukan oleh setiap orang tanpa mengira siapa terutamanya kepada anggota keselamatan atau polis yang mereka memberi sepenuh tumpuan dan khidmat sehingga sampai bersara ataupun yang tidak sempat bersara.

Mereka sebenarnya kalau kita tengok dalam akta ini diberi tumpuan kepada pegawai atau kakitangan yang berpangkat rendah dan tidak termasuk yang berpangkat tinggi. Jadi kita sudah tahu bahawa orang yang berpangkat rendah ini pendapatannya terbatas dan terhad dan untuk memiliki rumah merupakan satu perkara dorongan tekanan kepada kehidupan setiap insan. Di sutilah kita perlu melihat bahawa mekanisme untuk membolehkan dan membantu mereka dalam kehidupan yang selesa.

**■1210**

Sebagai seorang anggota polis, tidaklah selama-lamanya mereka ingin duduk di rumah kediaman yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Sampai masanya, mereka akan bersara dan akan hidup sendiri. Pada ketika itu, andai kata yang berpendapatan rendah daripada awal sampailah kepada persaraannya, maka sudah tentu dengan pendapatan sedikit itu mereka tidak mampu untuk membina rumah kalau sekiranya tidak diambil daripada peringkat awal. Di sinilah kita melihat satu mekanisme perlu diberikan dan diberi *guidelines* atau panduan, dengan izin, kepada mereka supaya mereka dapat menyusun atur kehidupan mereka. Agar setelah mereka bersara nanti atau tamat dalam perkhidmatan, mereka ada sebuah rumah yang sesuai dengan mereka.

Di sini juga saya ingin bertanya kenapa ditekankan kepada yang berpendapatan rendah? Adakah yang berpendapatan tinggi tidak terbabit dengan keadaan ini? Itu satu soalan yang *simple* bagi saya. Boleh jadi pihak yang menggubal rasa orang tinggi, pendapatan banyak, mungkin tidak menjadi masalah. Sebenarnya kalau kita lihat, orang yang berpendapatan tinggi pun susah juga sebab dia periuk besar, keraknya besar juga. Cuma mungkin mudah daripada orang yang berpendapatan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi di sini bahawa kita lihat polis dan juga anggota keselamatan yang lainnya merupakan orang yang berada di baris hadapan. Di dalam menjaga kestabilan masyarakat dan negara. Mereka akan membantu di dalam memastikan keamanan terjamin dan orang lain boleh hidup dengan aman dan damai dan juga boleh tidur dengan nyenyaknya. Namun, mereka akan bersengkang mata di dalam melakukan kerja-kerja yang mereka sendiri merupakan telah memberi diri mereka untuk tugas tersebut. Oleh sebab itulah, maka semua kebaikan mereka perlu diperhatikan. Kita tahu bahawa tugas mereka adalah mencabar dan kadang-kadang tidak menentu, masa yang tidak menentu dan dikerahkan apabila diperlukan. Ini sekali lagi mereka berada di tempat yang sukar dalam kehidupan walaupun kadang-kadang kita melihat perkara itu seperti perkara biasa sahaja. Saya ingin

menekankan juga bahawa polis ini kalau kita lihat dari sudut yang lain, mereka termasuk di kalangan istilah yang melakukan *amar makruf nahi mungkar*.

Walaupun istilah *amar makruf nahi mungkar* ini Tuan Yang di-Pertua, mungkin istilah yang hanya disebut oleh dalam bidang agama. Akan tetapi sebenarnya bagi saya melihat, polislah antara golongan yang melakukan kerja ini. *Amar makruf* bermaksud menyuruh orang buat baik, *nahi mungkar* bererti mencegah kemungkaran. Siapa kalau tidak polis melakukan pembanterasan terhadap judi, perompakan, jenayah, macam-macam lagi yang berlaku dalam masyarakat, kalau tidak polis? Sebenarnya, kalau sekiranya profesion ini difahami oleh masyarakat dan juga anggota polis, mereka bukan sahaja berkhidmat dalam anggota polis itu satu kerjaya. Akan tetapi pada waktu yang sama, mereka mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah SWT.

Ini yang kita perlu dedahkan kepada masyarakat, bukan sekadar kita mencari rezeki dengan profesion itu. Akan tetapi profesion itu adalah membawa seseorang itu mendapat ganjaran besar. Akhirnya nanti, kalau ditakdirnya sampai usia, kita akan sampai usia dan penghujungnya kalau ditakdirkan sampai ke akhirat akan dibagi ganjaran syurga yang besar. Oleh sebab itulah saya melihat tugas ini tugas besar. Kemudian tugas polis lagi kita rasa sangat besar lagi mencabar dan kita pada hari ini dikehutkan di akhbar ini Tuan Yang di-Pertua. MyKad kedua RM200,00, ada yang sanggup membayar sampai RM1.3 juta. Orang negara luar yang disebut dalam akhbar inilah saya berpegang sini sahaja Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana seorang dari negara luar, warganegara luar sanggup membayar RM1.3 juta untuk mendapat MyKad? Bagaimana mereka, kenapakah mereka sanggup sampai sejumlah wang yang begitu besar? Sanggup, sudah pasti rancangannya lebih besar daripada itu. Ibarat seorang pengail, umpannya sedikit sahaja tetapi dia angan-angan untuk mendapat ikan besar.

Seseorang tidak akan sanggup mempertaruhkan jumlah wang yang sebegini besar kalau sekiranya sasarannya tidak besar, sudah tentu besar. Saya menaruh keimbangan kalau benarlah laporan ini. Menaruh keimbangan apa sebenarnya rancangan yang telah dilakukan oleh orang-orang ini terhadap negara kita. Oleh sebab itu, saya melihat sekali lagi polis berhadapan dengan tanggungjawab besar untuk menangani, menyiasat dan seterusnya membanteraskan kegiatan ini di samping SPRM dan agensi-agensi yang lain. Ini merupakan tugas besar yang saya rasa kita semua, termasuk kita rakyat Malaysia. Saya khatir ada agenda besar di sebalik kerja besar. Walaupun hanya ditangkap berapa orang dalam kes ini tetapi saya percaya ia bukan dua tiga orang. Ini merupakan satu sindiket antarabangsa yang boleh memusnahkan negara. Selain daripada kemasukan pekerja-pekerja asing tanpa melalui jalan yang sah, kalau didorong lagi, di dokong lagi dengan hal-hal ini. Maka, negara kita sudah berada dalam keadaan yang tidak stabil lagi.

Oleh sebab itu, saya mengharapkan bahawa pihak polis yang telah diberi tanggungjawab, diberi perhatian kepada mereka. Semoga dengan pemberian, insentif dan begitu juga pemberian kebijakan mereka difikirkan dengan sebaik-baiknya supaya mereka rasa selesa berkhidmat sebagai anggota polis. Mereka juga akan rasa gembira dengan apa yang telah dilakukan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam.

#### 12.17 tgh.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong rang undang-undang ini meminda Akta Polis 1967. Saya tengok macam ada kekeliruan bila akta ini dibentangkan, macam dahulu anggota polis tidak ada skim pinjam rumah. Saya fikir anggota polis tentu ada skim pinjam rumah. Jadi, bila dia bekerja, kata dia tinggal kquarters tetapi dia boleh beli rumah di taman perumahan yang lain, jadi tiap-tiap bulan tolak gaji. Kemudian katakan dia pencer, bila dia pencer, kalau ada baki itu tidak habis, bolehlah tolak gratuity yang dia dapat dan sebagainya. Kalau isterinya pula dapat pencer, jadi pencer isterinya bolehlah digunakan untuk tolak bayaran ansuran. Akan tetapi akta ini menunjukkan macam konstabel ini tidak dapat pinjaman perumahan kalau kita sekali pandang. Saya hendak tanya, apakah pihak konstabel polis dan ke bawah ini ada Skim Pinjaman Perumahan? Mengapa pula baru ini kita hendak masukkan kalau dia berhentikah, dia pencer, kita boleh tolak apa-apa yang ada.

Kedua, berkaitan dengan pangkat atas tadi, inspektor dan ke atas macam yang disebut oleh Dr. Syed Husin Ali dan Dato' Dr. Johari bin Mat. Apakah pegawai-pegawai tinggi ini telah ada skim yang sama? Bermakna, kalau mereka pencer, boleh tolak gratuity yang diterima. Kalau isterinya dapat pencer, kita tolak pula daripada pencer isterinya. Saya berharap juga membeli rumah ini termasuk juga beli tanah. Kalau dia tidak hendak beli rumah tetapi dia cuma hendak beli tanah sahaja, tapak rumah, ini juga patut dibenarkan. Supaya dia boleh bina rumah itu esoklah menggunakan duit anak diakah, keluarga dan sebagainya.

#### ■1220

Saya akhirnya Tuan Yang di-Pertua, kita apabila membuat undang-undang banyak menggunakan perkataan Inggeris. Jadi bila kita *translate* itu kita gunakan ayat ikut cakap orang putih. Jadi kita hendak fahamkannya pun pening kepala. Saya harap undang-undang yang akan datang kita gunakan tatabahasa Melayu supaya kemas dan mudah difahami. Tidak seperti sekarang ini berpusing, pusing, pusing, akhirnya kita pun tidak tahu apa sebenarnya apa yang kita sedang bincang. Yes, no, alright. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Akhir sekali saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Siti Aishah.

#### 12.20 tgh.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya keizinan untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Meminda Akta Polis 1967. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada akta ini apa yang lebih spesifiknya yang boleh kita sebut ialah ia soal kebijakan anggota polis yang harus dititik beratkan oleh pemerintah khususnya kerajaan

yang ada. Kalau kita lihat ini banyak sudah disebut tadi soal perumahan anggota polis, daripada segi kuartersnya, kediaman mereka.

Kalau kita lihat di seluruh negara ada yang dibaik pulih dan ditambah baik itu dalam keadaan yang cukup selesa. Akan tetapi ada kebanyakan daripadanya itu yang masih belum lagi mengalami apa yang disebutkan sebagai reformasi sistem kediaman mereka ini. Oleh sebab kalau kita lihat dan kita tahu bahawa persekitaran kehidupan seseorang itu boleh menyumbang kepada tahap kerja yang baik dan bermutu untuk mereka mengetengahkan cara kerja mereka di luar sana.

Kalau kita lihat anggota-anggota polis ini mengorbankan masa mereka. Kalau saya boleh berkongsi, saya buat sedikit *research* di laman-laman sosial yang mana ada di antara anggota polis membangkitkan soal bagaimana mereka terpaksa kerja 24 jam, tujuh hari seminggu, bagaimana tekanan dan bebanan yang dihadapi tetapi apabila mereka pulang sahaja ke rumah dalam keadaan kuarters atau kediaman itu tidak diselia, tidak dijaga dengan baik, kadang-kadang catnya pun sudah tidak diselenggara. Ini menyebabkan apabila dia balik rumah, dia hendak satu persekitaran yang baik tetapi tidak berlaku.

Saya kira kerajaan juga harus menitik beratkan soal kediaman anggota polis ini, kuarters ini ditambah baik dan dilihat kepentingannya itu setiap tahun. Tidak hanya tunggu cat sudah luntur, tidak hanya tunggu paip sudah pecah baru kita hendak selenggara. Harus ada satu mekanisme yang dibuat oleh kerajaan untuk memastikan kediaman-kediaman anggota polis ini yang melibatkan seluruh negara ini ditadbir urus dengan cara yang lebih baik. Itu yang pertama.

Keduanya, apabila kita sebut soal penceran anggota polis, apa semua, ini satu perkara yang harus kita pandang serius Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab kalau kita lihat di luar sana apabila kita keluar, kita tengok yang meramandu teksi ini kadang-kadang ialah bekas anggota polis yang dulunya mereka ini berkhidmat sebaiknya untuk kerajaan. Mereka ini berkhidmat untuk negara, mempertahankan negara daripada segi jenayah dan sebagainya. Akan tetapi malangnya selepas mereka penceran, dengan kadar penceran yang tidak mencukupi, yang tidak betul-betul berada pada paras yang sesuai dengan ekonomi yang ada sekarang menyebabkan mereka ini yang berumur 60 tahun, 62 tahun terpaksa bawa teksi, pertamanya. Keduanya ada yang terpaksa pergi ke kilang-kilang, menawarkan...

**Dato' Khairudin bin Samad:** Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Boleh.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi ada cerita fasal bekas-bekas anggota polis jadi pemandu teksi. Yang Berhormat kena tahu Ahli-ahli Yang Berhormat Senator ini pun yang sudah penceran bawa teksi dan buka kedai *hotdog* pun ada. Itu yang kita perjuangkan. Saya bersimpati dengan mereka. Akan tetapi yang saya hendak nyatakan di sini kita hendak tengok, yang menjadi masalah sebenarnya Yang Berhormat, sebab saya tidak bahas jadi saya hendak tumpang. Apa yang menjadi masalah apabila kita buat kuarters, bagi kuarters yang elok, kakitangan kerajaan bukan sahaja polis, tentera, begitu juga dengan yang bekerja dengan kementerian jabatan. Macam Yang

Berhormat Senator tanya tadi saya tahu bahawa semuanya layak untuk ambil pinjaman perumahan kerajaan.

Akan tetapi mereka ini berbeza dengan polis atau tentera. Mereka ini berpindah randah. Tukar ke sana, tukar ke sini. Jadi akhirnya mereka hendak beli rumah, apabila dia beli rumah, dia duduk di kuarters, elaun perumahan itu setiap bulan kena potong. Jadi dia hendak bayar duit rumah, dia pindah ke sana, pindah ke sini, yang ini juga menjadi masalah. Bukan mereka tidak boleh beli rumah. Kalau beli rumah, misalnya saya ini seorang polis, saya beli rumah, saya harap saya dapat duit bulanan itu untuk bayar duit rumah itu dan tambah lagi dengan duit gaji, selain daripada elaun rumah. Akan tetapi kalau saya duduk di kuarters, elaun rumah ini dipotong. Ini yang kadang-kadang kita kena lihat dan saya hendak menumpang Yang Berhormat tadi untuk memberitahu kepada kerajaan, kalau boleh kita cari jalan macam mana kalau hendak berpindah-pindahkan polis-polis ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat banyak poin ini. Tidak payah menumpang lah selepas ini boleh cakap sendiri sudah.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Sikit, sikit, sikit saja Tuan Yang di-Pertua. Hendak cerita macam mana mekanisme nya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, pendek kan Yang Berhormat.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Supaya mereka ini kalau pindah dalam bandar itu, dekat-dekat situ, balai yang dekat situ agar kalau dia beli rumah, tidak ada lah hendak bebankan dia. Jadi tidak jadilah pemandu teksi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini Yang Berhormat tidak payah menumpang dekat dia, selepas ini Yang Berhormat boleh cakap [Ketawa]

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini pertama kali ada sesi berbahas secara beregu dalam Dewan ini. Jadi saya bersetuju tadi dengan Yang Berhormat cadangkan. Akan tetapi inilah yang kita sebut tadi Yang Berhormat. Soalnya ialah *environment*, dengan izin, persekitaran itu sebenarnya yang harus dititik beratkan memastikan tahap kerja, kualiti, kehidupan anggota polis ini bukan sahaja di persekitaran kerja mereka tetapi juga apabila mereka balik ke rumah itu keadaan kediaman itu sendiri menyumbang kepada proses kesegaran akal fikiran mereka untuk berada di kediaman pada ketika itu.

Saya sambung dalam isu pekerjaan tadi. Betul, isunya pencen itu kadang-kadang tidak betul ataupun tidak mengenai dengan isu ekonomi yang ada sekarang. Saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, soalnya bagaimana ada yang terpaksa minta kerja di kilang-kilang sebagai pak *guard* kerana hanya untuk menampung semula perbelanjaan bulanan mereka. Daripada segi macam inilah bila bekerja tidak mampu hendak beli rumah tetapi bila sudah tamat perkhidmatan tidak ada perumahan yang disediakan, tidak ada kemudahan daripada segi tanah dan sebagainya. Mereka terpaksa cari alternatif untuk mencari sumber kewangan yang lebih menampung pencen yang sedia ada untuk membayar taraf hidup mereka yang ada anak-anak, ada cucu dan pelbagai lagi. Ini juga harus dilihat sebagai satu perkara yang harus dilihat penting.

Soal kebajikan ini bukan hanya ketika mereka berkhidmat tetapi selepas mereka menamatkan khidmat mereka itu juga tidak harus menjadi beban buat mereka yang telah berkhidmat sebaiknya untuk negara dan rakyat. Itu antara penekanan yang saya tekankan dalam soal ini. Saya juga hendak bertanya kepada kementerian sejauh mana setakat sekarang sistem koperasi polis yang kita tahu diwujudkan di seluruh tempat.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** *[Bangun]*

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Bagilah saya habis dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada seorang bangun.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Ini banyak orang bersilat kan, saya pun takut ini.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Pendek sahaja.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Ini beregu nombor tiga?

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Ya, yang ketiga. Saya 30 saat sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapa, saya beri peluang Yang Berhormat.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu yang sayang Yang Berhormat baru ini *[Ketawa]* Pertama, saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat. Saya rasa terharu, pilu, sayu mendengar Yang Berhormat punya hujah ini mempertahankan pihak keselamatan pihak polis ini. Saya memang sokong 300% apa Yang Berhormat sebut. Cuma alangkah cantik dan indahnya kalau waktu buat reformasi itu janganlah pukul polis. Janganlah terbalikkan kereta polis. Janganlah maki polis. Janganlah hina pihak polis. Akan tetapi apabila *turn* hari ini Yang Berhormat cakap itu saya betul rasa hendak menangis. Oleh sebab tengok keprihatinan Yang Berhormat. Akan tetapi apabila *time* reformasi buat di tengah jalan raya itu habis polis, segala polis dimaki...

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Cukup kot 30 saat Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekejap lagi saya akan bahas tambahan.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat. Isu itu bukan isu yang harus dibangkitkan di sini sebab kita bercakap soal kebajikan. Saya anggap Yang Berhormat pun kena pandai tengok soal kebajikan, kita tekan soal kebajikan. Manusia tetap manusia.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya sokong dia Tuan Yang di-Pertua. Saya kata saya sokong 300%.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Disokong, lepas itu perli pun tidak kena juga Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan, jangan, jangan. Silakan, silakan.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Sebab kita hendak bercakap sekarang isu kebajikan polis. Tidak kira dia siapa pun dia manusia yang harus mendapat pembelaan yang sewajarnya. Oleh sebab itu kita bangkit dan kita persoalkan soal ini kerana kita melihat soalnya ialah soal kebajikan, manusia, rakyat yang harus diberikan tumpuan. Bukan soal-soal perlekeh ini, ini soal letak tepi dulu. Yang Berhormat pun sudah lama, jadi matang sikit dalam Dewan.

Jadi kita hendak sebut itu ialah yang pertama tadi saya bangkitkan kepada kementerian ialah soal koperasi polis dan bagaimana juga status apakah diwujudkan insurans khas untuk anggota polis seluruh negara yang mana melibatkan bukan sahaja melibatkan soal kemalangan, perubatan dan kematian tetapi sejauh mana iaitu bersifat efektif dengan izin kepada seluruhnya anggota-anggota apabila mereka ini mengalami musibah-musibah yang kita tidak duga. Insurans itu adakah ada insurans khas untuk mereka.

■1230

Yang kedua, apakah ada- koperasi polis ini bagaimana mekanisme kerja buatnya?

Yang ketiga ialah mungkin kementerian boleh menilai semula jumlah bayaran pencen yang harus diteliti semula mengikut keadaan semasa daripada segi ekonominya agar ia tidak lagi menyumbang kepada permasalahan kepada anggota polis selepas dia bersara kelak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Bagus Yang Berhormat. Ada ramai peminat nampaknya [Ketawa] Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

12.31 tgh.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya hendak mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih bagi pihak-nak maklumkan, saya tak menjawab menggunakan teks bertulis ini, jawapan pegawai belakang. Saya jawab sendiri. Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada semua Yang Berhormat, lima orang bercakap dan dua mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mencelah tak mahu cakap pula itu [Ketawa]

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Mencelah cakap panjang lebar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi, saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak. Nampaknya masih ada juga yang sayang kepada pihak polis ini. Saya bagi pihak kementerian amat menghargainya.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan sebenar pindaan ini bermatlamatkan, seperti apa Yang Berhormat sebut, untuk kebajikan polis. Inilah kebajikan yang terbesar yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada polis berlandaskan apa yang Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat menyebutkan iaitu memiliki rumah. Untuk memiliki rumah inilah kenapa pindaan ini diperlukan. Jadi, saya hendak cerita daripada permulaannya sedikit yang mungkin pegawai saya di belakang tak cerita. Dia jawab terus sahaja. Jadi saya beri cerita. Lagipun Tuan Yang di-Pertua, bolehlah sebab masa kita untuk berhenti makan tengah hari tak ada, tak apa, saya boleh cerita masa makan tengah hari ini.

Yang pertama, berhubung dengan perumahan polis. Dari semenjaknya polis ini diwujudkan oleh kerajaan, kemudahan untuk polis seperti perumahan yang diberikan kepada pegawai-pegawai polis untuk

membeli, bukan perumahan untuk kediaman polis yang berkhidmat ya tapi untuk pihak polis membeli menerusi pinjaman perumahan kerajaan, ia dibiayai oleh pihak kerajaan.

Jadi dengan sendirinya, kerajaan yang bina rumah ataupun kerajaan tidak bina rumah tetapi kerajaan menyediakan peruntukan, sumber kewangan yang tertentu untuk anggota polis sama ada yang pangkat rendah ataupun pangkat tinggi membeli rumah daripada pihak-pihak yang tertentu, sama ada agensi kerajaan ataupun rumah-rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju biasa. Sumber kewangannya dibiayai oleh pihak kerajaan, selain dari yang membeli dari bank.

Dengan pembiayaan kerajaan itu, kerajaan juga memotong gaji-gaji polis ini. Setelah dia membeli rumah ini, gaji dia dipotong. Bila gaji dia dipotong, bagi pihak untuk membayarkan balik- sebab rumah itu dibeli daripada pihak pemaju, dia dibayar sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Jadi kerajaan hanya caj 4% sahaja faedah untuk dikenakan kepada pembelian rumah polis ini. Jadi, polis bayar kepada kerajaan. Jadi anggota polis ini berhutang kepada pihak kerajaan, bukan berhutang kepada pemaju.

Jadi di bawah undang-undang polis ini, undang-undang ini ganjil. Ia membezakan pegawai kanan dan pegawai rendah. Pegawai kanan ialah pegawai yang berpangkat inspektor sampai ke IGP. Itu pegawai kanan polis. Jadi kalau saya salah sebut nanti, Tuan Yang di-Pertua boleh bagi tahulah. Yang pegawai rendah ini, pangkat dia daripada sub-inspektor sampailah kepada konstabel. Jadi, dua orang anggota polis ini, ia dibahagi dua ini, dua *treatment* berlainan oleh pihak kerajaan di bawah undang-undang. Yang pegawai kanan ini dia macam pegawai biasa anggota kerajaan macam pegawai PTD, pegawai- macam-macamlah pegawai kerajaan itu. Dia tak ada apa-apa.

Akan tetapi pegawai pangkat rendah ini, di bawah inspektor dan ke bawah ini, dia ada satu perlindungan yang khusus di bawah undang-undang. Perlindungan khusus. Seksyen 33 memberi perlindungan gaji mereka tidak boleh dipotong, tidak boleh dilevi, tidak boleh di- apa saja *action* mahkamah itu memang tak lakulah. Maknanya, kalau polis nak beli rumah persendirian dengan kontraktor persendirian, kalau polis ini pangkat rendah, saya sebut pangkat rendah ini maknanya subinspektor ke bawah, dia membeli daripada ABC Sdn. Bhd., selepas itu dia tak bayar, ABC Sdn. Bhd. tak boleh saman minta supaya gaji mereka dilevi, di apa semua itu tak boleh. Ia *diprotected*, dijaga oleh undang-undang seksyen 33, Akta Polis 1967.

Seksyen 33 juga membuat satu *exception*, pembayaran perhutangan kepada kerajaan dikecualikan. Maknanya, Kerajaan Persekutuan yang memberi hutang kepada pihak polis untuk membeli rumah daripada ABC Sdn. Bhd. tadi boleh memotong gaji anggota polis ini. Jadi, hanya hutang daripada kerajaan sahaja yang boleh dipotong tetapi hutang daripada persendirian tidak boleh dipotong. Kita tak boleh buat anggota polis pangkat sub-inspektor ke bawah itu bankrap kerana berhutang.

Jadi, kalau mana-mana syarikat mengetahui undang-undang ini, dia tak berani beri pinjaman, tak berani jual rumah, tak berani jual mesin, tak berani jual kereta, tak berani jual apa pun kepada pihak anggota polis yang pangkat ini sebab anggota ini tidak boleh dikacau langsung dia punya gaji, tak boleh diganggu gugat dia punya pencen. Diselamatkan oleh akta ini, seksyen 33.

Jadi sekarang kerajaan membuat mekanisme baru, perumahan tidak lagi dibiayai oleh pihak kerajaan. Perhutangan tidak lagi dibiayai terus oleh pihak kerajaan. Ia di bawah Lembaga Perumahan yang disebutkan tadi. Jadi, bimbang lembaga ini tidak akan memberi pinjaman perumahan kepada anggota polis pangkat rendah sebab tak berani sebab gaji tak boleh potong, tak boleh tuntut, tak boleh apa, semua tak boleh.

Jadi kalau ini berlaku, dengan sendirinya anggota polis pangkat rendah tidak akan berupaya membeli rumah melainkan kerajaan ambil satu tindakan khusus untuk meminda seksyen 33, memberi kebolehan pada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam ini dibolehkan memotong gaji polis apabila dia membeli rumah dengan lembaga ini dan membayar hutang lembaga itu dan bolehlah polis-polis yang berpangkat rendah memiliki rumah, mendapat rumah sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Johari. Kalau tidak, anggota yang terbesar, golongan yang terbesar ini akan tidak berupaya membeli rumah. Nak beli rumah persendirian, mungkin dia kena bayar kos yang begitu tinggi. Tak mampu. Jadi, inilah kenapa undang-undang ini bersifat kebajikan kepada pihak polis untuk membolehkan pemaju-pemaju, lembaga-lembaga yang bukan kerajaan, boleh menjual rumah kepada anggota polis pangkat rendah dan mereka *diassured* ataupun dijamin pembayaran akan diberi oleh anggota ini nanti.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sebelum anggota polis membeli rumah, penilaian sama ada mampu dia membayar semasa dia berkhidmat dengan gaji yang diterima ataupun semasa dia pencen dengan pencen yang ada, itu masih terpulang kepada pentadbiran polis itu sendiri menilai sebagaimana yang asal dulu. Ini tak ada diambil alih tugas itu. Tugas penilaian itu macam mana yang kita buat dulu semasa kerajaan memberi perumahan dan pinjaman perumahan kepada polis, masih dibuat bersama.

#### ■1240

Jadi dalam keadaan konteks inilah kenapa ini ada kekeliruan sedikit semasa kita membahaskan undang-undang ini khususnya kalau kita lihat semua perbahasan bertujuan kepada rang undang-undang ini, sewa beli dan kesan semua ini, semuanya Tuan Yang di-Pertua adalah untuk mengatasi masalah pembelian rumah oleh anggota polis berpangkat rendah. Akan tetapi kenapa pangkat rendah sahaja kenapa pangkat tinggi tidak ada? Sebab pangkat inspektor dan ke atas gajinya *is not protected under the law*. Gaji anggota polis berpangkat inspektor ke atas sebagai anggota-anggota lain macam kerani, DO, ACO, residen, KSU, SUB dan macam siapa sahaja pegawai anggota kerajaan tidak ada *protected* gaji dia. Kalau dia tidak bayar, dia boleh di saman. Kalau sumber kewangan pembiayaan lebih daripada RM30,000 dia boleh dibankrapkan tetapi *not* anggota polis berpangkat rendah.

Inilah tujuan sebenar kenapa polis berpangkat rendah gajinya diberikan satu perundangan yang khusus untuk membolehkan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 menjual rumah kepada mereka dan membolehkan lembaga ini meminta jabatan polis memotong gaji supaya dibayar kepada lembaga dan setiap bulan semasa berkhidmat dan pencen kepada lembaga pencen untuk memotong pencen kalau pencennya dipotonglah. Bayar tiap-tiap bulan kepada lembaga perumahan itu

nanti kerana dia tidak akan bercanggah dengan undang-undang yang sedia ada iaitu Akta Polis 1967, Akta 344.

Jadi itulah sebenarnya tujuan pindaan ini sahaja sebenarnya. Itu sahaja dan tidak ada lebih daripada itu. Berhubung dengan persoalan yang banyak dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih kerana peka dengan tempat kediaman polis khususnya Datin Rahimah. Perumahan polis di luar dan di dalam bandar di seluruh negara. Saya ingin menyebutkan sedikit di sini bahawa pada Kabinet dua minggu lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meminta Menteri Dalam Negeri untuk menyenaraikan projek-projek perumahan khusus Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khusus untuk kediaman dan kuarters-kuarters polis di seluruh negara. Ini *special treatment* kepada polis.

Jadi pihak polis saya sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri berterima kasih dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana melihat keperluan sebagaimana yang disebutkan oleh ramai Yang Berhormat, Yang Berhormat Datin Rahimah menyebut dan menceritakannya sama, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari memang sebut itu dan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah juga menyebut dan menceritakan tentang perumahan juga, jadi semua Ahli Yang Berhormat menyebut persoalan keperluan perumahan polis semasa berkhidmat dan peruntukan untuk polis membeli rumah selepas berkhidmat nanti dan kemudahan ini disediakan menerusi rang undang-undang pindaan ini. Supaya tidak ada keberhentian di pertengahan jalan di mana anggota polis berpangkat rendah tidak boleh membeli rumah daripada mana-mana pihak yang diwakilkan oleh kerajaan untuk menjualkan rumah kepada anggota-anggota kerajaan keseluruhannya, itu yang pertama.

Kedua, soalan perumahan untuk perkhidmatan iaitu kuarters-kuarters polis dan sebagainya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan satu jaminan bahawa kerajaan akan melihat keperluan polis untuk membiayai perumahan-perumahan dan kuarters-kuarters polis di seluruh negara. Saya berharap program ini dapat dilaksanakan dengan baik mungkin. Saya juga berdoa supaya kontraktor yang dilantik yang boleh melaksanakan projek dan memberikan kemudahan sebagaimana yang dihasratkan oleh pihak kerajaan. Memang betul apa yang disebut Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Datin Rahimah berhubung dengan kontraktor yang gagal melaksanakan projek. Jadi ini di luar perbahasan kita pada hari ini. Jadi yang pentingnya ialah semua perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi secara umumnya terkeluar daripada sebenar tajuk...

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Boleh saya tanya sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Oleh sebab polis berpangkat rendah tidak boleh membeli rumah sebab gaji tidak boleh ditolak mengikut undang-undang. Setakat ini ada tidak polis berpangkat rendah telah membeli rumah daripada sektor swasta, daripada beberapa bilangan yang ada sekarang dan kalau dia tidak bayar pada masa lepas apa yang telah berlaku sebelum undang-undang ini akan diluluskan dalam Dewan ini.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun selepas rang undang-undang diluluskan di Dewan yang mulia ini dan ditandatangani oleh Duli Yang di-Pertuan Agong, keadaan gaji pegawai anggota berpangkat rendah polis daripada sub inspektor kepada konstabel masih di *protected* oleh undang-undang Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak boleh beli dengan pemaju-pemaju swasta yang lain. Dia hanya boleh membeli dengan pemaju ini sahaja, gaji dia boleh dipotong. Kalau pemaju lain itu, minta maaflah dia *raise* untuk menjadi macam jual beli biasalah, kalau dia boleh saman itu pegawai itu tidak boleh dibankrapkan, gaji dia tidak boleh diminta kerajaan untuk memotong gaji dia untuk membayar kepada syarikat-syarikat swasta.

Semuanya itu proses-proses pelaksanaan di mahkamah tidak dapat dilaksanakan kepadanya, masih macam biasa Tuan Yang di-Pertua tetapi nisbah ataupun jumlah anggota polis yang telah membeli rumah secara swasta, membeli di luar sana memang ada tetapi *alhamdulillah* mereka ini kebanyakannya pihak yang boleh mampu membeli dan juga amat amanah, menegakkan perjanjian di antara dia dengan penjual, pemaju rumah dan tidak menggunakan latar belakang undang-undang ini untuk menipu pihak pemaju. Jadi ini jarang juga kita dengar berlaku tetapi risikonya memang tetap ada, barang siapa yang menjual kepada polis berpangkat rendah risikonya ialah bahawa anggota polis berpangkat rendah tidak boleh dijaskan gajinya, tidak boleh dibankrapkan disebabkan hutang yang ada pada dia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KEBAJIKAN HAIWAN 2015****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****■1250**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat Menteri, sila.

**12.50 tgh.**

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia dikenali dengan sosial dan budaya penyayang terhadap haiwan. Terdapat undang-undang bertulis mengenai penjagaan haiwan sejak Abad ke-15 di dalam Kanun Melaka di antara tahun 1489 hingga 1511 dan Kanun Pahang 1590 hingga 1614. Undang-undang moden mengenai penjagaan haiwan telah dikuatkuasakan sejak 5 Disember 1910 yang dikenali sebagai enakmen bagi pencegahan penganiayaan terhadap haiwan 1910. Malaysia telah mengharamkan perlagaan lembu jantan dan perlagaan ayam sejak tahun 1953. Semua agama telah memberikan penekanan kepada isu-isu yang berkaitan dengan kebajikan haiwan dan bagaimana manusia perlu membentuk sikap mereka terhadap haiwan.

Di dalam Islam jelas menekankan tentang kebajikan haiwan. Nabi Muhammad SAW bersabda, “*Barang siapa yang berbuat baik kepada makhluk Allah, dia adalah berbuat baik terhadap dirinya sendiri.*” Di dalam Al-Quran surah 6 ayat 38 bermaksud, “*Tidak ada binatang yang hidup di muka bumi dan tidak seorang yang terbang dengan sayapnya tetapi mereka membentuk komuniti seperti anda. Tiada kami tinggalkan sesuatu dari kitab dan mereka semua akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka pada akhirnya.*”

Terdapat banyak contoh dan arahan tentang bagaimana umat Islam perlu melayan haiwan seperti yang dicatatkan di dalam beberapa hadis seperti berikut. Seperti yang dikatakan oleh Abu Umamah, “*Barang siapa yang penyayang, walaupun kepada burung gereja yang Allah akan menaruh belas kasihan kepadanya pada hari Kiamat dan juga suatu perbuatan yang baik dilakukan kepada haiwan itu adalah seperti perbuatan baik yang dilakukan kepada manusia. Manakala tindakan kekejaman terhadap haiwan adalah seburuk kezaliman kepada manusia*”.

Abu Hurairah menceritakan bahawa seorang pelacur pernah melihat anjing pada suatu hari yang sangat panas sedang berpusing-pusing terjelir lidahnya kerana kehausan. Dia mencedok sedikit air menggunakan kasutnya dan kerana tindakan ini, semua dosanya telah diampuni. Abdullah bin Umar berkata, seorang wanita pernah dihukum selepas kematiannya kerana kucing yang telah dikurung, dibiarkan sehingga ia mati dan kerana ini dia memasuki neraka. Dia tidak memberikannya makanan atau

minuman ketika mengurung dan tiada juga dia biarkan ia bebas untuk makan makhluk di bumi. Semua ini dengan jelas menunjukkan di dalam Islam banyak aspek kebajikan haiwan telah diquotekan dan memerlukan seseorang untuk menghormati dan menjaga haiwan.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2012–2020 telah dilancarkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani semasa perasmian, *the 3<sup>rd</sup> OIE Global Conference on Animal Welfare* pada 6 November 2012. Pelan jangka panjang itu dirangka bagi tujuan untuk membangunkan kebajikan haiwan di Malaysia termasuklah pembangunan undang-undang, garis panduan, prasarana dan tadbir urus untuk aktiviti kebajikan haiwan, selaras dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020.

Beberapa buah negara anggota Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) telah pun mempunyai undang-undang yang khusus berkaitan kebajikan haiwan seperti di India, New Zealand, Australia dan United Kingdom. Australia contohnya telah mengenakan syarat yang ketat berkaitan kebajikan haiwan kepada negara-negara pengimpor ternakan hidup di mana kebajikan haiwan, ternakan yang diimport dari Australia hendaklah diuruskan mengikut kriteria yang telah ditetapkan di bawah *Exporter Supply Chain Assurance System (ECSAS)*.

Di bawah *World Animal Protection*, dianggarkan 330 buah kumpulan, dua juta orang individu yang prihatin dan lebih daripada 40 buah negara telah terlibat dalam pembentukan Deklarasi Kebajikan Haiwan Sejagat ataupun *Universal Declaration on Animal Welfare*. Gesaan orang awam serta badan bukan kerajaan supaya kerajaan mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap mereka yang melakukan penganiayaan terhadap haiwan telah mula meningkat.

Pada masa kini, terdapat lebih daripada 50 buah NGO yang aktif memperjuangkan hak dan kebajikan haiwan di Malaysia. Kumpulan ini mengusulkan agar kerajaan menyemak semula undang-undang sedia ada dan menyediakan satu undang-undang yang lebih komprehensif bagi melindungi haiwan di negara ini. Kebajikan haiwan meliputi skop yang luas iaitu berkaitan aspek pemeliharaan, pengangkutan, penyembelihan, pembiakan dan pemusnahan haiwan. Ia juga merangkumi kesemua jenis haiwan untuk pelbagai kegunaan seperti ternakan, haiwan kesayangan, haiwan rekreasi, haiwan akuatik, hidupan liar dan juga haiwan yang digunakan untuk tujuan penyelidikan dan pengajaran.

Malaysia sebagai ahli kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) telah bersetuju dengan kesemua garis panduan yang dikeluarkan oleh badan berkenaan berkaitan kebajikan haiwan. Pendekatan yang mengutamakan kebajikan haiwan akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang akan diiktiraf oleh negara lain di dunia. Pada 26 Ogos 2008, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah menandatangani dokumen deklarasi Kebajikan Haiwan Sejagat yang menunjukkan komitmen menyeluruh Malaysia terhadap kebajikan haiwan di medan antarabangsa.

Baru-baru ini Malaysia telah disenaraikan setaraf Australia dan Perancis oleh *World Animal Protection* di antara 50 buah negara di dunia yang mempromosikan kebajikan haiwan berdasarkan komitmen, usaha, dasar dan perundungan kebajikan haiwan. Sehubungan dengan itu, Malaysia perlu berusaha untuk memperkuatkan struktur pengurusan kebajikan haiwan negara dengan membangunkan

satu undang-undang yang merangkumi peraturan yang mempunyai piawaian yang seragam dan boleh diguna pakai di Malaysia.

Pada masa ini, perundangan yang diguna pakai dalam negara ialah Akta Binatang 1953 (Semakan-2006) bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan yang hanya meliputi aspek kezaliman dan penalti yang amat rendah sekali iaitu RM200 sahaja. Akta berkenaan tidak merangkumi pelbagai aspek kebaikan haiwan iaitu lima prinsip kebebasan iaitu keperluan persekitaran yang sesuai, diet yang sesuai, mempamerkan kelakuan semula jadi, keperluan untuk ditempatkan secara bersama atau berasingan, dilindungi daripada kesakitan, kecederaan dan penyakit.

Akta ini tidak memperuntukkan kuasa perundangan atau legislatif pada Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk mengurus perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kebaikan haiwan. Sehubungan dengan itu, mengambil kira senario dan keperluan semasa, kerajaan telah bersetuju supaya suatu perundangan berkaitan kebaikan haiwan diwujudkan iaitu Rang Undang-undang Kebaikan Haiwan 2015.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kebaikan Haiwan 2015 ini mempunyai 9 bahagian dan 64 fasal. Peruntukan yang diwujudkan dalam rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

Bahagian I mengadakan peruntukan mengenai perkara permulaan.

Fasal 1 memperkatakan tajuk ringkas pemakaian dan permulaan penguatkuasaan akta yang dicadangkan. Fasal ini menyatakan bahawa akta ini terpakai bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja.

Fasal 2 mentakrifkan beberapa perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam akta yang dicadangkan. Sebagai contoh, definisi haiwan dalam konteks rang undang-undang ini termasuklah semua haiwan, burung, haiwan akuatik, reptilia atau serangga tetapi tidak termasuk hidupan liar di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

#### ■1300

Bahagian II mencadangkan peruntukan penubuhan Lembaga Kebaikan Haiwan, fungsi Lembaga, perwakilan fungsi Lembaga, keanggotaan dan peruntukan berkaitan Mesyuarat Lembaga.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Fasal 3 hingga fasal 13 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Kebaikan Haiwan, fungsi lembaga, keanggotaan lembaga, anggota silih ganti, elaun dan perbelanjaan, pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan, pengosongan jawatan, mesyuarat lembaga dan jawatankuasa lembaga. Lembaga ini berfungsi seperti Majlis Penasihat dan pemantau termasuk menasihati Menteri.

Fasal 14 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa Menteri untuk memberikan arahan kepada Lembaga dari semasa ke semasa selaras dengan peruntukan akta ini dan lembaga hendaklah melaksanakan segala arahan tersebut.

Bahagian III mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berkaitan pelesenan.

Fasal 15 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kehendak pelesenan di mana semua orang yang menjalankan aktiviti yang melibatkan haiwan mesti memegang lesen yang sah dan jika melakukan suatu kesalahan, boleh apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada RM15,000 atau tidak lebih daripada RM75,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Fasal 16 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi permohonan dan pengeluaran lesen mengikut tatacara yang ditentukan oleh Lembaga.

Fasal 17 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi lesen tidak boleh dipindah milik dan jika melakukan suatu kesalahan yang boleh apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak lebih daripada RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Fasal 18, 19 dan 20 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tempoh kuat kuasa pembaharuan lesen dan peruntukan mempamerkan lesen.

Fasal 21 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penggantungan dan pembatalan lesen.

Fasal 22 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi rayuan kepada Menteri bagi mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Lembaga yang enggan mengeluarkan lesen atau menggantung lesen atau membatalkan lesen.

Fasal 23 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menghalang seseorang yang pernah disabitkan dengan sesuatu kesalahan di bawah akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya daripada memegang apa-apa lesen.

Bahagian IV mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubung dengan kebijakan haiwan.

Fasal 24 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan pemunya atau pemegang lesen di dalam menjaga kebijakan haiwan.

Fasal 25 adalah untuk mengadakan peruntukan bagi notis penambah baikkan dan hukuman kepada pemunya atau pemegang lesen yang melanggar notis penambah baikkan tersebut.

Fasal 26 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi haiwan yang digunakan dalam penyelidikan, ujian dan pengajaran.

Fasal 27 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengangkutan haiwan dan kesalahan kepada mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah fasal ini.

Fasal 28 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menghalang penjualan haiwan melalui jualan kepada orang yang berumur di bawah 12 tahun serta hukuman kepada orang-orang yang melanggar kesalahan di bawah fasal ini.

Bahagian V mengadakan peruntukan berhubung penganiayaan terhadap haiwan.

Fasal 29 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan penganiayaan terhadap haiwan dan hukuman terhadap kesalahan-kesalahan penganiayaan tersebut.

Fasal 30, 31, 32 dan 33 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pembunuhan haiwan, pemberian racun, urus niaga perlagaan haiwan dan penganiayaan tanpa niat serta hukuman kepada kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan fasal ini.

Bahagian VI mengadakan peruntukan berhubung dengan haiwan dalam *distress*.

Fasal 34 dan 35 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menangani haiwan dalam *distress*. Kuasa yang berhubung dengan haiwan dalam *distress*, diperuntukkan dalam fasal 34 di mana doktor veterinar berdaftar dan pegawai kebajikan haiwan diberi kuasa untuk memusnahkan haiwan yang dalam *distress*.

Bahagian VII mengadakan peruntukan berhubung dengan penguatkuasaan.

Fasal 36 dan 37 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tugas penguatkuasaan oleh pegawai kebajikan haiwan dan pembantu sukarela kebajikan haiwan.

Fasal 38, 39, 40, 41, 42 dan 43 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan iaitu kad kuasa, kuasa penyiasatan, penggeledahan dan penyitaan tanpa waran, kuasa untuk memasuki premis, kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita, mengangkut dan kuasa untuk mengelak premis atau kenderaan. Kuasa menjalankan penguatkuasaan ini diberikan kepada pegawai kebajikan haiwan yang telah dilantik oleh Menteri secara bertulis.

Fasal 44 hingga 47 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang dibenarkan selepas penyiasatan dilaksanakan oleh penguat kuasa iaitu senarai benda yang disita, perintah untuk menahan haiwan, perkakas dan lain-lain yang disita di bawah akta ini. Perintah berhubung dengan haiwan, perkakas dan lain-lain yang disita di bawah akta ini dan pegawai kebajikan haiwan boleh meminta bantuan untuk memeriksa benda yang berkaitan dengan kesalahan.

Fasal 48 dan 49 bertujuan untuk mengadakan peruntukan penanggungan kos oleh orang yang disabitkan kesalahan berkaitan kos menyimpan haiwan, perkakas atau benda lain yang disita.

Bahagian VIII mengadakan peruntukan berhubung kuasa sampingan mahkamah.

Fasal 50, 51, 52, 53, 54 dan 55 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menyatakan kuasa sampingan mahkamah iaitu bagi kesalahan kedua dan seterusnya pelucut hak kan, hilang kelayakan, penyitaan haiwan berkaitan dengan hilang kelayakan, kuasa mahkamah untuk memerintah, pemusnahan haiwan dan pelucuthakkan item yang digunakan dalam kesalahan.

Bahagian IX mengadakan peruntukan am.

Fasal 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, dan 64 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan, perbadanan. Kegagalan untuk mematuhi perintah yang sah, gambar haiwan boleh diterima sebagai keterangan perlindungan terhadap undang-undang, kesalahan yang boleh di kompaun, permulaan pendakwaan, kuasa untuk membuat peraturan-peraturan dan peruntukan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015 akan memantapkan kuasa penguatkuasaan dan meningkatkan hukuman penalti bagi kesalahan di bawah akta

ini. Di samping itu, perundangan ini dapat mengawal selia aktiviti berkaitan penggunaan haiwan seperti rekreasi, sukan, penyelidikan atau uji kaji sains bagi mencegah kezaliman terhadap haiwan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah membentangkan rang undang-undang ini kepada pihak berkuasa kerajaan negeri pada 7 Mei 2015 dan pihak berkuasa kerajaan negeri secara prinsipnya tiada halangan terhadap cadangan pengenalan dan penggubalan akta ini.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar merupakan agensi Kerajaan Persekutuan yang akan dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan Akta Kebajikan Haiwan 2015 di seluruh Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sekiranya diluluskan, Akta Kebajikan Haiwan 2015 akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk yang prihatin dan penyayang terhadap haiwan. Dengan adanya Akta Kebajikan Haiwan 2015, segala aspek kebajikan haiwan dapat terpelihara dan akan dapat mengurangkan permasalahan berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Kebajikan Haiwan untuk menyatakan fungsi Lembaga untuk mempromosikan kebajikan dan pemilikan bertanggungjawab haiwan dan perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

#### ■1310

Baiklah, sebelum saya membuka ruang untuk Yang Berhormat membahaskan rang undang-undang ini, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kita ada kurang lebih sembilan orang yang hendak membahaskan rang undang-undang ini. Oleh itu saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat sekalian supaya kalau berbahas itu, *try to make it short*. Ringkas, tepat, spesifik dan *straight to the point*. Sekiranya perkara itu telah dibangkitkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang lain itu, tak payahlah dibangkitkan lagi sebab kita kesuntukan masa. Kita ada dua lagi rang undang-undang yang hendak dibahaskan. Silakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah. Saya akan bagi setiap seorang kurang lebih 20 minit ya. Silakan Yang Berhormat.

#### 1.10 ptg.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perbahasan Akta Perlindungan Kebajikan Haiwan. Tadi semasa pembentangan, kita telah dengar bahawa kesemuanya ada 64 fasal yang akta baru ini. Saya cuma akan fokus kepada empat fasal sahaja. Fasal 1(2), fasal 6, fasal 15 dan fasal 30. Empat fasal sahaja.

Saya sedar bahawa akta ini ia akan *operate side-by-side* dengan Akta Binatang 1953 bagi menampung kekurangan yang terdapat dalam Akta Binatang. Akan tetapi sebelum itu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri semasa dibentangkan tujuan ia, saya mohon kebenaran untuk memulakan perbahasan saya dengan satu *quotation* yang dibuat oleh Mahatma Ghandi. Di mana dia cakap, "*The greatness of a nation and its model progress can be judged by the way it treats its animal*". Pada saya, akhir sekali *Malaysia is on its way to greatness. At least*, daripada segi kebajikan haiwan pasal selepas beberapa tahun ini kita dapat menggubal satu undang-undang yang dapat melindungi dan menjaga kebajikan haiwan. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, semua rakyat yang prihatin dengan kebajikan haiwan akan mengalu-alukan rang undang-undang ini, terutama NGO.

Sebelum saya pergi kepada empat fasal itu. Pada saya, undang-undang ini benar-benar *long overdue*. Saya kata *long over due* pasal kalau kita kaji latar belakang rang undang-undang ini, pada mulanya ada satu cadangan untuk membentangkan rang undang-undang ini pada tahun 2013, kalau tak salah. Pada masa itu pun, tajuk, *title* itu pun rang undang-undang untuk tahun 2012. Akan tetapi kalau kita kaji lebih dari itu daripada segi *foundationnya*, pasal ini saya hendak sentuh kepada OIE issues. Kalau kita tengok pada mulanya, Kerajaan Malaysia telah terima *Universal Declaration on Animal Welfare* pada tahun 2008. Maka dengan itu, sampai hari ini kita baru dapat akta ini, cadangan akta ini. Kalau kita tengok sebelum / pergi kepada fasal, kalau kita tengok, kenapa kita perlu akta ini. Saya cuma hendak sentuh dua kejadian. Satu kejadian pada tahun 2013 di Sabah, kematian 14 ekor gajah dan juga dua peristiwa di *Malacca Zoo*. Akan tetapi harapan saya dengan adanya akta atau dengan adanya undang-undang ini, saya rasa kejadian-kejadian macam ini tidak akan berlaku.

Salah satu sebab kenapa saya ambil pendirian itu seperti juga yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri daripada segi hukuman. Kalau kita tengok hukuman yang diperuntukkan oleh akta baru ini, ia lebih berat. Kalau kita rujuk kepada fasal 29, ia tidak kurang dari RM20,000 dan boleh sampai RM100,000 dan juga ada penalti penjara. Maka, saya rasa dengan ini, kejadian-kejadian macam itu tidak akan berlaku. Akan tetapi saya juga mendapat terdapat beberapa kekurangan dalam akta ini, pada pendapat saya. Contohnya, fasal 1(2), daripada isu pemakaianya. Ini secara khusus kepada fasal daripada segi pemakaianya.

Kalau kita tengok fasal 1(2) dan seperti yang telah diberitahu, akta ini hanya terpakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Saya harap semasa menjawab nanti, kita boleh dapat satu penjelasan kenapa Sabah dan Sarawak dikecualikan walaupun daripada segi *Board* itu, pegawai dari *officers* semua boleh masuk, itu lain. Daripada segi pemakaian akta ini, ia tidak melibatkan Sabah dan Sarawak. Akan tetapi kalau tadi / rujuk kepada kajian, ia ada Sabah pasal di Sabah pun banyak berlaku penderaan haiwan-haiwan. So, saya harap kita boleh dapat satu penjelasan kenapa dikecualikan. Itu fasal 1(2).

Kedua yang saya ingin membangkitkan ialah isu fasal 6 mengenai keanggotaan Lembaga. Ia ada peruntukan untuk penubuhan Lembaga Kebajikan Haiwan daripada segi keanggotaan. Daripada segi keanggotaan ini saya ada dua isu. Isu yang pertama ialah isu kriteria kelayakan. Kriteria kelayakan untuk

siapa yang boleh menjadi ahli Lembaga? Kalau kita tengok fasal 6 sekarang, ia tak sebut pasal kriteria siapa yang boleh menjadi ahli Lembaga. Itu satu. Pada saya, perlu kita menentukan kriterianya. Itu satu aspek. Aspek yang kedua daripada segi keanggotaan Lembaga ialah kalau kita nampak *glaring* sangat, tidak ada *representation* daripada wakil-wakil NGO dalam Lembaga Kebajikan Haiwan ini, kesemuanya kalau kita tengok, kesemuanya yang dicadangkan oleh rang undang-undang itu kakitangan kerajaan. Langsung tak ada wakil NGO, terutama wakil-wakil dari NGO yang aktif dalam bidang kebajikan haiwan. Adakah ini satu *oversight* atau dengan sengaja dipinggirkan, wakil-wakil dari NGO yang mementingkan kebajikan haiwan. Pada saya, lebih elok kalau kita juga masukkan wakil-wakil dari NGO pasal kita boleh dapat untung daripada pengalaman dan komitmen mereka. Itu fasal 6.

Ketiga, saya akan pergi *direct* kepada isu...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada tiga minit lagi Yang Berhormat ya.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Yang ketiga, fasal 15 ya, kehendak untuk lesen.

Kalau kita tengok fasal 15, ia menentukan keadaan-keadaan di mana lesen diperlukan. Ia juga masukkan dalam kategori, dalam aktiviti yang memerlukan lesen, ia juga memasukkan aktiviti penyelamatan dan pemulihan haiwan.

Pada saya, saya rasa aktiviti penyelamat dan pemulihan ini kadang-kadang susah hendak mohon lesen. Pasal kalau kita tengok apa yang ada sekarang, ia cuma menyenaraikan aktiviti. Ia tak sebut *exemption*, di mana walaupun aktiviti macam ini tetapi ada *exemption*. Saya bagi contoh, kalau kita ambil satu senario, kalau seorang nampak seekor haiwan dalam *in misery*, dan kalau dia hendak selamatkan haiwan itu pun, sama ada dia perlu pergi mohon lesen sebelum menyelamatkan haiwan itu. Pada saya, perlu ada pengecualian walaupun kita senaraikan aktiviti, pengecualian dalam keadaan-keadaan tertentu. Kadang-kadang kalau *you* hendak kenakan lesen untuk NGO sebagai *blanket*, itu lain cerita. Ini cases macam *individual* hendak pergi menyelamatkan haiwan ini. Pada saya, tak praktikal kalau hendak mohon lesen, fasal 15 ini. Fasal yang keempat yang saya hendak sentuh ialah fasal 30.

Banyak kita sudah dengar pasal fasal 30. Kalau kita tengok sekarang fasal 30 dan kalau kita akta sekarang dan akta yang dicadangkan, fasal 30 ini banyak juga ia melibatkan PBT. Pasal banyak pihak berkuasa tempatan sekarang menggunakan sistem tangkap dan bunuh untuk mengawal *over population of a stray animal* yang diamalkan. Kalau kita tengok, banyak PBT sekarang itu ia tak buat aktiviti ini secara *in-house*. Banyak dioutsource kepada *private contractor*.

## ■1320

Banyak *private contractor* ini *profit motivated*. Kalau kita tengok kebelakangan ini banyak tuduhan terhadap penderaan haiwan ini datang daripada kontraktor-kontraktor ini yang diupah oleh pihak berkuasa tempatan untuk *control population stray animal* ini. Pada saya, saya rasa dalam akta ini kita juga perlu mengadakan satu cadangan untuk PBT supaya kalau mahu *outsource* aktiviti itu, satu, *outsource* kepada NGO-NGO yang mementingkan kebajikan haiwan, itu satu.

Akan tetapi kalau nak *outsource* sahaja kepada mana-mana badan bukan NGO dan maka kenakan satu syarat, tidak boleh menggunakan kaedah sekarang iaitu kaedah tangkap dan bunuh tetapi

kena gunakan kaedah *Trap-Neuter-Release-Manage*. PBT kena syaratkan tidak boleh pakai kaedah tangkap dan bunuh tetapi kena pakai kaedah *Trap-Neuter-Release-Manage*. Satu kaedah yang dialu-alukan kepada semua society yang mementingkan kebajikan haiwan.

Saya juga hendak ambil satu lagi komen. Kalau kita tengok *approach* undang-undang baru, dia banyak fokus kepada hukuman untuk sebagai *in calculate* satu *value* yang bagus. Dia ambil pendekatan hukuman, tidak ada pendekatan untuk pendidikan. Pada saya, pendidikan pun penting. Kita kena *educate* kita punya *masses* bukan sahaja daripada segi hukuman. Sebenarnya pada saya, kaedah pendidikan lebih efektif daripada segi menyemai perasaan tanggungjawab kepada haiwan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Kita hendak rakyat yang prihatin dengan kebajikan.

Kita kena memupuk nilai-nilai ini dengan menggunakan pendekatan pendidikan. Oleh sebab kalau kita tengok satu *quotation* yang pernah dibuat oleh Emmanuel Kant kenapa kita perlu *inculcate values* macam ini. Terdapat juga satu kajian yang pernah buat di *Massachusetts* di mana kajian itu untuk tempoh 20 tahun, ia telah menunjukkan rakyat yang tidak menilai ciri-ciri ini, kebajikan haiwan kemudiannya akan juga *develop tendency* untuk *abuse* dia punya *family* dan juga *abuse* lain-lainnya. So pada saya, saya terima konsep hukuman tetapi saya rasa kita juga perlu mengadakan pendekatan pendidikan.

Akhir sekali saya nak sentuh kepada apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri semasa pembentangan rang undang-undang ini ialah berkenaan dengan *3rd OIB Global Conference*. Kalau tidak salah, *3rd OIB Global Conference* diadakan pada tahun 2012. Pada tahun 2012, ada satu jaminan daripada kerajaan bahawa kerajaan akan menggariskan satu strategi yang disebut oleh Yang Berhormat tadi Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan. Soalan saya, saya hanya ingin tahu apa sudah jadi kepada pelan strategik ini. Ada atau tidak? Kalau pelan itu masih ada, sama ada sudah dilaksanakan atau belum. Saya harap *at least* secara sedikit ini saya dapat menyumbang untuk mewujudkan masyarakat yang lebih prihatin kepada kebajikan haiwan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat amat mematuhi masa. Teruskan Yang Berhormat Tuan Zali bin Mat Yasin. Silakan Yang Berhormat.

#### 1.24 ptg.

**Tuan Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Tentang Kebajikan Haiwan 2015 ini.

Pertama sekali, saya ingin ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana membawa satu rang undang-undang yang selama ini kita tidak pernah terfikir. Apa yang kita hanya tahu hanyalah berkenaan dengan *human rights*, soal kemanusiaan. Akan tetapi kali ini satu rang undang-undang berkaitan dengan kebajikan haiwan juga dibawa supaya selari dengan aspirasi negara supaya kita hari ini

pun mendapat kepujian daripada negara-negara di dunia bahawa kita antara negara yang ke hadapan dalam memperjuangkan kebajikan haiwan.

Kita tahu bahawa setiap manusia mempunyai hari yang istimewa seperti hari perkahwinan ataupun hari jadi masing-masing. Setiap negara juga mempunyai hari yang dipanggil sebagai hari yang istimewa sesebuah negara iaitu hari kemerdekaan. Begitu juga dengan haiwan bahawa kita sedia maklum bahawa Yang Berhormat Senator ada satu hari yang dipanggil sebagai Hari Haiwan Sedunia yang disambut pada 4 Oktober setiap tahun.

Jadi kerana itulah saya secara peribadi amat bersetuju rang undang-undang ini diluluskan di Dewan yang mulia ini kerana rang undang-undang ini amat penting kerana kita semua sedia maklum bahawa kita tidak mahu lagi kelakuan ataupun tingkah laku perangai yang dilakukan oleh rakyat negara kita ini yang masih lagi melihat bahawa haiwan dan binatang ini sebagai satu makhluk yang boleh kita perkotak-katikkan, kita aniaya, kita zalimi mereka dan juga kita tidak pernah pun mengetahui bahawa haiwan juga merupakan makhluk Allah SWT seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa seseorang itu boleh masuk ke Syurga hanya dengan memberi minuman kepada seekor anjing. Seorang wanita dimasukkan ke neraka kerana penganiayaan terhadap kucing yang akhirnya mati.

Jadi saya menyokong rang undang-undang ini. Cuma yang saya ingin pihak Menteri boleh jelaskan tentang keanggotaan lembaga ataupun fungsi lembaga yang mana kalau kita lihat fungsi lembaga ini telah pun dijelaskan bahawa Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebagai pengurus dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada jabatan-jabatan, kementerian-kementerian yang lain.

Akan tetapi di sini saya ingin menanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, fungsi lembaga ini kita lihat hanya berada di peringkat pusat, di peringkat tertinggi yang mana kalau kita lihat banyak perkara penting yang hendak diluluskan oleh pihak lembaga ini. Sebagai contoh ialah lesen yang dikeluarkan untuk semua binatang ini, adakah pihak masyarakat ataupun individu yang memohon tersebut perlu menunggu masa yang begitu lama untuk mendapatkan lesen untuk memiliki haiwan tersebut.

Jadi di sini tidak dijelaskan bahawa di peringkat negeri ataupun di peringkat daerah ataupun di peringkat PBT mempunyai kuasa seperti lembaga yang ada di peringkat pusat ini untuk meluluskan segera permohonan lesen-lesen yang dimohon oleh individu-individu tertentu untuk memiliki haiwan tersebut. Jadi saya fikir perkara ini harus dilihat semula kerana saya dengar tadi Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa di peringkat kerajaan negeri, di peringkat daerah, hanya pegawai veterinar ataupun Jabatan Veterinar yang terdapat di negeri-negeri akan melaksanakan rang undang-undang ini tetapi tidak disebut tentang kuasa mereka untuk memberi lesen dan sebagainya. Jadi, itu yang pertama.

Kemudian yang kedua Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai perkara pemberian lesen. Pemberian lesen yang dikeluarkan kepada individu yang ingin memiliki haiwan-haiwan tersebut yang mana kita sedia maklum bahawa di peringkat pihak berkuasa tempatan telah pun mempunyai undang-undang kecil haiwan merayau yang diwujudkan di bawah kuasa yang diberi oleh seksyen 73, Akta Kerajaan Tempatan ataupun Akta 171 PBT yang mana pihak berkuasa

tempatan ini telah pun mempunyai satu kuasa untuk memberi lesen-lesen kepada individu-individu yang ingin memiliki ataupun memelihara binatang-binatang peliharaan ataupun kesayangan mereka seperti anjing, kucing dan sebagainya.

Jadi, di sini kita lihat ada berlaku *redundant* tugas, dengan izin, yang mana PBT juga mengeluarkan lesen dan dalam masa yang sama, rang undang-undang ini juga menyebut bahawa Lembaga Kebajikan Haiwan juga akan mengeluarkan lesen kepada individu-individu tertentu.

■1330

Jadi di sini saya inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah apabila rang undang-undang ini diluluskan maka secara tidak langsung kuasa pemberian lesen daripada pihak berkuasa tempatan secara tidak langsung akan dibubarkan? Itu yang saya inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya, kita memandang serius tentang penganiayaan binatang yang dipaparkan khususnya di media sosial ataupun di laman *Facebook*, *Youtube* dan sebagainya yang mana kalau kita lihat bahawa mungkin perkara ini juga perlu dimasukkan dalam undang-undang ini bahawa perlu dijatuhkan hukuman kepada mana-mana individu ataupun agensi mereka yang berkenaan yang memviralkan ataupun memasukkan tayangan video yang memaparkan tentang penganiayaan terhadap binatang-binatang tersebut.

Ini kerana baru-baru ini kita digemparkan apabila kita melihat kes yang pertama terdapat 300 ekor kucing yang dianiaya di pusat penjagaan haiwan, kemudian kes yang kedua kita lihat dalam *Youtube*, kita dapat lihat bahawa seorang wanita yang walaupun dijatuhkan hukuman, hukumannya hanya bernilai RM400 sahaja dan kalau tidak mampu bayar dikenakan penjara tujuh hari, yang mana wanita tersebut kalau kita lihat telah pun melakukan kezaliman, menyalimi tiga ekor kucing. Kucing yang pertama itu digunakan payung untuk memukul kucing tersebut, dipijak, kemudian ditendang masuk sampai ke dalam longkang. Kemudian kucing yang kedua, apa yang dilakukan ialah dipijak kucing tersebut sehingga mati. Ini menimbulkan kemarahan yang begitu meluas di kalangan khususnya rakyat Malaysia.

Kes yang ketiga, kalau kita lihat bahawa kita juga mengetahui bahawa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak telah pun mengeluarkan notis langkah penguatkuasaan tegas melarang penyembelihan lembu-lembu betina khususnya yang bunting dan masih lagi produktif untuk mengeluarkan anak-anak lembu ini yang mana kalau kita semua sedia maklum bahawa notis tersebut menerangkan bahawa terdapat 66.2% lembu yang disembelih di empat rumah sembelihan di negeri Perak ini sebenarnya melibatkan lembu betina yang masih lagi bunting.

Jadi di sini juga kita amat bersetuju kerana bila ada Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015 ini, secara tidak langsung kita mempunyai satu garis panduan kepada mana-mana individu atau jabatan kerajaan ataupun PBT untuk mengambil tindakan yang sepatutnya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini amat bersetuju dan menyokong Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015 ini diluluskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Silakan Yang Berhormat.

### 1.34 ptg.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kali ini kita berbahas tentang Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015. Saya kira apa yang telah dibentangkan oleh Menteri tadi bahwasanya kita telah pun ada Akta Binatang 1953 di mana saya kira akta ini antara yang banyak memberi perlindungan dan menjaga kebajikan haiwan.

Namun, di sini saya ingin merujuk di bawah akta tersebut iaitu di bawah Akta Binatang 1953 dan saya mohon penjelasan kerana saya kira ia adalah sebagai suatu yang agak bertindan dengan akta yang kita bahaskan sekarang ini iaitu Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan.

Saya rujuk di bawah seksyen 50A, Akta Binatang 1953 yang mengatakan bahawa, dengan izin, “*Animals and birds not to be kept in captivity for sale or export or exhibition without license. No person shall keep in captivity for sale, export or exhibition any animal or bird in any place which is not licensed in that behalf in accordance with rules made under this act*”.

Saya kira peruntukan di bawah seksyen 50A Akta Binatang 1953 ini agak bertindan jika kita rujuk fasal 15(1) Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015 yang mana ia menyebut bahawa, “*Tidak ada seorang pun yang boleh menjalankan aktiviti yang melibatkan haiwan yang dinyatakan dalam Jadual melainkan jika ia memegang lesen yang sah*”. Antara kegiatannya adalah sebagaimana dalam Jadual iaitu aktiviti tempat kurungan haiwan hidup untuk jualan.

Persoalannya di sini, adakah dengan wujudnya kedua-dua peruntukan ini di bawah dua akta yang berbeza memerlukan dua buah lesen yang perlu dipohon iaitu satu di bawah Akta Binatang dan satu lagi di bawah akta ataupun Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015? Bagaimanakah pula dengan bayaran lesen? Adakah apabila perlu kepada dua buah lesen maka perlu dua kali bayaran fi atau bayaran lesen? Itu persoalannya.

Di samping itu, sekiranya dua akta ini berkuat kuasa dengan dua peruntukan tersebut, tentu sekali mereka ini perlu juga memohon kepada pihak berkuasa tempatan iaitu dari sudut pelesenan premis perniagaan. Maka adakah ini bermakna mereka yang terlibat dengan aktiviti ini memerlukan tiga buah lesen? Saya amat gembira dengan akta ini tetapi perlu kita lihat adakah kita akan menjadi *over regulated*. Jadi saya minta pihak kerajaan untuk meneliti kembali akta peruntukan yang saya sebutkan tadi.

Kedua, jika kita lihat kepada skop pelesenan Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan, kita lihat tafsiran haiwan dalam rang undang-undang ini adalah suatu tafsiran yang sangat luas iaitu yang ditafsirkan sebagai haiwan dalam rang undang-undang ini apa-apa makhluk hidup selain manusia dan termasuklah apa-apa haiwan, burung, haiwan akuatik, reptilia atau serangga tetapi tidak termasuk hidupan liar di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

Persoalan saya, adakah pemeliharaan haiwan-haiwan di rumah seperti pemeliharaan ayam, itik, lembu, kambing, kucing dan anjing turut terlibat melalui penguatkuasaan akta ini? Adakah ia termasuk dalam aktiviti penginapan haiwan sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual sebagai aktiviti yang memerlukan pelesenan? Mohon jelaskan, apa yang dimaksudkan dengan ‘penginapan haiwan’ sebagaimana dalam Jadual dalam fasal 15? Juga, mohon penjelasan adakah haiwan yang digunakan bagi tujuan perawatan seperti ikan-ikan yang dipelihara di pusat-pusat spa hari ini dan lintah-lintah yang di pusat perawatan alternatif memerlukan lesen di bawah rang undang-undang ini?

Sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Zali tadi, apa yang beliau sebut Undang-undang Haiwan Rayau, sebenarnya saya kira bukan di bawah Undang-undang Kecil Haiwan Rayau tetapi sebenarnya Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing di mana di bawah PBT, pemeliharaan anjing memerlukan permohonan lesen dengan PBT di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing. Jadi adakah selepas kuat kuasa akta ini, selain daripada permohonan lesen dengan pihak PBT, perlu juga permohonan lesen di bawah Akta Kebajikan Haiwan ini?

Seterusnya saya ingin menyebut tentang keanggotaan Lembaga Kebajikan Haiwan di mana keanggotaan Lembaga Kebajikan Haiwan telah dinyatakan melalui fasal 6(1) di mana ia terdiri daripada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar, Pengarah Jabatan Perikanan, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Dekan Fakulti Veterinar, Pegawai Kementerian Pertanian, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan.

Namun, saya kira tidak tersenarai dalam keanggotaan Lembaga keperluan pelantikan pegawai dari Jabatan Kemajuan Islam untuk memberi input daripada segi agama kerana jika apa yang telah disebutkan oleh Menteri tadi, perlindungan dan kebajikan haiwan ini amat dititik beratkan di dalam Islam dan saya kira apa yang ditetapkan kebajikan dan perlindungan haiwan di dalam Islam ini sangat universal.

#### ■1340

Saya rasa ia boleh diterima oleh semua kaum dan semua agama kerana jika kita lihat Islam sangat memelihara haiwan dan sangat sensitif tentang kebajikan haiwan. Di sini suka saya mencadangkan agar Ketua Pengarah ataupun pegawai agama daripada JAKIM turut dilantik sebagai anggota tetap dalam Lembaga Kebajikan Haiwan melalui fasal 61.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua berkait dengan rumah penyembelihan dalam fasal 15 - Jadual di mana ia menetapkan melalui aktiviti nombor 11, aktiviti penyembelihan haiwan juga memerlukan lesen melalui akta ini. Jadi saya mohon untuk merujuk juga kepada Akta Rumah Penyembelihan Swasta 1993 [Akta 507]. Jadi adakah ini bermakna dengan kuat kuasanya akta ini memerlukan dua buah lesen. Sebuah lesen melalui Akta Rumah Penyembelihan Penswastaan 1993 dan satu lesen lagi adalah melalui akta yang sedang kita bahaskan pada hari ini.

Jadi berkait dengan rumah penyembelihan ini juga saya memohon maklum balas yang berkait berapa buah rumah penyembelihan berlesen swasta yang terdapat di seluruh Malaysia mengikut negeri dan saya mohon juga jika terdapat rumah-rumah penyembelihan yang dimiliki oleh pihak kerajaan di

mana penyembelihan lembu dan sebagainya boleh dibuat secara berpusat dan tidak dibuat di merata-rata tempat. Okey.

Yang terakhir, bukan yang terakhir ada tiga lagi. Kawalan haiwan terbiar oleh individu, organisasi atau badan korporat melalui Jadual dalam fasal 15 kawalan haiwan terbiar oleh individu, organisasi atau badan korporat adalah tertakluk di bawah pelesenan. Di sini saya ingin menyarankan agar pelesenan ini diberikan pengecualian daripada dikenakan sebarang fi memandangkan mereka melakukan tanggungjawab sosial bagi membantu pihak kerajaan. Kita harapkan juga tindakan ini boleh menggalakkan mereka berdaftar dan menggalakkan banyak rumah-rumah perlindungan haiwan terbiar oleh individu, organisasi atau badan korporat.

Justeru dalam menggubal apa-apa peraturan di bawah rang undang-undang ini hendaklah mengambil kira pengecualian-pengecualian bayaran fi bagi keadaan-keadaan yang melibatkan aktiviti yang tiada nilai komersial. Ia hanya melibatkan khidmat sosial dalam membantu kebajikan haiwan dan tentu sekali suasana yang lebih selesa kepada masyarakat kita sendiri.

Seterusnya berkait dengan fasal 32 pembunuhan haiwan di bawah Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015. Fasal ini telah memperuntukkan bahawa pembunuhan mana-mana haiwan dilarang melainkan dalam beberapa keadaan contohnya pembunuhan haiwan bagi maksud dimakan oleh manusia dan pembunuhan haiwan yang mengalami sakit yang tidak dapat dirawat serta pembunuhan haiwan bagi maksud pengawalan populasi.

Namun demikian, saya kira rang undang-undang ini tidak menyatakan secara jelas kaedah pembunuhan haiwan-haiwan tersebut. Adakah dengan cara menembak sebagaimana yang dinyatakan dalam subfasal 1. Bagaimana pula dengan kaedah pembunuhan bagi haiwan bermaksud untuk dimakan oleh manusia, perlu ada pendetailan kaedah pembunuhan haiwan dan harapan saya kaedah-kaedah yang bakal digubal mestilah mengambil kira hukum Islam dalam pembunuhan binatang kerana daripada sudut saintifik kaedah yang ditetapkan dalam Islam adalah suatu kaedah yang universal dan diterima kerana ia adalah kaedah yang paling kurang menyakitkan dan juga selamat untuk manusia.

Seterusnya yang terakhir, fasal 29 kaedah kesalahan penganiayaan Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015. Jika kita teliti peruntukan undang-undang berkaitan penganiayaan terhadap haiwan dan rang undang-undang ini adalah lebih baik berbanding seksyen 14, Akta Binatang 1953 di mana ia memperuntukkan jenis-jenis penganiayaan serta memberikan hukuman yang lebih berat sedangkan dalam Akta Binatang 1953 sebagaimana yang telah disebut denda RM200 atau enam bulan penjara atau kedua-duanya. Maka rang undang-undang ini sedangkan dalam rang undang-undang yang baru kita bahaskan ini memperuntukkan denda RM20,000 sehingga RM100,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya.

Cuma saya mohon dimaklumkan adakah kerajaan berhasrat untuk memansuhkan seksyen 44 di bawah Akta Binatang 1953 memandangkan ia telah ada dalam Rang undang-undang Kebajikan Haiwan 2015 dengan peruntukan yang lebih baik. Dengan demikian, saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana telah membentangkan satu undang-undang yang baik cuma saya mohon dilihat kembali

beberapa peruntukan yang saya sebut tadi untuk ditambah baik bagi mengelakkan apa yang saya sebut tadi sebagai *overregulated*. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Kadzim.

#### 1.45 tgh.

**Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk memberikan saya kesempatan turut membahaskan Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian dan kerajaan kerana membentang undang-undang kebajikan haiwan ini. Walau bagaimanapun, rang undang-undang ini hanya terpakai di Semenanjung Malaysia dan juga Wilayah Persekutuan Labuan dan tidak di Sabah dan Sarawak.

Kalau mengikut semasa pembentangan tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa negeri-negeri telah secara prinsipnya menerima akta ini dan sekiranya tidak ada sebarang sekatan perundungan apalah kiranya kalau akta ini dapat dipanjangkan kuat kuasanya di Sabah dan Sarawak juga. Selain daripada itu saya juga ingin membangkitkan beberapa perkara tidak banyak.

Kalau mengikut akta ini pembunuhan haiwan dia lebih banyak memfokuskan kepada pembunuhan haiwan yang diternak seperti ayam dan sebagainya dan apakah saya ingin penjelasan apakah haiwan-haiwan seperti burung gagak, tikus-tikus yang berkeliaran di ladang-ladang tebu, ladang-ladang kepala sawit dan juga sawah-sawah padi tertakluk kepada akta ini.

Selain daripada itu, sekiranya seorang pemunya didapati bersalah mendera seekor anjing atau kucing belaannya dan menyebabkan lesen yang dipegangnya dibatalkan saya ingin minta penjelasan kepada Menteri di manakah haiwan-haiwan ini akan ditempatkan. Adakah ia akan ditempatkan di pusat *impound* atau di tempat pusat khas. Kalau di pusat di *impound* saya ingin cerita sedikit sini pengalaman yang saya pernah nampak sendiri.

Pihak DBKL membuat tangkapan kepada haiwan-haiwan liar seperti kucing dan anjing dan saya dapati kucing-kucing yang ditangkap ini dimasukkan dalam kurungan yang amat kecil sehingga kucing tidak dapat berdiri hanya duduk tidak tahu untuk beberapa hari, dan beberapa jam dan kurungan yang dibuat, yang ditempatkan kucing-kucing yang liar yang ditangkap oleh DBKL itu adalah tidak bersetujuan sekali. Kalau ikut akta rang undang-undang yang kita bincangkan ini adalah menyalahinya.

Baru-baru ini juga saya ada terbaca di surat khabar tentang keluhan seorang mengenai pusat *impound* yang tidak menyediakan apa-apa persediaan yang cukup untuk haiwan-haiwan yang disimpan. Ada golongan yang hanya boleh memuatkan 5 ekor anjing, dimuatkan hingga 15 ekor anjing dan tanpa sebarang bekas minuman yang untuk diminum dan makanan yang cukup. Ini seperti mendera haiwan-haiwan tersebut. Demikian juga tempat-tempat haiwan ini, tempat najis mereka adalah merata-rata dan tidak terkawal dan ini adalah dengan izin, *hygienic* sekali.

**•1350**

Jadi kalau haiwan-haiwan di mana pemegang lesen yang telah dibatalkan dan dirampas, saya cadangkan kerajaan sama ada menempatkan mereka di sebuah tempat khas ataupun sekurang-kurangnya memberi peruntukan kepada badan-badan dan NGO seperti SPCA untuk mengendalikan dan menangani haiwan-haiwan yang dirampas dan didera ini untuk menjaga kebajikan mereka.

Saya rasa itu sahaja yang dapat saya bangkitkan buat rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong.

**3.51 ptg**

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015. Tuan Yang di-Pertua, penggubalan Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan ini bukan sahaja selari dengan hasrat menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020, tetapi juga akan memberikan imej baik kepada negara dan rakyat Malaysia sekali gus dapat memupuk, mendidik serta mengangkat martabat keinsanan rakyat Malaysia. Jika selama ini rakyat Malaysia terkenal dengan sifat peramah dan sopan santun di mata pelancong asing, dengan penggubalan akta baru ini kelak, saya percaya rakyat Malaysia akan dilihat sebagai insan yang sempurna di mata mereka, bukan sahaja menghormati sesama manusia tetapi juga menyayangi kepada haiwan.

Selain itu, akta ini juga dijangka dapat memastikan amalan-amalan yang membabitkan haiwan seperti yang ditakrif dalam akta ini iaitu apa-apa haiwan, burung, haiwan eksotik, reptilia atau serangga tetapi tidak termasuk kehidupan liar memenuhi standard dan amalan yang diterima di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah dengan pelaksanaan akta ini kelak, seksyen 43 dan seksyen 44 Akta Binatang 1953 akan dimansuhkan kerana seksyen-seksyen terbabit adalah juga berkaitan pencegahan kezaliman terhadap haiwan?

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan akta ini, sebuah Lembaga dikenali sebagai Lembaga Kebajikan Haiwan akan ditubuhkan. Saya ingin minta penjelasan Menteri, adakah penubuhan lembaga ini memang diperlukan melihat kepada fungsi lembaga seperti yang dinyatakan dalam rang undang-undang ini? Apakah fungsi-fungsi ini tidak boleh dilakukan oleh agensi sedia ada iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar? Apakah implikasi penubuhan lembaga ini daripada segi perjawatan dan kewangan? Pada khidmat saya, kita sepatutnya memperkuatkannya institusi dan agensi sedia ada, bukan menubuhkan institusi baru. Saya bimbang wujud pertindihan fungsi dan peranan antara lembaga ini dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar kecuali ada keperluan lain yang sangat mendesak. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan mengenainya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut seksyen 15 akta ini, sesiapa yang menjalankan aktiviti yang melibatkan haiwan seperti yang ditakrifkan perlu mempunyai lesen yang sah yang diberikan di bawah akta ini, kecuali untuk aktiviti penyembelihan haiwan bagi tujuan keagamaan dan adat. Ini bermaksud apabila akta ini berkuat kuasa kelak, mereka yang menjalankan perniagaan menjual haiwan peliharaan juga perlu mempunyai lesen untuk berbuat demikian. Saya menyokong langkah ini. Dengan itu, kita boleh memantau untuk memastikan para peniaga haiwan kesayangan melaksanakan amalan-amalan yang sewajarnya dengan bersesuaian serta berperikemanusiaan. Contohnya, menempatkan bilangan haiwan seperti kucing dan arnab sesuai dengan saiz sangkar, bukan dibiarkan bersesak-sesak dalam sangkar yang kecil. Dengan itu, tindakan boleh diambil terhadap peniaga yang tidak memenuhi amalan yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, ketika ini kita dapati perniagaan haiwan kesayangan ataupun *pet* dengan izin, sedang berkembang di negara kita. Kedai-kedai yang menjual haiwan kesayangan, peralatan dan makanannya tumbuh di merata tempat di bandar maupun pekan besar dan kecil kerana ada permintaan daripada orang ramai, mudah bagi orang ramai membeli haiwan kesayangan yang mereka minati. Ini bererti perniagaan haiwan kesayangan mempunyai potensi sebagai sebuah industri. Soalan saya, adakah kita mempunyai rekod mengenai jumlah syarikat dan kedai haiwan kesayangan serta jumlah urus niaga dalam perniagaan ini? Berapa ramaikah bumiputera yang terlibat dalam industri ini? Adakah kerajaan mempunyai sebarang perancangan dan penyediaan peruntukan untuk menggalakkan penyertaan bumiputera dalam industri ini?

Tuan Yang di-Pertua, akta ini juga mengecualikan orang yang terlibat dengan aktiviti penyembelihan bagi maksud keagamaan dan adat daripada mendapatkan lesen. Ini bererti orang yang terlibat dengan aktiviti penyembelihan bagi tujuan seperti korban dan akikah yang dibuat oleh masyarakat Islam serta penyembelihan untuk kenduri kendera tidak perlu mendapatkan lesen, mungkin kerana kegiatan ini bermusim. Ini menunjukkan faktor budaya setempat telah diambil kira dalam penggubalan akta ini.

Berhubung dengan akta ini, ada rakan-rakan saya yang beragama Islam meminta saya menyampaikan cadangan mereka supaya prosedur penyembelihan yang diamalkan untuk tujuan korban, akikah dan kenduri kendera diperkemaskan. Pada masa sekarang, haiwan yang disembelih untuk tujuan agama dan adat dibuat di tempat sendiri di kawasan terbuka, di kawasan masjid, surau, padang secara bergotong-royong bukan di rumah sembelih. Ini boleh menyebabkan daging penyembelihan berpotensi terdedah kepada pencemaran. Jadi, mereka minta saya menyampaikan cadangan supaya kerajaan mempertimbangkan menyediakan kawasan atau kemudahan yang lebih sempurna untuk tujuan sembelihan demikian. Bukan buat rumah sembelih kerana kegiatan begini adalah bermusim, tetapi memadai jika ada infrastruktur terbuka yang berbunga lengkap dengan bekalan air, tempat menyembelih, tempat bergantung untuk melapah.

Seain itu kata mereka, mungkin pihak Jabatan Veterinar boleh bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri menggantikan latihan sembelihan dan pengendalian haiwan sembelihan untuk

masyarakat setempat. Ini kerana kadang-kadang kita tengok sampai tujuh lapan orang hendak tumbangkan dan hendak sembelih seekor lembu. Kata seorang pegawai veterinar, sekurang-kurangnya dua orang sudah cukup untuk menjalankan kerja menumbang dan menyembelih seekor lembu. Begitu juga prosedur menyembelih, saya diberitahu di sesetengah tempat ada penyembelih asah pisau di hadapan haiwan sembelihan, sembelih lembu di hadapan lembu-lembu yang lain. Ini saya sendiri pun rasa tidak wajar. Pegawai veterinar kata ada kesan psikologi pada haiwan dan daripada segi agama pun saya rasa tidak digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang perlu diambil kira iaitu pengangkutan. Ketika ini kita dapati haiwan seperti lembu, kerbau, babi, ayam, itik yang masih hidup diangkut, dibawa dengan lori di jalan raya secara terbuka, tidak tertutup. Akibatnya, timbul macam-macam masalah, masalah bau busuk mengganggu orang ramai dan pemandu jalan raya. Kadang-kadang air menitis di jalan dari lori yang bawa haiwan, memercik dan terkena kenderaan dan orang ramai di jalan raya.

Penggunaan lori yang sama juga digunakan untuk mengangkut barang-barang lain. Kita sepatutnya kena ada satu sistem pengangkutan yang khusus untuk mengangkut haiwan secara hidup yang tertutup, tidak menimbulkan masalah bau, air tidak menitis di jalan raya. Mungkin kita boleh belajar daripada sistem yang digunakan untuk mengangkut kuda yang digunakan untuk perlumbaan. Begitu juga dengan pengangkutan daging haiwan, apabila daging haiwan hendak bawa ke kedai, daging itu diletak begitu sahaja di atas lori. Ini mendedahkan daging kepada masalah daripada segi kebersihan. Daging-daging ini sepatutnya dibawa dalam lori sejuk beku dan digantung di dalamnya, barulah terjamin kebersihan dan selamat daripada jangkitan kuman.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, sudah sampainya masa kita melihat perkara ini, membangunkan sistem pengangkutan haiwan hidup dan daging haiwan dengan cara yang lebih cekap, bersih dan selamat. Ini seterusnya dikuatkuasakan sejajar dengan hasrat kita untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju.

#### ■1400

Pendek kata Tuan Yang di-Pertua untuk ke arah negara maju 2020 ini bukan sahaja perlu maju daripada segi pembangunan fizikal, bukan setakat pendapatan tinggi tetapi juga perlu mempunyai sikap dan pemikiran yang maju dan tinggi sehingga kita boleh mencipta sistem yang maju terhadap yang cekap, bersih dan selamat kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Silakan Yang Berhormat.

#### 2.00 ptg.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana ada *political will* untuk membawa undang-undang ini untuk di bahas. Sebelum perbahasan ini Tuan Yang di-Pertua, saya telah juga bertemu dengan rakan-rakan seperti Saudara Mohamad Rizal Thamby, Presiden Pertubuhan Pendaftar Baka Kucing Malaysia dan juga Presiden Peminat Kucing Malaysia, Saudara Ismail Muhammad Ali yang juga Presiden Peminat Kucing Seluruh Malaysia dan juga menelefon beberapa orang rakan yang sama minatnya dengan saya iaitu sayang kepada binatang.

Pada ketika ini banyak yang minta supaya saya menyatakan isi hati mereka dengan keadaan rakyat Malaysia yang semalam ini kita berbincang berhubung dengan pendatang asing yang datang ke Malaysia ini. Di antara pendatang-pendatang asing yang datang ke Malaysia yang kita bincang semalam, yang kita bincang sebelum ini yang beritanya juga banyak pada ketika ini yang datang dari Myanmar dan Vietnam dikatakan oleh sahabat-sahabat saya ini bahawa mereka ini rupanya makan kucing dan anjing.

Mereka ini makan kucing dan anjing dan dipersoalkan oleh rakan-rakan saya ini yang menjadi Presiden Persatuan Sayang Kucing ini, mereka melihat sendiri bagaimana kucing itu dibunuh. Mereka melihat bagaimana anjing itu di barbeku dengan hidup-hidup. *MasyaaAllah* kalau hendak makan sekalipun bunuhlah cara yang terbaik. Di Malaysia ini pula tidak ada undang-undang, tidak ada satu peraturan yang mencegah mereka ini daripada membunuh binatang kesayangan ini. Bayangkan kucing, kucing yang kadang-kadang kita halau dengan kaki kita pun dia balik jilat kaki kita.

Saya teringat Tuan Yang di-Pertua, semasa saya belajar di England dahulu saya ada seekor kucing. Kucing saya ini saya bagi nama *girlfriend* saya sebab maklumlah kita teringat *girlfriend* semasa *student*. Saya bagi nama kucing saya, nama *girlfriend* saya dan sampai sekarang diregisterkan di England. Dalam pembelian kucing saya ini, bila saya membeli kucing ini rupanya di sana ada *history of my cat*. Emaknya di mana, di *Germany*. Bapanya di mana, adik-beradiknya di mana a *family tree*, dengan izin.

Jadi saya dapat *trace* emaknya di mana, saya dapat *trace* tokwannya di mana, saya dapat tahu penyakit dia itu penyakit apa yang pernah dialami oleh emak dia. Setiap kali saya bawa pergi mandi ke veterinar, dan di kedai-kedai yang membuat persiapan ini mereka akan melihat *the family history of my cat*. Walaupun nama *girlfriend* saya itu dimasukkan dalam salasilah keluarga kucing saya itu. Saya tengok di Malaysia ini tidak ada.

Saya bersempang dengan Saudara Rizal, Presiden Pertubuhan Pendaftar Baka Kucing Malaysia saya tanya dia kucing di Malaysia ini didaftar atau tidak. Dia kata, “*Inilah hendak jumpa Menteri lama sudah, hendak jumpa Menteri, hendak jumpa Menteri tidak dapat sampai sekarang*”. *Inshaa-Allah* Yang Berhormat Menteri saya akan bawa presiden ini dan rakan-rakannya untuk berjumpa supaya kalau kita dapat menstrukturkan baka-baka kucing ini, kalau sekiranya kucing-kucing ini dapat dibuat begitu seperti mana yang saya bela di London pada ketika itu walaupun saya *student* kucing saya di insurans. Ada insuransnya. Kucing saya kalau terlepas orang dapat cari kerana ada cipnya. Tidak dapat dicuri, tidak boleh dicuri kerana cipnya itu. Kucing saya, saya tahu penyakitnya, saya tahu sakit apa dia.

Jadi saya minta supaya kucing-kucing di Malaysia kalau dapat kita menstrukturkan dia supaya baka-bakanya itu kemudian barulah kita dapat tahu kucing ini kacukan dengan Siamkah, kacukan dengan Singapurakah, kacukan dengan Indonesiakah, sama juga macam orang, supaya kita ada *family tree* ini. Rakan-rakan saya juga menyatakan bahawa kadang-kadang undang-undang kita buat sama juga undang-undang yang kita buat sebelum ini, tapi penguatkuasaannya itu yang perlu ditekankan oleh Yang Berhormat Menteri.

Sekarang ini kita hendak raya dan hendak raya kita hendak kena simpan kucing kita, kita tidak bawa balik kampung sebab dia *stress* dalam kereta. Kucing pun macam orang juga *stress* dalam kereta. Jadi ada tempat-tempat *boarding*nya, dengan izin. Ada asrama untuk kucing ini. Akan tetapi rakan-rakan saya berkata ada juga asrama-asrama yang diberi lesen untuk *boarding* kucing-kucing ini tetapi tidak mengikut spesifikasi yang diberikan.

Contoh kucing dia letak dalam tempat yang kecil, darahnya tidak berjalan, otot-ototnya tidak bergerak, dia *stress*. Sebab itu bila kita balik daripada raya kita pergi ambil balik kucing kita, kucing kita tidak manja seperti yang sebelumnya. Sebab dia *stress*. Jadi penguatkuasaan itu kalau kita pergi ke asrama-asrama ada juga ketua-ketua asrama ini yang nakal, yang mencuri tidak bagi makan, tidak bagi minum seperti mana yang disebut oleh sahabat saya tadi tidak ada tempat yang *proper equipment* untuk makannya, makanan yang tidak setimpal. Binatang-binatang ini akan menjadi *stress* daripada segi otot yang saya katakan tadi.

Saya terbaca tulisan Sonia Ramachandran. Sonia menyatakan, Presiden Penyelamat Haiwan Bebas Malaysia (MIAR) Puspa Rani pernah bercerita kepada beliau. Ada seorang kanak-kanak, saya tidak mahu menyebut namanya dari Bahau, Negeri Sembilan menyeksa anak anjing, *puppy*. Dirobek-robeknya anak anjing itu sampai mati. *Viral* di YouTube dan mereka ini *trace* video itu dan berjumpa dengan anak ini dan saudara-saudaranya. Bila dikaji rupanya anak ini kehilangan bapa dan ibunya, kes perceraian semasa kecil dan hidupnya menjadi *violence*. Jadi dia sanggup bunuh kucing.

Kata Sonia Ramachandran, dia kata semasa berjumpa dengan anak ini tidak langsung dalam kelibat anak yang dijumpai tidak langsung ada kelibat seorang manusia yang penyayang atau kasihan. Walaupun menjadi isu besar umur 15 tahun dibawa ke mahkamah. Bila hukuman dijatuhkan tidak setimpal dengan apa yang budak ini lakukan maka mereka memohon kepada keluarga ini supaya minta budak ini dibawa pergi ke pusat MIAR untuk menjaga anjing-anjing yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, setelah tiga tahun budak ini dapat dididik sehingga dia setiap kali berjumpa anjing walaupun anjing itu *a stray dog*, dengan izin, budak ini akan mencium anjing tersebut.

#### ■1410

Jadi, kalau lahir undang-undang tidak setimpal dengan apa yang berlaku, anak-anak ini dari kecil dia sudah menunjukkan bahawa kebenciannya dengan akibat keluarganya, tentu sekali dia akan menjadi manusia yang tidak berguna apabila dia besar nanti. Sonia juga meneruskan ceritanya bagaimana seekor *Rottweiler* telah dipanah oleh seorang tentera, tidak tahu kenapa. Dia panahnya *Rottweiler* tersebut dan *Rottweiler* itu jatuh. Seminggu selepas itu *Rottweiler* itu demam dan terus mati. Kata beliau,

beliau mendapat lebih kurang 130,000 tandatangan untuk mengambil tindakan kepada pegawai tersebut. *A Malaysian Dog Deserve Better*, persatuan ini telah mengumpul 130,000 tandatangan tetapi sehingga sekarang tidak ada undang-undang yang boleh diambil untuk mengambil tindakan terhadap pegawai tentera tersebut.

Jadi ini antara kisah-kisah yang dapat saya kemukakan. Tadi Senator Boon telah pun menyatakan bahawa daripada segi penyembelihan agama. Saya ingin berkongsi bersama dengan beliau kerana saya tengok kadang-kadang betullah di kampung ini bila korban banyak lembu yang hendak disembelih. Kadang-kadang bila orang Kedah kata nak *perebah* lembu itu, hendak menjatuhkan lembu sebelum disembelih itu pun kadang-kadang menyeksa binatang-binatang ini. Ada lembu yang dapat lari, ada lembu yang *retaliate*, sepak imam, tanduk tok bilal. Kalau kita pergi di Thailand kita dapat tengok bagaimana di Thailand itu cara hendak menjatuhkan lembu cukup *smooth*, dengan izin, cukup licin. Lembu tidak terasa takut langsung. Dipegang, ditepuk dan terus lembu itu tidur kerana ada alatnya.

Yang ini pegawai veterinar kena pergi kaji, macam mana lembu-lembu di Thailand yang Islam menjatuhkannya semasa Raya Korban. Saya tidak tahu hendak cerita tetapi *smooth* sekali. Saya faham sebab besan saya orang Siam, bukan pak mertua Siam, besan saya orang Siam, jangan silap dengar. Jadi saya tengok sendiri bagaimana lembu itu dijatuhkan dan cara penyembelihan itu cukup baik dan tidak ada penyeksaan terhadap binatang. Saya setuju dengan Yang Berhormat Boon, bukan sahaja sebagai orang Islam tetapi juga orang-orang yang bukan Islam, makna kata ritual cara agamanya kita perlu juga mengambil inisiatif untuk mengkaji cara mana dan perlu kita letakkan supaya binatang-binatang ini tidak dizalimi.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya ini minat kepada burung dan kucing. Ini cerita yang berlaku terhadap diri saya. *I have my own bird's park*. Pada satu ketika dek kerana minatnya burung ini, di pejabat saya itu saya buang bumbung *office* atas saya itu, saya buat macam *aviary*, macam sebuah tempat untuk burung kerana saya suka. Sebelum mesyuarat saya pergi bersempang dengan burung dulu, lebih baik bersempang dengan burung daripada dengan manusia kadang-kadang. Kemudian satu hari saya balik burung saya sudah tidak ada. Banyak burung ini. Bila saya balik tidak ada, pegawai saya beritahu kata tadi pegawai daripada veterinar- *this is a true story came out in The Star newspaper*. Jadi diambil burung saya itu.

Saya ini bila dah minat burung, mula itu dengan dua ekor sahaja. Dua ekor makau. Dengan dua ekor tetapi bila saya dah minat burung, rupanya kutu-kutu yang dok seludup burung itu, bila dia tengok saya minat burung, dia bawa burung. Dia pergi curikah, dibawa dari Indonesiakah, saya pun tidak tahu tetapi bawa. Bila saya ditunjukkan kepada burung itu, burung itu dah lemah dah, nak mati dah. Jadi saya pun cepat-cepat ambil, letakkan di tempat. Jadi banyak lepas itu merebak. Mereka ini pula kadang-kadang minta RM50, RM100, jadi saya pun ambil dan letak. Saya upah orang supaya burung ini disegarkan semula.

Semasa transit itu, sebelum saya hendak lepaskan burung itu, rupa-rupanya ada laporan mungkin burung itu bising, maklumlah burung, mana boleh suruh diam. Jadi bila sudah sihat burung-

burung tersebut, satu hari dibawa, saya ada lesen, yang sesetengahnya saya ada lesen, setengah tidak ada lesen yang diberi oleh pembawa-pembawa daripada negara asing ini.

Jadi bila dibawa burung-burung itu ke tempat lain, rupa-rupanya dipindahkan ke tempat. Kata mereka lah, burung ini akan ditransit, kemudian akan dihantar kepada Zoo Melaka. Semasa transit itulah dan orang yang menjaga burung saya itu kata kasihan tengok burung, mereka tangkap burung macam tangkap rama-rama. Maknanya pegawai-pegawai yang bekerja penguatkuasaan ini perlu juga dilatih supaya cara hendak menangkap binatang-binatang ini. Mana boleh tangkap burung macam tangkap rama-rama. Mana boleh tangkap anjing macam nak tangkap kucing. Dia kena ada stail, kena ada taktik, kena ada tekniknya. Matilah burung-burung itu. Sayang saya tengok burung cantik-cantik, sayang.

Kalau inilah yang berlaku, kita hendak ambil tindakan kepada siapa kerana undang-undang ini yang kita baca tadi, hendak ambil tindakan kepada siapa. Yang datang menangkap ini penguat kuasa, tidak disebut di sini. Penguat kuasa akan dihukum sekiranya mereka ini tangkap binatang dan bawa pergi, mati. Ini yang saya katakan kadang-kadang kita buat undang-undang, penguatkuasaan itu kita perlu mendidik. Saya hendak tanya kepada kementerian, apakah kita ada satu pendidikan khusus untuk mereka ini sebelum mereka memegang jawatan-jawatan ini? Dan apa kementerian akan buat untuk beri penerangan kepada orang ramai, kepada rakyat Malaysia berhubung dengan pendidikan sayang binatang ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat gulung, tiga minit lagi.

**Dato' Mohd. Suhaiim bin Abdullah:** Jadi bersabit dengan cerita saya tadi, boleh saya hendak cadangkan kepada kementerian. Kalau kita dapat contohlah Tuan Shukor dia beli burung di rumahnya dan burung itu tidak ada lesen, kerana dia minat sangat, dia bela burung itu, burung itu pula pandai bercakap, bagi salam apa semua dan burung ini tidak ada lesen. Sebelum kita hendak tangkap itu, boleh kita berbincang dengan Tuan Shukor supaya burung itu disimpan di situ dulu atau *negotiate* bagaimana sebab burung ini pun kalau dipindahkan, dia merajuk.

Kalau pindah dengan segera, pergi hendak tangkap macam kita tangkap orang, orang pun lari, apatah binatang. Bincang supaya ada satu undang-undang supaya pegang dia punya kereta, pegang dia punya lesen, pegang dia punya kad Parlimen, sementara burung itu kita *investigate* supaya burung ini tidak stres. Berilah peluang ataupun terus kita *issue* kan lesen kerana dia *take care very well* dengan izin, jaga dengan begitu baik, kita *issue* kan lesen kepada mereka yang sebegini.

Akhir sekali saya juga diminta untuk menyentuh sedikit berhubung dengan *Quarantine Center* di *airport*. Kata rakan-rakan saya *Quarantine Centre* itu pun teruk. Makanan binatang tidak dibagi, tidak ada *proper training* orang-orang yang menjaga binatang di sana. Khususnya kucing dan anjing yang transit. Kadang-kadang *passenger* kapal terbang ini dibawa, dia transit ke Tokyo via Kuala Lumpur contohnya, ada transitnya di situ. Jadi transit itu dimasukkan di tempat kuarantin itu dan di tempat kuarantin itulah katanya, yang ini saya tidak mahu komen apa-apa sebab saya tidak berani sebab saya tidak pernah tengok sendiri. Akan tetapi kata mereka tempat kuarantin ini pun satu neraka bagi binatang-binatang yang transit di situ.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri dengan kementeriannya yang mempunyai *political will* yang tinggi untuk membawa undang-undang ini. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Siti Aishah.

■1420

## 2.20 ptg.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Pertamanya, saya mengucapkan syabas juga kepada kementerian dan juga kerajaan dalam usaha menggubal undang-undang kebajikan haiwan yang pada saya sangat menepati keadaan. Bagaimana kalau kita lihat haiwan-haiwan yang dilayan secara tidak adil di negara ini seperti penganiayaan terhadap haiwan, pembunuhan haiwan yang secara tidak beretika dan keadaan memberi racun contohnya bagi bertujuan memudaratkan dan usaha niaga haiwan yang melibatkan perjudian dan banyak lagi. Setelah meneliti Rang Undang-undang Haiwan 2015, ada beberapa perkara yang saya ingin ketengahkan dalam menghalusi perbincangan dan juga beberapa cadangan soal kebajikan haiwan yang terdapat dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang ingin saya sentuh ialah soal pengangkutan haiwan dalam Bahagian IV. Perkara yang berhubung dengan kebajikan haiwan iaitu di bawah seksyen 27 telah menggariskan panduan tentang cara-cara mengangkut haiwan. Kalau saya boleh sebut sini perkara yang pertama, seseorang pemunya atau pengendali mana-mana pengangkut hendaklah mempunyai kewajipan untuk menyediakan yang pertama, kemudahan yang bersih, mencukupi dan sanitasi. Kedua, makanan dan air yang cukup kepada haiwan yang diangkut dalam pengangkut itu bagi memastikan penghantaran selamat haiwan itu pada penerima konsainan di tempat konsainan.

Ketiga, tidak seorang pun boleh mengurung atau mengekang dengan kejam haiwan yang diangkut dalam pengangkut di bawah sub seksyen 1. Melihat pada seksyen ini, fasiliti yang disediakan bagi haiwan yang diangkut ini sangat *animal friendly*, dengan izin. Maksudnya, mesra. Menjadi permasalahan yang ingin saya utarakan bukan dalam soal kemudahan yang sedia ada ini tetapi daripada segi cara penangkapan haiwan itu sendiri. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi tadi yang menyebut soal bagaimana cara yang digunakan, pendekatan yang digunakan untuk menahan, menangkap haiwan-haiwan ini. Khususnya kepada yang liar ataupun yang dipelihara yang kita lihat kadangkala itu tidak setimpal dengan garis panduan yang telah dikeluarkan.

Sebab itu melihat-saya hendak berkongsi juga pada isu September 2013, di mana video klip *viral* dua ekor anjing jalanan yang ditangkap menyalak kesakitan dan pendarahan berlaku apabila Majlis Perbandaran mengheret dengan tengkuknya itu dengan menggunakan alat mereka itu, heret tengkuk dia dalam keadaan dia menjerit kesakitan, berdarah dan juga dalam keadaan yang memang nampak begitu sengsara, tersekanya haiwan itu dan dicampak terus ke dalam trak. Video itu dirakam sendiri oleh

sukarelawan *Malaysia Independent Animal Rescue* (MIAR). Apabila percubaan beliau dalam video itu, dia bertanya kepada pegawai yang melakukan tindakan itu, kenapa tindakan itu dibuat, pegawai itu kata, kami hanya menjalankan tugas. Ini permasalahan Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka hanya merasakan bahawa tugas itu hanya tangkap anjing dan itu selesai.

Seharusnya pendekatan yang digunakan yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi tadi soal bagaimana kementerian perlu menguatkuasakan daripada segi latihan kepada penangkap-penangkap haiwan ini diberi mengikut jenis-jenis haiwan itu. Saya bersetuju apabila kita ketengahkan hendak cara tangkap burung, kena ada cara burung, hendak tangkap anjing, kena ada cara.

Sebab ini melibatkan- kalau kita balik kepada konsep Islam itu sendiri, kita ialah khalifah yang Allah SWT jadikan di atas muka bumi ini untuk membawa *rahmatan di alami*. Bermaksud, rahmat kepada seluruh alam yang mana bukan saja kepada sesama manusia tetapi juga kepada haiwan yang ia jugalah makhluk yang dicipta oleh Allah SWT dan ini juga perlu kita pandang penting. Bukan soalnya soal ia kucing semata-mata tapi ia juga makhluk hidup yang harus mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu tindakan yang bagi saya tidak berperi kemanusiaan yang mana kita sebut tadi soal layanan itu harus setimpal. Oleh sebab itu saya kata, satu undang-undang harus diperketatkan bagi mengelak insiden-insiden begini daripada berlaku. Sebabnya bila latihan itu kurang, pendekatan itu tidak diberi dan ini membuatkan mereka ini hanya menjalankan tugas sekadar menjalankan tugas. Bukan meletakkan peri kemanusiaan dalam tugas sehingga mereka mampu membuat satu tugas itu atau menyelesaikan itu dengan sikap peri kemanusiaan.

Ini selaras juga dengan penubuhan Lembaga Kebajikan Haiwan yang dibentuk oleh kerajaan. Saya melihat sendiri bagaimana fungsi Lembaga ini kalau boleh saya sebut yang pertamanya, untuk memantau kerja-kerja persatuan ataupun badan yang ditubuhkan bagi maksud mencegah trauma, kesakitan atau penderitaan kepada haiwan.

Kedua, untuk memantau kerja-kerja bagi perlindungan haiwan, termasuklah haiwan dalam rumah penyelamat, tempat perlindungan haiwan atau kawasan perlindungan.

Ketiga, untuk memantau keadaan tempat di mana haiwan-haiwan boleh mencari perlindungan apabila haiwan itu lemah atau memerlukan perlindungan.

Keempat, untuk memberikan pendidikan berhubung dengan layanan berperi kemanusiaan kepada haiwan dan untuk menggalakkan pembentukan pendapat umum berhubung dengan tindakan mengakibatkan trauma, kesakitan dan penderitaan kepada haiwan. Ada beberapa lagi Tuan Yang di-Pertua, saya kira saya tidak perlu sebut sebab terlalu panjang.

Akan tetapi saya hendak ambil contoh seperti mana di negara barat, contohnya Australia. Di mana *animal control officer* yang memainkan peranan di dalam melaksanakan kebajikan haiwan ini ditubuhkan dan bertanggungjawab. Fungsi mereka ini lebih kepada soal menyelia haiwan-haiwan yang telah diberi lesen oleh pihak kerajaan kepada individu-individu ini di mana mereka ini memantau secara khusus, lebih dekat dengan pemilik-pemilik haiwan ini. Keadaan *team* ini juga kalau saya tidak salah,

saya ada juga rujuk yang mana kalau seingat saya, kita sudah mempunyai satu pasukan tindakan haiwan di bawah PDRM yang telah dipinda di bawah Akta Binatang 1953 (Pindaan) 2013. Di mana menyatakan bahawa Polis Diraja Malaysia (PDRM) mempunyai kuasa untuk menjadi sebuah badan yang fungsinya itu juga ialah untuk menjaga kebijakan dan keselamatan haiwan ini.

Itu persoalan yang saya hendak bertanya kepada pihak kementerian. Sejauh mana fungsi ini diketahui oleh anggota polis dan bagaimana fungsi ini berjalan di peringkat bawah? Oleh sebab kalau ditanya kepada ramai, mereka masih lagi tidak tahu bahawa ada wujudnya fungsi ini di bahagian Polis Diraja Malaysia. Itu yang pertama.

Keduanya, saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua ialah soal bagaimana kerajaan juga, kementerian harus meneliti penjualan daging haiwan dan haiwan secara haram di pasar terbuka. Saya ambil contoh seperti di Pasar Besar Ipoh, Super Kinta. Kalau boleh lalu dulu sebelum di baik pulih, diperbaiki dalam keadaan sekarang, kalau kita boleh singgah, kita boleh lihat bagaimana penjual-penjual haiwan ini, dia ada satu ruang, dia jual semua haiwan eksotik ini termasuk anak anjing, kura-kura, monyet dan sebagainya tanpa ada pemantauan yang lebih khusus. Yang lebih peliknya Tuan Yang di-Pertua, dijual dalam keadaan yang terbuka yang mana penguat kuasa dia ini, ulang-alik dekat jalan itu, jalan besar, tepi jalan besar di Pasar Besar Super Kinta.

Akan tetapi tidak ada pendekatan yang saya lihat menghalang. Oleh sebab soalnya sekarang ialah kita bercakap soal sejauh mana kebersihan haiwan-haiwan yang dijual ini dan ini melibatkan haiwan-haiwan yang dilindungi. Tindakan ini harus saya kira daripada segi kementerian dan jabatan, harus menguatkuasakan dengan lebih terperinci. Kerap turun padang, kenal pasti lokasi-lokasi ini agar ia bukan lagi menjadi tempat yang boleh memudahkan orang yang tidak cintakan kepada haiwan ini dapat makan makanan yang daripada haiwan-haiwan yang bersifat eksotik ini. Oleh sebab kita hendak menjaga daripada mereka ini pupus dan sebagainya.

Yang ketiga, saya kira saya hendak menyentuh juga soal yang ini Tuan Yang di-Pertua iaitu Malaysia masih lagi kekurangan doktor haiwan. Nisbah doktor veterinar kepada penduduk di Malaysia kini ialah satu dengan nisbah 15 ribu atau 1:15,000; berbanding satu dengan nisbah 5,360 atau 1:5,360 di Amerika Syarikat. Ini menunjukkan bahawa Malaysia masih kekurangan doktor haiwan atau veterinar bagi memenuhi permintaan terhadap perkhidmatan veterinar yang semakin meningkat dari semasa ke semasa. Ini pastinya membuatkan sedikit permasalahan bila dalam isu ini kita terpaksa *limitkan* soal bagaimana rakyat hendak mendapatkan fasiliti daripada segi doktor perubatan haiwan dan sebagainya.

Kalau kita lihat pun daripada segi kewujudan klinik-klinik haiwan ini terhad dan ini sebenarnya harus dititik beratkan.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyambung. Saya hendak mengambil kata-kata Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohd Khair bin Jo yang

menyatakan kekurangan pusat pengajian tinggi yang menawarkan kursus veterinar turut menyumbang kepada kekurangan pakar dalam bidang tersebut.

■1430

Setakat ini seperti yang saya ambil maklum hanya UPM dan Universiti Malaysia Kelantan yang menawarkan jurusan perubatan haiwan dan fakulti berkenaan di UPM. Ini yang mana di UPM itu mempunyai 520 orang penuntut sahaja. Tempat untuk pelajar mengikuti jurusan tersebut hanya di UPM bagi satu-satu kemasukan hanyalah sekadar 100 orang pelajar. Sedangkan permintaan sangatlah tinggi tetapi tidak dapat memenuhi permohonan masuk yang lebih daripada 100 orang pelajar.

Ini juga harus dipandang penting oleh kementerian dan jabatan kerana pada saat ini kebanyakannya daripada golongan belia dan muda itu banyak menunjukkan corak mereka meminati kepada isu untuk menjadi veterinar, pegawai veterinar, doktor veterinar dan sebagainya. Namun disebabkan oleh kekangan-kekangan dan terhadnya kelulusan-kelulusan masuk ke dalam sesuatu universiti untuk mengisi ruang ini, kita lihat itu sebagai salah satu juga pendekatan yang harus dibuka. Maknanya daripada 100 itu harus dibuka kepada 200 atau 300 melahirkan lebih ramai doktor-doktor veterinar, pakar-pakar veterinar di dalam negara kita.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua akhir sekali bagi saya, saya menyambut baik dan memuji pihak kerajaan yang mengambil inisiatif untuk memperkenalkan Akta Kebajikan Haiwan ini. Cukup cantik susunan undang-undangnya. Namun saya menjadi harapan bagi diri saya agar pelaksanaannya juga harus cantik agar nasib-nasib haiwan ini terbela dan juga mendapat hak yang sama di dalam negara kita. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

## 2.32 ptg.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015 pada petang ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana dapat membawa sebuah rang undang-undang baru ini yang bertujuan menjaga kebajikan haiwan di negara ini dan skop pindaannya meliputi aspek pemeliharaan pengangkutan, penyembelihan, pembiakan dan pemusnahan haiwan.

Kita sudah ada Akta Haiwan yang dipinda pada tahun 2014 dan kini diwujudkan pula rang undang-undang bagi memastikan kebajikan haiwan dijaga selaras dengan Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2012-2020 yang dirangka untuk pembangunan, undang-undang, garis panduan, prasarana dan tadbir urus untuk aktiviti kebajikan haiwan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan penubuhan lembaga. Wajar sekalilah kerajaan memasukkan wakil-wakil NGO sebagai ahli lembaganya kerana mereka sebagai

golongan orang yang terlibat secara langsung dengan kebajikan haiwan ini. Di samping itu juga saya berharap pihak kementerian agar melantik dalam Lembaga ini iaitu wanita sekurang-kurangnya 30 orang dalam senarai anggota lembaga kebaikan haiwan ini. Ini kerana wanita ini memang dikenal pasti Tuan Yang di-Pertua memang hatinya lembut dan juga pengasih, penyayang.

Juga haiwan ini dia selalu salut-salut dan lelaki jarang menyalut haiwan-haiwan ini. Dia kalau tengok haiwan dia halau sahaja macam itu dan wanita dia dukungnya Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ambil iktibar daripada sejarah orang yang bekerja dekat rumah saya. Saya memang tidak berapa minat dengan haiwan-haiwan tetapi saya sayanglah. Wanita suka tidak suka dia memang sayang walaupun orang ataupun haiwan.

Jadi sejarah dekat rumah saya ini Tuan Yang di-Pertua kalau kucing ini contohnya kucing ini suka dengan orang itu, jadi pagi-pagi orang yang kerja dekat rumah saya itu dia datang dia tahu pukul 7.30 pagi 12 ekor dia sudah tunggu dekat tepi jalan dekat depan pintu masuk dekat rumah, tepi jalan masuk rumah saya. Nanti hendak balik dia ikut belakang sampai tepi jalan. Nanti dia kata suruh balik dengan saya pun dia tidak berapa sayang orang itu dia sayang fasal hari-hari orang itu beri makan walaupun kita yang beli beras tetapi dia yang beri makan yang itu diikut sahaja. Itu namanya kalau kucing saya setujulah kata Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah tadi. Kucing kalau sudah sayang manusia ini lain macam Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab itu saya pun pelik bin hairan dekat kampung saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kucing dengan anjing ini sudah tidak nampak berkeliaran. Itu saya setujulah kata Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi tadi ada orang makan kucing dengan anjing. Sama ada kucing ini dia takut hendak keluar ataupun sudah kena tangkap dengan si polan ini untuk dimakan. Akan tetapi saya barang dijawuhkanlah Allah, minta-minta jangan berlaku di semua tempat. Saya rasa saya difahamkan ada yang mengadu, "*Tempat aku kucing sudah hilanglah. Tempat aku semua kucing hilang.*" Saya rasa itulah yang dimaksudkan oleh sahabat saya tadi. Jadi tahniah kepada Dato' Mohd. Suhaimi yang suka kucing dengan burung. Tadi dia kata burung hilang jadi saya kata mungkin tidak hilang semualah burung itu.

Tuan Yang di-Pertua ini sangka baik Tuan Yang di-Pertua. Ada orang... [Disampuk] "Suhaimi" bukan "suami". Jadi sesuai sangat dengan tugas...

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada bangun Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Ya.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Saya hendak bagi penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Burung ada lagi. Jangan silap *[Ketawa]*

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Kita ini rakan-rakan Yang Berhormat sekalian. Jangan ambil kirilah. Kita ambil *straight*. Bulan puasa ni. Jangan menghilangkan kita punya pahala.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sesuai sangat dengan tugas dan fungsi yang dinyatakan dalam seksyen 4 rang undang-undang ini serta hal-hal lain berkaitan kebajikan haiwan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkaitan dengan klinik haiwan. Saya hendak tahu berapa jumlah klinik haiwan di seluruh negara ini Yang Berhormat Menteri? Berapakah jumlah kes yang dirujuk secara keseluruhannya? Adakah kerajaan ingin menambah jumlah klinik haiwan di negara kita ini berdasarkan apa-apa fakta yang dinyatakan oleh sahabat saya sebentar tadi. Ini kerana satu ketika dahulu kita lihat laporan akhbar kesukaran masyarakat mendapatkan rawatan untuk haiwan. Ini kerana klinik haiwan di Cheras contohnya tidak beroperasi kerana tidak cukup kakitangan.

Jadi berapa jumlah doktor veterinar? Adakah ia mencukupi di negara kita pada masa sekarang ini? Apakah garis panduan untuk *fee* rawatan haiwan? Seperti kita maklum untuk mengkasi kucing kita terpaksa membayar RM200 di hospital swasta. Walaupun ikut daripada segi Islam Tuan Yang di-Pertua mengkasi kucing ini tidak boleh, berdosa. Dato' Mohd. Suhaimi kalau ada mengkasi kucing jangan buat lagi kerana takut mendera... *[Disampuk]* Kita fahamlah, Tuan Yang di-Pertua pun faham nampak dia senyum sahaja itu.

Untuk rawatan luka sahaja Tuan Yang di-Pertua RM98, untuk rawatan buah pinggang rupanya kucing pun ada sakit buah pinggang juga ya. Untuk rawatan buah pinggang perlu lebih RM1,000 di hospital swasta. Ini aduan daripada rakan-rakan yang membela kucing tetapi tidak termasuk Dato' Mohd. Suhaimi dia tidak pernah cerita dengan saya bab ini pula. Pergi merawat kucing mereka di tempat yang dinyatakan iaitu di hospital swasta ini. Kosnya agak tinggi Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang lebih daripada *fee* rawatan manusia. Jadi apakah kementerian mengawal dan memantau klinik-klinik veterinar swasta ini?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan penguatkuasaan. Di mana Menteri berkuasa melantik pegawai kebaikan haiwan dan pembantu sukarela kebajikan haiwan serta kuasa-kuasa mereka dijelaskan dalam Bahagian VII akta ini. Penguatkuasaan adalah sangat penting dalam sesebuah organisasi dan mereka jugalah yang menentukan akta yang kita bahas ini dilaksanakan dengan berjaya dan sewajarnya. Jadi siapakah sebenarnya pegawai yang akan dilantik itu? Apakah *qualification* mereka yang hendak dilantik ini?

#### ■1440

Seterusnya, saya mencadangkan agar diwujudkan satu talian aduan untuk memudahkan masyarakat melaporkan jika ada berlaku kesalahan-kesalahan oleh pihak tertentu mengikut bahagian penganiayaan terhadap haiwan ini. Dengan cara ini, maklumat boleh dihantar dengan lebih tepat dan juga jelas.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap agar kerajaan menguar-uarkan tentang pelaksanaan undang-undang ini dengan memberikan informasi yang mencukupi agar akta ini dilaksanakan dengan lebih efektif dan tercapai matlamatnya. Kita tidak mahu masyarakat kita jahil tentang undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahaja ucapan bahas saya kerana rakan-rakan saya pun mungkin hendak balik cepat. Hari ini pun kata sudah hendak raya. Jadi untuk itu, saya mengambil

kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir batin, khasnya kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga rakan-rakan saya sekalian. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul.

#### **2.41 ptg.**

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang untuk turut serta berbahas dalam Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015.

Sebelum itu, sebagai mukadimah, saya ingin memaparkan satu artikel daripada MStar Malaysia yang mengatakan bahawa hampir 100 ekor haiwan berjaya diselamatkan dari sebuah banglo di Subang yang dipercayai menjadi tempat kes penderaan haiwan paling besar dan paling teruk di negara ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kesemua haiwan itu dikurung dalam sangkar yang sempit, kawasan sekitar yang busuk dan tidak terurus malahan dipenuhi dengan bahagian terpakai kereta. Tetapan ini biarlah kita sama-sama merenungi bersama kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini agar kita juga merasai bagaimana kesengsaraan haiwan itu dan bagaimana seksaan manusia itu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila didapati oleh sepasukan polis bersama ahli Penyelamat Haiwan Bebas Malaysia, mereka menyerbu kawasan itu untuk membanteras kegiatan yang dilakukan iaitu pembiakan haiwan secara haram. Didapati kira-kira 80 ekor anjing yang ditemui di banglo itu dikurung dalam sangkar dan bersama dengan tiga ekor kucing, dua ekor angsa dan beberapa ekor burung, ayam serta unga. Dipetik daripada laporan *MStar Online*, begitu baunya najis ketika serbuan terlalu busuk. Antara baka anjing yang diselamatkan pada ketika itu ialah jenis *Shih Tzus, Poodles, Pomeranian, Bull Dog, Pit Bull* dan *Bull Terrier* dan menurut Puspa Rani, seorang Presiden Penyelamat Haiwan Bebas Malaysia, ini satu kes yang paling besar dan paling teruk pernah diuruskannya. Ini kerana ia melibatkan begitu banyak haiwan.

Tuan Yang di-Pertua, beliau juga mengatakan bahawa beliau telah melihat kira-kira 20 ekor anjing atau lebih dibiakkan secara haram tetapi beliau tidak pernah mendengar ia dilakukan dengan skala sebesar itu. Menurut beliau, haiwan yang dikurung luka, tidak boleh berjalan, ada yang buta dan banyak yang kekurangan zat makanan, tidak mempunyai sumber makanan, air bersih serta memerlukan rawatan secepat mungkin. Jadi inilah satu daripada paparan yang kita dapat lihat daripada kesengsaraan yang telah berlaku kepada haiwan-haiwan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015, perkara ini amat penting sekali untuk dibincangkan. Sebagaimana yang dimaklumi, Malaysia mencatat sejarah tersendiri apabila Dewan Negara pada hari ini membahaskan Rang Undang-undang Haiwan bertujuan mempromosikan kebajikan dan pemilikan tanggungjawab haiwan. Maka, Malaysia bakal menyertai beberapa buah negara anggota Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang mempunyai undang-undang khusus berkaitan kebajikan haiwan seperti India, New Zealand, Australia dan United Kingdom.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tujuan asas rang undang-undang ini berkenaan meningkatkan kesedaran orang awam tentang kepentingan menjaga kebajikan haiwan. Rang undang-undang ini juga membuatkan orang ramai bersedia tampil membuat aduan dengan bukti yang lengkap atau menjadi saksi dalam membantu proses pertuduhan di mahkamah. Tuan Yang di-Pertua, pendakwaan hanya boleh dibuat bagi kes yang mempunyai bahan bukti yang mencukupi dan melampaui keraguan munasabah untuk mempertuduhkan pesalah di mahkamah.

Ibu seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah penubuhan Lembaga Kebajikan Haiwan. Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan penubuhan Lembaga Kebajikan Haiwan ini kerana ia berfungsi memantau kerja persatuan atau badan yang ditubuhkan bagi maksud mencegah trauma, kesakitan atau penderitaan kepada haiwan. Entiti baharu itu juga akan memantau kerja-kerja perlindungan haiwan termasuk dalam rumah penyelamat dan tempat perlindungan. Melalui Lembaga Kebajikan Haiwan juga bertanggungjawab memberi pendidikan berhubung layanan perikemanusiaan kepada haiwan dan menggalakkan pembentukan pendapat umum berhubung tindakan yang mengakibatkan trauma, kesakitan atau pun keperitan kepada haiwan.

Keanggotaan lembaga itu terdiri daripada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebagai pengurusi dan seorang pegawai kanan jabatan itu yang dilantik Menteri sebagai Timbalan Pengurusi. Lain-lainnya telah dinyatakan oleh rakan-rakan yang lain, anggota-anggota lain dan biarlah saya pergi kepada yang seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh penubuhan lembaga berkenaan, seseorang tidak boleh menjalankan aktiviti melibatkan haiwan seperti penginapan, menunggang dan mengepong, pembiakan, penyelidikan, ujian dan pengajaran haiwan serta penyembelihan melainkan memegang sesuatu lesen yang sah. Bagaimanapun, lesen itu tidak diperlukan untuk aktiviti penyembelihan haiwan bagi maksud keagamaan dan adat seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Boon sebentar tadi.

Ibu kemampuan dan kemahiran tenaga kerja. Tuan Yang di-Pertua, difahamkan seramai 160 orang penjawat penguat kuasa dan 2,500 orang pegawai teknikal Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Semenanjung dan Labuan akan dilantik sebagai pegawai kebajikan haiwan dan latihan kepakaran berkenaan kebajikan haiwan akan diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar kepada semua pegawai kebajikan haiwan yang akan dilantik. Pada kementerian, saya ingin bertanya apakah keanggotaan dan latihan kemahiran ini sudah mencukupi?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu mengasi haiwan atau pun menyebabkan haiwan ini menjadi mandul. Saya rasa saya amat bersetuju dengan isu mengasi haiwan ini dalam hal-hal anjing-anjing yang berkeliaran atau boleh juga dikatakan anjing-anjing gelandangan di bandar-bandar. Sebabnya, kalau kita tidak kawal anjing-anjing yang berkeliaran di bandar-bandar ini, ia akan menjadi masalah kepada masyarakat umum. Ini kerana ada yang kita dengar dalam berita ia akan boleh mencederakan masyarakat awam di mana-mana tempat di kawasan-kawasan bandar. Jadi saya rasa saya amat setuju untuk memandulkan haiwan-haiwan seperti anjing jantan supaya populasi anjing di bandar-bandar ini dapat dikawal. Begitu juga dengan kucing.

Akan tetapi, pada masa yang sama, kita juga mahu melihat bahawa janganlah mandulkan baka-baka anjing yang baik seperti juga kita memberi peluang kepada manusia-manusia baka-baka yang baik ini untuk bercambah, bertumbuh, bertambah. Begitu juga dengan hal-hal haiwan iaitu kalau haiwan ini seperti anjing yang berkeliaran, bergelandangan di bandar-bandar ini, perlulah dibuat satu proses pengasian atau pun pemandulan atau kalau bahasa kami di Sabah ini, dikembiritkan.

Di bawah rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, tindakan mengasi haiwan tidak akan menjadi satu kesalahan di bawah rang undang-undang. Jadi pengasian haiwan juga adalah antara aktiviti yang digalakkan mengawal populasi haiwan tetapi biarlah prosedur mengasi haiwan perlu dilakukan oleh doktor veterinar.

■1450

Jadi, justeru itu, memang amat baik sekali untuk melihat isu mengasi haiwan ini disokong dengan hal-hal yang terpilih. Sepertimana yang saya katakan tadi, tujuan asalnya ialah untuk menyekat daripada pembiakan haiwan yang berleluasa di bandar-bandar yang akhirnya menjadi ancaman kepada masyarakat umum.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini turut mencadangkan denda minimum RM20,000 dan maksimum RM100,000 dan penjara sehingga 3 tahun atau kedua-duanya sekali untuk kesalahan kali pertama bagi kesalahan-kesalahan di bawah akta itu termasuk menganiaya haiwan, membunuh dengan menembak tanpa sebab munasabah, pemberian racun dan usaha niaga perlagaan haiwan.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak lagi dibenarkan menggunakan kaedah membunuh dengan menembak mati haiwan terbiar seperti anjing dan kucing kecuali binatang tersebut berpenyakit. Oleh itu juga Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan kepada kementerian agar memasukkan kurikulum tata cara yang baik dalam pendidikan di sekolah awal rendah dan di sekolah menengah, tata cara memelihara haiwan peliharaan ini agar anak-anak ataupun pelajar-pelajar kita dapat memelihara binatang peliharaan mereka dengan lebih baik tanpa dijangkiti oleh penyakit-penyakit.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi rang undang-undang ini juga, sesiapa yang didapati bersalah mendera atau menganiaya haiwan boleh dikenakan denda minimum RM10,000 hingga RM20,000 dan tidak lebih daripada tiga tahun penjara, atau kedua-duanya. Ia bersifat pencegahan berbanding dengan rang undang-undang sedia ada iaitu Akta Haiwan yang hanya mengenakan RM200 kepada pesalah yang menganiayai haiwan itu.

Dengan hujah-hujah sedemikian Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong bahawa rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini, saya menyokong supaya Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan ini dimartabatkan oleh Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

**2.53 ptg.**

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya, di samping teman-teman lain yang telah membincangkan Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Menteri yang telah membentangkan rang undang-undang ini kepada kita pada hari ini. Semoga dengan usaha yang baik ini, akan menghasilkan natijah yang baik pula.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat hubungan manusia dengan haiwan ini, amat rapat dalam semua segi. Kalau kita lihat, hubungan ini dapat kita lihat daripada manusia minum susu haiwan. Manusia makan daging haiwan. Manusia menunggang haiwan. Manusia menjadikan haiwan sebagai ternakannya dan manusia macam-macam lagi menggunakan haiwan untuk keselamatannya, untuk menjaga kehidupannya, untuk memburu seperti anjing, helang dan sebagainya. Oleh sebab itu, haiwan dalam kehidupan manusia merupakan hubungan yang sangat erat dan sangat dekat.

Bayangkan ketika Nabi Noh a.s. memunggah menaiki bahteranya ketika banjir besar akan berlaku, maka setiap haiwan dibawa pasangan-pasangannya supaya jangan pupus. Kalau kita boleh merujuk kepada peristiwa tersebut, kita dapat melihat bahawa haiwan dan juga manusia mempunyai hubungan yang sangat rapat dan manusia tidak dapat hidup tanpa dibantu oleh haiwan. Kalau sebelum ini kita melihat haiwan membantu manusia membajak tanah, mengangkut barang. Walaupun sekarang ini telah diambil oleh pihak lain dalam pembajakan dan juga pengangkutan, namun sejarahnya amat panjang kalau kita hendak bicarakan.

Oleh sebab itu, kalau kita melihat lagi di dalam Al-Quran ada banyak surah yang disebut dengan nama haiwan. Antara lainnya *Al-An'am*, binatang ternakan. Begitu juga *Al-Nahl* iaitu lebah. Begitu juga *Al-Ankabut* - labah-labah; *Al-Fil* - gajah. Disebut banyak juga *Al-Hamar...* [Berucap di dalam bahasa Arab] Pelbagai-bagai lagi. Ini menunjukkan kepada kita bahawa binatang itu disebut oleh Allah di dalam Al-Quran dan ingin memberitahu kepada manusia tentang penggunaan mereka dan khidmat dan juga kebaikan yang telah disediakan daripada haiwan-haiwan tersebut.

Selain daripada itu, kita melihat bahawa di sana ada persamaan-persamaan antara makhluk, kita sebagai manusia dengan haiwan. Malah, kadang-kadang kita lihat ahli mantiq, dalam bahasa Arab disebut, kalau ditanya siapa manusia, maka mereka memberi definisi... [Berucap di dalam bahasa Arab] "*Manusia itu ialah binatang bercakap*". Pun dikatakan manusia sebagai haiwan juga. Namun saya ingin menyatakan bahawa manusia dengan haiwan ada persamaan dari sudut mereka berketurunan, mempunyai sifat-sifat, keinginan, makan minum, juga cara beranak pinak dan seterusnya dalam kehidupan-kehidupan mereka. Banyak persamaan.

Dalam hubungan ini lah Allah SWT berfirman... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Antaranya bermaksud, tidaklah binatang yang merayap di bumi, begitulah juga burung yang berterbang di awan, mereka tidak lain tidak bukan umat seperti kamu ju. Sebagaimana maksud yang telah diberikan oleh Menteri kita tadi.

Begitulah juga halnya kalau kita melihat haiwan itu ada yang berkaki empat, ada yang berkaki dua dan ada yang berkaki lebih daripada empat. Yang merangkak di atas bumi, yang berjalan dengan perut, ular dan sebagainya. Ini disebut oleh Allah SWT ciri yang sangat hebat. Dalam hubungan ini Allah berfirman... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Antaranya bermaksud, Allah mencipta binatang daripada air mani. Manusia juga dicipta daripada air mani, campuran antara benih lelaki dan perempuan. Begitu juga binatang ternakan, haiwan. Ada di kalangan haiwan tadi yang berjalan atas perutnya, seperti ular dan cacing. Ada yang berjalan menggunakan empat kaki seperti lembu, kerbau, kambing biri-biri. Ada yang menggunakan dua kaki seperti ayam, itik, angsa dan serati. Namun, kita melihat, semua itu dicipta oleh Allah dari percantuman benih betina dan jantan.

Walaupun banyak persamaan antara ciptaan-ciptaan tadi, namun manusia tetap berbeza daripada haiwan. Kalau kita melihat, haiwan ada yang berjalan dengan dua kaki, manusia pun sama. Namun tidak ada haiwan yang kepalanya mendongak ke atas. Apabila haiwan, walaupun ada yang mendongak ke atas tetapi apabila berjalan, berjalan dengan empat kaki dan perut ke bumi. Hanya manusia yang istimewa, diciptakan oleh Allah apabila berjalan kepalanya ke atas, dadanya ke depan. Ini satu keistimewaan yang boleh kita lihat.

#### ■1500

Oleh sebab itu, manusia berbeza daripada haiwan dengan kedudukan itu, maka sebenarnya haiwan, walau bagaimana hebat pun, mereka apabila berjalan perut ke bawah kepalanya ke depan. Yang Berhormat, mungkin kita perasan atau tidak perasan, haiwan berjalan perut ke bawah kepala ke depan. Itik, ayam, beruk, kera dan sebagainya semua berjalan kepala ke depan, perut ke bawah tetapi manusia tidak, dada ke depan kepala ke atas. Apakah maksudnya? Kalau boleh kita melihat, maksudnya manusia bukan hidup untuk makan. Kalau haiwan, dia hidup hanyalah untuk makan sebab itu perutnya ke bawah dan kepalanya ke depan. Ke depan pun ditengok apa yang dia boleh makan, apa dia boleh sudu dan juga boleh minum, itu sahaja, tidak berfikir lebih daripada itu.

Berbeza dengan manusia, dia akan berfikir apakah yang patut dilakukan, apa yang patut diuruskan dan sebagainya. Kalau sekiranya manusia hanyalah berfikir sekadar untuk makan, untuk hidup, berkeluarga sekadar itu sahaja maka dia tidak jauh beza dengan haiwan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat juga dalam hubungan ini kalau saya boleh tarik perhatian. Haiwan digunakan dengan begitu meluas dalam kehidupan kita dan haiwan itu juga, mereka mempunyai perasaan dan juga memahami kata-kata kita walaupun kita tidak memahami mereka. Sebagai contoh, apabila Nabi Sulaiman dengan tenteranya, tenteranya terdiri daripada manusia, jin dan juga burung, berjalan di dalam satu perjalanan, lalu semut memberitahu kawan-kawannya... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Maksudnya, wahai para semut, kamu hendaklah masuk ke lubang masing-masing kerana Nabi Sulaiman dan tenteranya tidak mengetahui kamu dan tidak nampak kamu. Lalu Nabi Sulaiman... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Nabi Sulaiman tersenyum, kagum dengan dia mengerti bahasa semut. Itu semut, dan semuanya mereka mempunyai interaksi antara satu sama lain dan mereka memahami bahasa manusia, namun manusia sahaja yang tidak mengerti mereka.

Hal yang sama kalau kita melihat burung hudhud yang disebut dalam Surah An-Naml. Nabi Sulaiman memeriksa burung-burungnya, Nabi Sulaiman memelihara burung-burung juga, ramai burung dia dan dia memeriksa burung-burungnya. Disebut dalam surah... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*, Maksudnya, dia memeriksa, mengecheck burung-burung dia dan dia tidak melihat burung hud-hud, burung belatuk ini ataupun dia ini telah tidak hadir dalam pemeriksaan tadi. Dia mengancam, kalau sekiranya segalanya tidak hadir- seperti tidak hadir di Parlimenlah macam itu... *[Ketawa]*

Ataupun dia boleh bawa bukti bahawa dia membawa satu berita yang boleh membuktikan dia tidak sengaja tidak hadir, maka aku akan mengenakan tindakan tegas atau aku akan menyembelihnya. Namun tidak berapa lama burung hudhud datang membawa berita bahawa dia datang dari negeri Saba' untuk memberitahu kepada Nabi Sulaiman di sana, ada seorang Raja perempuan yang rakyatnya menyembah matahari.

Jadi kita melihat bahawa burung boleh bercakap dan burung faham dan begitulah juga semua yang ada di dunia ini termasuk binatang-binatang, haiwan yang kita sedang bincangkan ini, mereka merupakan makhluk yang diciptakan Allah untuk kebaikan manusia. Oleh sebab itu kalau kita lihat dalam hidup kita ada anjing, kucing, babi dan semua binatang yang hidup atas dunia ini ada manfaatnya kepada semua manusia. Cuma ada yang Allah melarang untuk kita makan, ada yang dibenarkan untuk kita makan, ada yang dibenarkan untuk kita guna dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung lagi. Dalam hubungan, saya hendak tanya juga kepada Menteri Pertanian kita, dalam kita melihat perkembangan masyarakat kita terhadap kasih dan sayangnya mereka kepada binatang ini, adakah mereka boleh memahami dengan baik bahawa binatang itu mempunyai kecenderungan, binatang ini ada yang garang, ada yang tidak garang, ada lembu garang dan ada lembu yang tidak garang.

Rupa-rupanya lembu ini semacam manusia juga. Kalau orang baik dengan dia, dia tidak akan marahkan orang. Kalau orang garang dengan dia, dia akan turut garang dengan orang. Saya juga semasa zaman kecil dahulu pernah memelihara lembu, cowboy jugalah. Orang tua-tua beritahu kalau kita hendak suruh lembu kita jadi garang, kita pukul dengan buluh atas muka, atas kepala dia maka lembu itu akan menjadi garang. Kalau manusia pun pukul atas muka, dia melawan begitu juga binatang. Dia tidak boleh pukul atas muka, dilarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut tarik lagi, ada orang kita yang kadang-kadang melihat sebahagian binatang terlalu *allergic*, saya rasa persepsi ini perlu diperbetulkan. Sebagai contohnya ialah anjing. Kepada orang Islam Melayu, anjing merupakan seekor binatang yang tidak boleh disentuh, sedangkan Islam hanya menyebut kalau sekiranya kamu melihat anjing itu menjilat bekas kamu, maka basuhlah tepat yang dijilat itu. Itu *simple*. Oleh sebab itu anjing boleh dibela, dipelihara dengan tujuan untuk menjaga keselamatan, berburu malah kalau kita pergi berburu dengan anjing, kita lepaskan sahaja anjing, kita kata "*Bismillah*". Lepas anjing, maka anjing itu mungkin akan menangkap beruang, mangsanya yang kita buru dan kita boleh makan, walaupun kita melihat dia telah mati dan kita kena tengok adakah anjing itu makan untuk dia ataupun untuk kita. Kalau dimakan sudah sebelah habis, itu

untuk dialah. Kalau dia mematikan sahaja, itu untuk kita maka kita boleh makan. Begitu luas Islam berhubung dengan binatang.

Begitulah juga saya hendak tahu dalam masyarakat kita ada yang menggunakan anjing untuk menjaga keselamatan, mengesan penjenayah dan juga dadah. Boleh jadi Menteri boleh menjawab, ramai tidak orang Islam yang terlibat dengan menggunakan anjing, saya maksudkan polis. Saya tengok yang ramai menggunakan anjing, bawa anjing tidak ramai orang Islam, yang ramainya bukan Islam. Adakah ini kerana kefahaman atau pun tasawur yang ada dalam pemikiran kita bahawa orang Islam tidak boleh rapat dengan anjing atau bagaimana. Kalau boleh perkara ini juga perlu diberikan penjelasan yang jelas bahawa kedudukan ini biar kita jelas daripada segi kedudukan hukum hakam dan sebagainya supaya kita tidak memberikan tanggapan yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada akta ini, tadi sebagai mukadimah ringkas sahaja kerana orang ramai dok hendak suruh cepat. Saya hendak tengok di sini, tadi telah dicadangkan oleh Yang Berhormat yang lain terutamanya keanggotaan. Sebenarnya saya cadangkan supaya dimasukkan anggota dari JAKIM supaya dapat memberikan pandangan dan juga supaya pelaksanaan akta ini selaras dengan *maqasid syar'iah*. Kalau sekiranya pihak JAKIM juga dilibatkan di dalam Perkara 6 ini, maka sudah pasti perkara yang berkaitan dengan syarak itu dijaga, kerana binatang pun kita kena jaga menurut sebagaimana yang dikehendaki oleh agama kita.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan lesen. Lesen ini kadang-kadang binatang ini seperti kucing atau anjing. Kita tidak berniat hendak memelihara dia tetapi dia datang. Dia datang, kita kesian kita beri makan. Apabila kita memberikan makanan, dia terus tinggal, sedangkan kita tidak berniat untuk memelihara dia. Adakah semacam itu kena dapat lesen juga? Ini boleh jadi boleh diterangkan oleh Menteri kita. Kita tidak hendak pelihara pun tetapi apabila diberikan makanan, kucing lain datang juga, yang lain akan lebih ramai dan kita pun tidak mengurung dia, biarkan begitu sahaja, ketika waktu makan dia datang. Adakah ini termasuk kena ambil lesen? Supaya akta ini tidak– orang melakukan perbuatan tersebut, tidak boleh diambil tindakan undang-undang.

#### ■1510

Begitulah juga berhubung tadi membunuh binatang. Kadang-kadang berlaku dalam masyarakat kita wabak burung, apa ini disebut selesema burung, unggas dan sebagainya. Kadang-kadang berlaku dalam masyarakat kita dan kita nampak pihak kementerian akan buat sempadan di mana semua binatang, burung itu yang termasuk ayam akan dimusnahkan walaupun dia tidak sakit. Adakah ini juga memberi impak yang tidak baik kepada kita ataupun kita hanya menguruskan yang sakit sahaja?

Kemudian daripada segi racun. Racun ini kadang-kadang kita lihat orang untuk mematikan seseekor binatang itu kadang-kadang dia tidak tergamak atau dia tidak sempat dia akan letak racun. Kalau kucing, kucing makan mati, anjing pun mati dan haiwan-haiwan lain pun mati. Kalau sekiranya dia melakukan perbuatan tersebut, maka sudah pasti dalam hal ini dia akan dikenakan tindakan yang tegas. Begitu juga pengubahan kedudukan fizikal haiwan. Sekarang ini telah berlaku mungkin Yang Berhormat Menteri kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Tidak panjang sudah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, sila teruskan.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Pengubahan fizikal haiwan, terutamanya saya hendak sebut ayam Serama. Kalau di sebelah Kelantan bersohor ayam Serama ini dan ayam Serama ini harganya mahal sampai ribuan. Untuk mencantikkan ayam ini dan juga *handsomenya* maka diubah fizikalnya, dibentuk dan *direnovate*. Dalam bahasa ini saya tidak tahu bahasa yang betul. Sehingga kelihatan cantik dan menyebabkan dia dapat dijual dengan harga yang tinggi. Adakah hal ini juga termasuk dalam penyeksaan binatang dan boleh diambil tindakan di bawah akta yang kita sedang membicarakan ini.

Seterusnya ialah kita melihat binatang ini yang terakhir Tuan Yang di-Pertua. Terakhirnya ialah kita mengharapkan supaya akta ini selain daripada apa yang telah disebutkan oleh sahabat-sahabat saya tadi, saya rasa kita perlu tengok, kita perlu memberi kepercayaan yang penuh kepada pihak kementerian, undang-undang ini akan dapat dilaksanakan dengan baik dan jayanya dan semoga masyarakat kita menyayangi binatang ini sebagaimana yang sewajarnya dan sepatutnya dilakukan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ini saya rasa inilah saya hendak ucap yang terakhir untuk sesi ini, saya hendak ambil kesempatan ini untuk ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada semua sekali yang ada di Dewan ini. Selamat menyambut Lailatul Qadar dan selamat meneruskan ibadah puasa. Seterusnya menyambut Hari Raya dan kepada teman-teman yang tidak beragama Islam saya ucap juga selamat dan Dato' Boon- Dato' Boon tidak ada, Datuk Nalla. Saya rasa saya alu-alukan untuk sama-sama kita berhari raya, dan saya sudahi dengan *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumusalam*. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Koh Chin Han dan seterusnya, akhir sekali Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali Mohd Rustam.

### 3.14 ptg.

**Tuan Koh Chin Han:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana izinkan saya berbahas dalam Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian berkenaan. Ini kerana rang undang-undang ini yang ingin digubal adalah hasil respons dan juga kepekaan kementerian terhadap kebijakan haiwan.

Dengan membandingkan akta yang sedia ada, saya yakin rang undang-undang baru ini akan memberi perlindungan, pengurusan yang lebih baik terhadap haiwan. Berdasarkan kepada entiti baru seperti berikut iaitu kewajipan untuk memastikan haiwan diberikan pemakanan atau diet yang sesuai. Kaedah mengenai pengangkutan haiwan secara komersial, piawaian untuk menyediakan kemudahan dan persekitaran yang selesa dan selamat untuk haiwan di kedai-kedai haiwan peliharaan, haiwan ternakan di ladang-ladang dan haiwan di rumah penyelamat dan tempat perlindungan.

Rang undang-undang tersebut telah mencerminkan komitmen Malaysia kepada dunia antarabangsa iaitu di bawah *United Nation Universal Declaration on Animal Welfare* dan bakal menyertai anggota *World Organization for Animal Health* (OIE), dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dengan menjaga kebijakan haiwan dan pemilikan bertanggungjawab haiwan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah rang undang-undang baru ini juga pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak lagi dibenarkan untuk menggunakan kaedah menembak mati haiwan terbiar atau berkeliaran. Ini adalah jelas apabila rang undang-undang tersebut dalam Bahagian V iaitu penganiayaan terhadap haiwan fasal 30, pembunuhan haiwan menyatakan, "Tiada seorang pun boleh membunuh dengan menembak dengan senjata api mana-mana anjing, kucing atau apa-apa binatang sekali. Manakala hukuman bagi individu yang melanggar akta tersebut akan didenda minimum RM20,000 dan maksimum RM100,000 dan penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Walau bagaimanapun, rang undang-undang ini hanya bersifat langkah punitif sementara pendekatan yang lebih holistik dan menyeluruh diperlukan. Ini adalah jelas apabila pengurusan populasi haiwan terbiar dan berkeliaran yang semakin meningkat, menjadi semakin sukar dikawal dan mencabar kepada PBT. PBT atau Majlis Perbandaran, kerap menerima banyak aduan daripada penduduk mengenai gangguan yang disebabkan oleh haiwan terbiar ini.

Demi menangani isu ini, PBT telah menggunakan kaedah yang pelbagai seperti menembak mati dan mengadakan kempen menangkap haiwan terbiar dengan penglibatan masyarakat setempat. Sebagai contohnya, pada 3 Jun 2015, Majlis Perbandaran Tanjung Malim telah dibidas dan dikritik oleh orang ramai terutamanya Pertubuhan Kebajikan Haiwan dan akhirnya mereka terpaksa membatalkan kempen seekor anjing untuk RM10. Kempen ini dikritik bukan kerana mereka menangkap anjing, tetapi kerana penglibatan masyarakat yang tidak terlatih dan tidak dibekalkan dengan peralatan yang sesuai yang mana ia boleh menyebabkan masyarakat mudah diserang oleh anjing-anjing liar dan agresif.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah-kaedah seperti ini kerap dicadangkan oleh PBT kerana ada sebabnya. Pertamanya, kekurangan peruntukan untuk mendirikan tempat perlindungan haiwan sementara atau kebijakan lain sepanjang tempoh penahanan haiwan tersebut. Keduanya, kos perkhidmatan pengembiran atau pemandulan yang tinggi. Ketiganya, kekurangan sumber manusia seperti pegawai penguat kuasa yang terlatih untuk melakukan penangkapan haiwan terbiar yang populasinya tinggi. Oleh itu, PBT berada dalam keadaan dilema apabila mereka berhadapan dengan isu ini. Untuk menangani aduan penduduk tempatan, maka pendekatan yang pelbagai dan berkesan diperlukan untuk menangani populasi haiwan terbiar dan berkeliaran secara holistik serta berperikemanusiaan. Penglibatan pelbagai agensi kerajaan termasuklah PBT dan juga NGO-NGO akan mampu mengurangkan populasi haiwan terbiar ini. Dalam konteks ini, saya mempunyai beberapa cadangan yang difikirkan mungkin dapat mengurangkan populasi haiwan terbiar dan berkeliaran ini.

## ■1520

Pertama, kementerian perlu melaksanakan kaji selidik atau pembancian kebangsaan ke atas populasi haiwan peliharaan. Mengumpul data mengenai nombor dan trend pemilikan haiwan peliharaan,

ini termasuklah mewajibkan PBT mengumpul statistik mengenai penangkapan, tahanan, pelepasan dan juga penghapusan haiwan terbiar tersebut. Angka-angka ini adalah penting untuk mengesahkan tahap keberhasilan langkah-langkah kawalan dan pengurusan haiwan terbiar.

Kedua, kementerian perlu merombak semula kempen kesedaran sivik yang sedia ada iaitu program pendidikan mengenai tanggungjawab seorang pemilik haiwan kesayangan. Program ini perlulah diperluaskan kepada semua perbadanan yang terlibat dengan haiwan seperti rumah haiwan dan tempat perlindungan.

Ketiga, kementerian juga boleh mendapatkan kerjasama doktor haiwan swasta untuk menjalankan program *Track Neuter Release Manage* (TNRN), dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dengan kos yang lebih rendah.

Keempat, kementerian boleh mempertimbangkan untuk memulakan klinik veterinar mudah alih yang menyediakan perkhidmatan pengembiran ataupun pemandulan. Ini akan menggalakkan orang ramai membawa haiwan kesayangan mereka untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.

Kelima, kementerian perlu bekerjasama dengan organisasi kebajikan haiwan bagi program *Re-homing for Pets*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah untuk mengurangkan lambakan haiwan terbiar dan membekalkan sebuah pusat pengumpulan yang lebih selamat kepada haiwan. Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini juga saya ingin mengambil peluang untuk membangkitkan isu pemilikan lesen anjing di sesetengah PBT.

Saya dapati sesetengah PBT telah mengadakan cagaran ataupun mengadakan *fee* pemilikan lesen anjing yang terlalu tinggi. Antaranya telah menaikkan *fee* tersebut dari RM5 kepada RM50, terutamanya di luar bandar. Kita sedia maklum pemilikan anjing ataupun pemeliharaan anjing yang tadi sebut oleh Dato' Johari bukannya untuk kesayangan tetapi demi keselamatan diri, keluarga dan juga untuk tujuan memburu. Maka, mereka memerlukan anjing tersebut. *Fee* bernilai RM50 tersebut dicampur pula dengan proses RM10.60 dan juga *fee* untuk vaksin RM20, menjadikan jumlahnya sebanyak RM80.60.

Di kawasan luar bandar, di kampung-kampung, sesetengah rumah ataupun sesetengah penduduk yang mempunyai kebun mungkin memelihara empat ekor anjing. Kalau dikirakan empat ekor anjing digandakan dengan RM80.60, jumlahnya ialah RM320.40. Ini merupakan angka yang besar kepada mereka yang kurang berada. Maka, saya ingin memohon kepada kementerian supaya dapat berbincang dengan KPPT ataupun PBT untuk mengurangkan *fee* memiliki lesen anjing tersebut. Begitu juga dengan *fee* vaksin anjing. Selain itu, isu yang kedua ialah masalah suntikan vaksin. Kita sedia maklum pemilik, penduduk di luar bandar kebanyakannya sudah berumur kerana anak-anak mereka telah bekerja di kawasan bandar. Kalau dikehendaki mereka untuk prosedur, untuk membawa anjingnya ke pejabat veterinar untuk suntikan vaksin, itu merupakan satu kerja yang berat. Bayangkan kalau umur 65 hingga 75 untuk membawa empat ekor anjing ke pejabat veterinar, itu memang mereka tidak dapat lakukan kerja tersebut.

Maka, saya mohon menteri dan juga kementerian dapat memudahkan lagi proses tersebut. Supaya yang mana telah tadi saya bangkitkan, diadakan mungkin kereta ataupun van pejabat veterinar mudah alih untuk pergi ke kampung-kampung ataupun ke taman-taman untuk memberi perkhidmatan suntikan vaksin kepada anjing-anjing tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu hujah-hujah saya dan saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam.

### 3.26 ptg.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015 di Dewan yang mulia ini.

Pertama, saya ingin menyentuh soal fasal enam, mengandungi peruntukan mengenai keanggotaan Lembaga dan perkara yang berhubungan dengan keanggotaan Lembaga. Adakah keanggotaan Lembaga ini turut disertakan badan bukan kerajaan yang mempunyai kepentingan dan pengaruh dalam perihal hal ehwal haiwan? Kalau boleh, kita mahukan setiap kepakaran dan pihak yang berkepentingan untuk turut bersama dalam memberikan pandangan, idea dan kritis mereka ke arah yang lebih baik bagi menjaga kebajikan haiwan.

Tuan Yang di-Pertua, kebajikan haiwan semakin mendapat perhatian masyarakat Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa. Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) menerima pakai 11 standard kebajikan haiwan, lapan standard dalam kod kesihatan haiwan daratan dan tiga dalam kod kesihatan haiwan akuatik sebagai standard untuk dilaksanakan oleh keseluruhan negara anggota OIE. Kalau kita lihat kebajikan haiwan meliputi skop yang luas dalam aspek pemeliharaan, pengangkutan, penyembelihan, pembiakan dan juga pemusnahan haiwan. Ia juga merangkumi kesemua jenis haiwan untuk pelbagai kegunaan seperti ternakan, haiwan kesayangan, haiwan rekreasi, haiwan akuatik, hidupan liar dan juga haiwan yang digunakan untuk tujuan penyelidikan dan juga pengajaran. Menerusi rang undang-undang ini, saya percaya di Malaysia, isu kebajikan haiwan terutama kekejaman haiwan sering kali mendapat perhatian dan paparan media. Pengurusan aktiviti kebajikan haiwan melibatkan pelbagai pihak seperti jabatan kerajaan, kerajaan tempatan serta badan berkanun, juga badan bukan kerajaan serta institusi pengajian tinggi.

Kalau sebelum ini isu kebajikan haiwan ditangani secara *ad-hoc* dan pentadbiran, manakala yang berkaitan kezaliman dan penganiayaan haiwan melalui Akta Binatang 1953, semakan 2006, Akta 647 dan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]. Saya berharap Malaysia juga perlu menerapkan budaya penyayang dan prihatin terhadap kebajikan haiwan sama seperti negara maju yang lain menjelang tahun 2020. Kalau kita lihat fasal 13 iaitu bertujuan untuk memberi lembaga kuasa

menubuhkan jawatankuasa bagi membantunya, saya berharap setiap jawatankuasa yang dilaksanakan mempunyai fungsi yang efektif. Umpamanya, Lembaga Kebajikan Haiwan juga perlu menggariskan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh pemilik haiwan seperti keluasan sangkar untuk haiwan peliharaan dan sebagainya. Kita tidak mahu kelak haiwan-haiwan ini terseksi ataupun mendapat tekanan. Sejarah lalu membuktikan manusia kerap kali tidak mempedulikan kebajikan haiwan. Kalau hendak memelihara, kita kenalah buat cara kita hendak memelihara.

#### ■1530

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga perlu memastikan untuk mentadbir urus kebajikan haiwan kebangsaan ia perlu ada satu sistem yang cekap seperti mana fasal 13 yang saya sebutkan tadi, struktur organisasi jabatan dan agensi kerajaan perlulah kemas dan beroperasi baik.

Malahan saya mencadangkan supaya mewujudkan seksyen kebajikan haiwan dengan jawatan-jawatan baru. Ini termasuklah saya mencadangkan supaya seksyen atau unit veterinar dengan jawatan-jawatan baru di semua pihak berkuasa tempatan, agensi dan jabatan yang mengendalikan haiwan. Di samping itu perlu ada program latihan untuk meningkatkan keupayaan pengurusan kebajikan haiwan di semua jabatan dan juga agensi yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia, saya berani katakan terlalu banyak juga haiwan yang terbiar. Tadi telah disebut anjing dan kucing spesies haiwan yang terbanyak. Kalau sebelum ini PBT menggunakan kaedah tangkap dan bunuh. Ini satu yang kejam. Jadi saya sarankan kerajaan di bawah pindaan rang undang-undang fasal 29 menyatakan kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan penganiayaan terhadap haiwan dan juga aktiviti-aktiviti yang tidak dikira sebagai tindakan penganiayaan haiwan.

Fasal 30 mempunyai peruntukan bagi larangan penggunaan senjata api untuk membunuh anjing, kucing dan haiwan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri. Fasal ini juga menerapkan pembunuhan haiwan boleh dalam keadaan-keadaan tertentu. Fasal 31 mengandungi peruntukan bagi pemberian racun tanpa kebenaran yang sah atau sebab-sebab yang munasabah.

Maka dengan itu saya sokong beberapa pandangan tadi supaya kerajaan melaksanakan pendekatan tangkap, kembiri, lepas dan urus (TNRW) bagi membendung masalah haiwan terbiar. Kaedah tangkap dan bunuh yang dilaksanakan oleh PBT wajarlah dihentikan. Kaedah ini tidak berperikemanusiaan kerana petugas PBT menggunakan alat yang menyebabkan kecederaan selain gagal mengekang peningkatan jumlah haiwan terbiar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada anjing dan kucing yang banyak juga dalam bandar ataupun pinggir bandar seperti monyet. Di taman-taman *botanical* tetapi di Melaka di tempat rekreasi cukup banyak monyet. Jadi antara cara menghapuskan, kita terpaksa panggil juga kawan-kawan kita daripada Orang Asli untuk sumpit. Jadi kadang-kadang kesianlah juga monyet-monyet ini. Manakah hendak hantar? Dia beratus, kalau dibiarkan beribu.

Oleh sebab itu saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian mewujudkan sebuah taman monyet yang besarlah. Jadi monyet-monyet yang merebak dengan cepat ini dijadikan kawasan

pelancongan baru dan ini boleh menarik pelancong dan mendatangkan pendapatan. Jadi kepada monyet-monyet yang sudah besar itu, ditangkap dan dikembirikan supaya mereka tidak lagi beranak. Cara begini saya fikir lebih sesuai daripada kita tembak ataupun kita sumpit. Kadang-kadang itu dia jatuh dengan anak dia sekalilah. Saya tengok pun hibalah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun orang ramai masih membuang haiwan di pemeliharaan ini, apabila ia semakin bertambah sehingga tidak mampu menampung perbelanjaan makanan dan penjagaan, kebijakan haiwan ini tetap perlu dipelihara. Ia amatlah penting. Sudah tiba masanya isu kezaliman terhadap binatang dihentikan dengan melaksanakan beberapa pembaharuan bermula usaha mengawal jumlah haiwan terbiar seperti kucing dan anjing. Contoh terbaik, haiwan itu akan dibawa ke klinik kembiri untuk menjalani pembedahan kecil terhadap organ peranakan sebelum dilepaskan ke kawasan asal. Bagi kes monyet tadi, hendaklah dibina sebuah zoo ataupun taman monyet yang besar yang boleh mendatangkan pendapatan dan juga menceriakan orang ramai seperti yang saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apa kedudukan kebijakan haiwan dalam hutan-hutan belantara seperti gajah, orangutan, beruk belanda yang hidung merah dekat Kinabatangan dan juga badak sumbu, harimau dan sebagainya. Nampak kebijakan hidupan-hidupan liar ini juga semakin lemah oleh sebab banyak hutan yang telah dilupuskan ataupun ditebang. Dengan itu saya hendak tanya kepada kementerian, apakah usaha kerajaan untuk menjaga kebijakan hidupan-hidupan liar yang istimewa tadi? Berapakah bilangan yang tinggal? Berapakah kawasan-kawasan hutan belantara yang telah ditebang? Berapa banyakkah yang telah terhapus akibat penebangan hutan-hutan yang tanpa terkawal ini? Apa usaha-usaha supaya binatang seperti yang saya sebut iaitu gajah, harimau, monyet belanda, badak, orangutan dan sebagainya boleh dipastikan terus hidup dengan aman di negara kita Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya semasa menjadi Ketua Menteri pernah melaksanakan satu kerjasama penyelidikan dengan sebuah syarikat dari India bagi membangunkan makmal perubatan yang melakukan eksperimen terhadap haiwan seperti monyet bagi tujuan mencari vaksin bagi penyakit kanser. Sebuah pusat bioteknologi diwujudkan. Namun ketika itu, dapat terlalu banyak bantahan daripada aktivis haiwan Eropah yang berpusat di Paris. Saya hari-hari mendapat beratus-ratus *e-mail* tidak henti-henti. Mereka menghentamlah, saya menghentam kerajaan negeri, menghentam Kerajaan Persekutuan kerana membenarkan projek ini. Bertahun-tahun hingga projek ini tidak jadi kerana syarikat dari India itu telah menarik diri oleh sebab hentamannya terlalu kuat. Akan tetapi berbeza pula di Eropah.

Di Eropah kita lihat ada pertandingan *rodeo*, lawan lembu di *Sphinx*. Mereka tikam lembu itu berlari, tidak ada pula mereka mempertikaikan. Ini menganiaya binatang. Akan tetapi yang kajian kita buat tadi untuk kebaikan kemanusiaan, mereka bantah. Itu nampak ada bab tadi untuk penyelidikan tetapi bagaimana kerajaan kita hendak mempertahankan sehingga kita ada usaha-usaha untuk membuat vaksin baru untuk mengawal penyakit-penyakit seperti kanser yang memang sampai ke hari ini belum dapat lagi cari penawarnya yang berkesan. Mudah-mudahan dengan adanya kta kawalan kebijakan

haiwan ini, kita dapat menjaga kebajikan haiwan di samping dapat meningkatkan lagi mutu kemanusiaan kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan ini menyokong rang undang-undang yang di bentang. *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaaatu*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikum salam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya ucapan berbanyak-banyak terima kasih. Tanpa membuang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

### **15.39 ptg.**

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada 12 Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Saya di dalam menjawab perkara-perkara yang ditimbulkan ini, mungkin saya tidak pergi kepada satu persatu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap tetapi lebih saya tumpukan kepada isu yang dibangkitkan. Mungkin kalau ada perkara-perkara yang tertentu yang dibangkitkan yang tidak terdapat dalam jawapan, saya akan jawab mengikut Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan.

#### **■1540**

Sebelum saya memulakan, saya ingin memberikan penjelasan bahawa apabila kita perkenalkan rang undang-undang ini, kita perkenalkan kerana kita dapat bahawa Akta Binatang yang ada pada hari ini tidak memadai kerana Akta Binatang itu hanya memberi tumpuan kepada kezaliman terhadap haiwan dan hukuman yang dikenakan adalah terlalu rendah iaitu RM200 sahaja. Seperti kita tahu, tujuan undang-undang diperkenalkan, salah satunya adalah sebagai *deterrent* ataupun sebagai suatu yang boleh menyekat perlakuan kesalahan ataupun *offence* yang dilakukan oleh manusia.

Jadi tujuan akta ini adalah sebagai *deterrent*, sebagai mengehadkan daripada perlakuan kesalahan kerana kita menganggap penalti ataupun hukuman RM20,000 hingga RM100,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali itu merupakan satu penalti yang menakutkan, tinggi, berbanding dengan undang-undang yang ada pada hari ini.

Lebih-lebih lagi, seperti saya sebut tadi, undang-undang Akta Binatang hanya untuk kekejaman semata-mata sedangkan Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan ini lebih luas. Ia melibatkan tentang peraturan-peraturan penjagaan haiwan misalnya, peraturan-peraturan bagaimana kita nak mengangkut haiwan misalnya. Ini tidak ada di dalam Akta Binatang.

Sebagai contoh, tadi disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, di kedai-kedai peliharaan ataupun *pet shop*, sekarang ini tidak ada peraturan yang menentukan keluasan sangkar misalnya beberapa ekor yang boleh kita masukkan dalam sangkar tersebut, tidak ada. Sebab itu kadang-kadang kita lihat *pet shop*, dengan izin, memasukkan beberapa ekor kucing misalnya di dalam sebuah sangkar yang sempit. Ini juga merupakan satu tindakan yang dianggap kejam di bawah rang undang-undang ini.

Daripada segi *transportation*, pengangkutan. Kita lihat sekarang bagaimana lembu misalnya, tidak ada peraturan hendak letak, berapa ekor lembukah dalam satu lori pun? Apabila perjalanan contoh dari Kuala Lumpur sampai ke Kelantan memakan masa 10 jam, tidak ada peraturan yang menetapkan perlu berhenti, berehat, beri makan dan sebagainya, tidak ada. Tadi disebutkan tentang air di dalam lori yang kotor dan sebagainya, jatuh atas jalan raya dan sebagainya. Waktu ini tidak ada sebarang peraturan yang menentukan bagaimana lembu sebagai contoh, ditransportkan dengan izin, dari satu tempat ke satu tempat lain, berapa jamkah boleh kita bawa tanpa henti, apa makanan yang hendak diberi dan sebagainya.

Akan tetapi dalam rang undang-undang ini menumpukan semua, memberikan tumpuan kepada semua termasuk daripada segi diet, daripada segi bagaimana kita nak *transportkan* lembu, bagaimana kita nak letakkan dalam kurungan dan sebagainya. Jadi, ia luas. Sebab itulah kita memperkenalkan rang undang-undang ini tetapi tidak menggantikan Akta Binatang.

Ada Yang Berhormat tadi bangkitkan tentang Akta Binatang. Tidak, kita tidak membatalkan Akta Binatang tadi kerana daripada segi definisi, saya nak terangkan, termasuk definisi tadi, definisi haiwan dalam akta di bawah Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan ini adalah semua haiwan tetapi tidak termasuk haiwan-haiwan liar yang dikawal di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar ataupun *Wildlife Act*, itu tidak termasuk.

Tadi ada beberapa pandangan yang menyebut tentang gajah dan sebagainya. Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali pun sebut tentang badak, gajah dan sebagainya. Ada disebut tentang bagaimana binatang eksotik dijual dan sebagainya. Itu tidak termasuk di bawah rang undang-undang ini kerana ia di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar dan diletakkan kuasanya di bawah penguatkuasaan Jabatan PERHILITAN. Akta ini terhad kepada yang tidak termasuk hidupan liar tetapi Akta Binatang yang lepas, semua jenis binatang, bermakna termasuk penghidupan liar.

Jadi kita nakkekalkan Akta Binatang setakat ini kerana mungkin ada di antara binatang tersebut tidak termasuk di bawah kedua-dua akta ini, kedua-dua undang-undang ini. Tidak termasuk di bawah Akta Hidupan Liar dan tidak termasuk di bawah rang undang-undang ataupun undang-undang baru yang akan kita perkenalkan nanti.

Sebagai contoh, ular sawa. Ular sawa binatang liar, tentu sahaja terletak di bawah Jabatan PERHILITAN tetapi ada orang menjadikan ular sawa sebagai *pets*, sebagai contoh. Saya sendiri ada *boa python* di rumah, saya pelihara ular sawa itu tetapi ular sawa tidak di bawah Akta Hidupan Liar dan ular sawa juga tidak boleh terletak di bawah akta ataupun Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan. Jadi, grey. Maka apabila timbul *grey area* ini, maka ia akan boleh dikawal, boleh dikuatkuasakan di bawah Akta Binatang tadi. Sebab itu kita masih ingin mengekalkan Akta Binatang setakat ini tetapi mungkin selepas kita kaji dan sebagainya, kalau kita bercadang untuk batalkan, kita akan buat keputusan kemudian.

Jadi pertanyaan-pertanyaan daripada beberapa Ahli Yang Berhormat, misalnya ada pertindihan dan sebagainya, kita akan pinda Akta Binatang supaya dapat kita selaraskan dengan akta yang ada pada

hari ini iaitu Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan. Sebagai contoh, apabila kita tidak batalkan Akta Binatang, kesalahannya hanya RM200 dalam kekejaman terhadap haiwan sedangkan rang undang-undang baru ini menetapkan RM20,000 hingga RM100,000. Kita akan pinda Akta Binatang supaya menaikkan kadar daripada segi penalti daripada RM200 kepada RM20,000 hingga RM100,000. Jadi mana-mana ada fasal-fasal yang bertindan, kita akan ubah dan kita akan pinda supaya dapat kita selarikan dengan Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan ini.

Ada persoalan yang ditimbulkan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan dan beberapa lagi Ahli Yang Berhormat yang lain yang bertanya kenapa akta ini hanya dikuatkuasakan untuk Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan tetapi tidak Sabah dan Sarawak.

Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat semua bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan haiwan secara khususnya penganiayaan haiwan adalah di bawah senarai bersama di bawah Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan berdasarkan Perkara 79 Perlembagaan Persekutuan, penggubalan rang undang-undang ini boleh diadakan dengan rundingan bersama pihak berkuasa negeri.

Jadi dalam konteks ini, pihak berkuasa negeri Sabah dan Sarawak apabila dirundingi, masih tidak mahu menerima pakai undang-undang ini kerana bagi mereka, mereka sudah pun mempunyai undang-undang yang mencukupi bagi menjaga kepentingan kebajikan haiwan di Sabah dan Sarawak. Saya bagi contoh, di Sabah misalnya, mereka sudah ada tiga undang-undang yang berkaitan dengan haiwan iaitu *Animal Ordinance Sabah 1962*, *Dog Ordinance 1960* dan *Cruelty to Animals (Prevention) Ordinance [Chapter 31]*. Manakala Sarawak mempunyai undang-undang iaitu *Veterinary Public Health Ordinance 1999 [Chapter 32]*.

Jadi oleh itu, mereka menganggap bahawa mereka sudah pun mempunyai undang-undang yang mencukupi, jadi tidak perlu kepada rang undang-undang yang baru ini dan perkara ini dibolehkan kerana Perlembagaan membenarkan.

Walau bagaimanapun, untuk supaya apa yang kita lakukan ini boleh disebar luas kepada penguat kuasa undang-undang dalam menjaga kepentingan haiwan di Sabah dan Sarawak, kita memasukkan wakil dari Sabah dan Sarawak sebagai ahli anggota lembaga, sebagai anggota pada Lembaga Kebajikan Haiwan yang akan kita tubuhkan. Jadi kalau apa-apa perkara yang berbangkit yang mereka hendak serapkan ke peraturan mereka di Sabah, mereka masih boleh menggunakan peraturan itu.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Yang Berhormat.

■1550

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Cuma satu sahaja penjelasan, di Sabah ada ordinan dan sebagainya. Saya cuma hendak tahu sama ada daripada segi hukuman yang disebut di Akta Perlindungan Haiwan ini sama dengan peruntukan dalam ordinan itu daripada segi hukuman? Pasal itu

saya ini kalau di sini hukuman lebih berat dan ia lebih menggalakkan supaya kita tidak mendera haiwan, daripada segi hukuman.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya tidak dapat menjawab dengan tepat daripada segi ordinan di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, saya percaya hukuman yang ada di sini rang undang-undang baru ini lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kalau mereka mahu meningkatkan hukuman, mereka boleh membuat pindaan ordinan-ordinan mereka. Mereka tidak boleh guna pakai apa yang kita ada.

Seterusnya ramai juga yang membangkitkan mengenai anggota Lembaga, ramai yang membangkitkan kenapa anggota Lembaga hanya dikhaskan kepada pegawai-pegawai veterinar dan sebagainya yang ditetapkan? Kenapa tidak ada dimasukkan pihak NGO dan sebagainya. Kalau kita lihat fasal 6(2) Menteri boleh melantik. Saya boleh sebutkan fasal 6(2) yang mengatakan menteri bolehlah selepas berunding dengan Lembaga melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota Lembaga. Ini memberikan kuasa kepada Menteri untuk melantik sesiapa sahaja.

Memang kalau kita lihat setiap akta kerajaan ini biasanya akan ditetapkan mana-mana anggota lembaga yang terdiri daripada jabatan kerajaan dan selepas itu akan ada satu lagi fasal atau seksyen yang mengatakan bahawa menteri boleh melantik setengah akta menetapkan Menteri boleh melantik tidak lebih daripada empat orang atau enam orang. Akan tetapi di bawah rang undang-undang ini tidak dihadkan, menteri boleh melantik bila-bila masa yang difikirkan perlu. Jadi bermakna kalau ingin melantik NGO misalnya Menteri boleh melantik NGO untuk menganggotai Lembaga ini dan ingin saya berjaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa kita memang akan melantik di kalangan NGO.

Tadi ada dua Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan supaya dimasukkan wakil daripada JAKIM kerana melihat daripada segi peraturannya itu supaya bersesuaian dengan kehendak Islam dan sebagainya. Ya kita boleh melantik wakil JAKIM dan *inshaa-Allah* kita akan melantik wakil JAKIM berada dalam Lembaga ini.

Ramai yang membangkitkan mengenai lesen. Saya ingin jelaskan bahawa haiwan peliharaan yang dilesenkan adalah dijelaskan dengan begitu jelas di bawah Jadual dalam fasal 15. Jadi dalam Jadual dijelaskan apa jenis yang memerlukan lesen. Jadi ini bermakna ada yang bertanya tadi kalau pelihara haiwan di rumah dan sebagainya, adakah perlukan lesen? Jadi pemeliharaan haiwan di rumah dan sebagainya tidak di dalam 13 yang telah ditetapkan ini. Bermakna pemeliharaan haiwan di rumah tidak memerlukan lesen. Jadi kita bebas.

Kalau Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi contoh pelihara burung, peliharalah banyak mana pun kita tidak akan kenakan lesen dan sebagainya. Jadi lesen adalah tertakluk kepada Jadual dalam perkara ini.

Lembaga saya sudah jawab. Aktiviti penyembelihan juga dibangkitkan oleh ramai pihak. Ingin saya jelaskan bahawa aktiviti penyembelihan dibenarkan dan kita tidak akan ganggu penyembelihan

berdasarkan agama dan adat. Dalam rang undang-undang ini disebutkan tentang kebenaran untuk menyembelih binatang dan ia dibenarkan tetapi mesti mengikut norma yang ditetapkan.

Jadi bermakna kalau sembelihan itu katakanlah sembelihan lembu untuk hari raya korban di pihak kementerian telah pun menyediakan garis panduan bagaimana lembu itu perlu disembelih walaupun lembu itu seperti kata Dato' Boon Som tadi disembelih di merata-rata kampung dan sebagainya. Sebenarnya kita telah pun menetapkan garis panduan untuk penyembelihan lembu dan sebagainya malah pisau yang digunakan dan sebagainya juga kita tentukan untuk prosedur untuk penyembelihan dan sebagainya kita ada.

Jadi kita sebenarnya menyediakan pusat penyembelihan juga, kita ada pusat penyembelihan tetapi biasanya gotong-royong penyembelihan ini mereka tidak akan membawa ke pusat penyembelihan. Lagipun ada lembu-lembu yang diimport dari Australia misalnya. Ia mesti ikut peraturan yang ditentukan oleh Australia dan kita tengah berbincang dengan pihak JAKIM dan sebagainya untuk mendapatkan panduan. Misalnya lembu kalau dari Australia mereka mesti *stunt* dulu untuk pengsangan lembu.

Kita difahamkan oleh Jabatan Agama misalnya difahamkan bahawa lembu yang disembelih tidak boleh pengsan misalnya, ia mesti sedar dan sebagainya. Ini kalau pengsan, tidak sedar mungkin boleh dianggap sebagai tidak halal dimakan dan sebagainya. Jadi perkara-perkara ini yang kita perlu titik beratkan walaupun ada peraturan untuk mengurangkan kesakitan kepada binatang tetapi dalam Islam pun penggunaan pisau yang tajam dan sebagainya juga bertujuan untuk mengurangkan kesakitan kepada haiwan. Oleh sebab itulah kita telah menetapkan dalam rang undang-undang ini sembelihan yang mengikut agama tidak akan kita jadikan sebagai kesalahan di bawah akta ini.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat Menteri masuk ke tajuk lain, tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa boleh bela burung. Adakah ini tidak bercanggah dengan Akta PERHILITAN atau binatang liar? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Itu yang saya kata tadi ada yang *grey* dan tidak *grey* tadi. Katakan burung gagak misalnya, kita tidak pelihara burung gagak tetapi ia banyak di kawasan bandar. Ia tidak di dalam hutan dan mungkin kita menganggap dalam hutan sahaja merupakan binatang liar gagak dan kita boleh tembak gagak itu dan tidak salah di bawah akta ini walaupun gagak, saya percaya bukan di bawah akta ini tetapi menembak gagak untuk mengurangkan populasi dan sebagainya mungkin kita benarkan di bawah akta ini.

Jadi pemeliharaan burung pun ada burung-burung yang dianggap sebagai burung yang tidak di bawah akta atau burung yang di bawah Akta Penghidupan Liar. Jadi inilah perkara-perkara yang saya sebut daripada awal tadi ada beberapa perkara yang dianggap *grey*, tidak berada di mana-mana.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Satu lagi berkait dengan Akta Rumah Penyembelihan Penswastaan 1993 apabila telah dilesenkan di bawah akta ini, adakah perlu sekali lagi dilesenkan di bawah akta baru ini?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Tidak perlu Yang Berhormat. Apabila ada dua pertindihan lesen di bawah akta kementerian yang sama hanya perlukan lesen tetapi kalau akta di bawah yang dikeluarkan oleh PBT maka PBT berhak untuk mengeluarkan lesen tersebut. Sebagai contoh lesen pemeliharaan anjing. Bagi kita pemeliharaan anjing tidak perlukan lesen, saya sudah sebutkan tadi tetapi PBT memerlukan lesen untuk memelihara anjing. Maka PBT berkuasa daripada segi lesen tersebut.

Begitu juga dengan peraturan 'C' dan sebagainya, ada dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han tadi tentang *fee* terlalu tinggi dan sebagainya daripada RM5 jadi RM50 dan sebagainya. Itu bukan di bawah kawalan kementerian tetapi terletak di bawah kuasa PBT.

Saya bersetuju dengan pandangan ramai pihak yang mengatakan bahawa undang-undang semata-mata saya mencukupi tetapi yang lebih penting adalah daripada segi pendidikan. Saya bersetuju dan memang di bawah fungsi Lembaga salah satu fungsi Lembaga itu dengan jelas menyebut bahawa ia untuk memberikan pendidikan kepada masyarakat.

#### ■1600

Misalnya Fasal 4(1)(d), jelas menunjukkan untuk memberikan pendidikan kepada masyarakat. Fasal 4(1)(e) adalah bertujuan untuk mempromosikan kebajikan haiwan melalui kempen-kempen seperti ceramah, mengedar-edarkan *brochures* dan sebagainya. Jadi memang bagi kita selain daripada hukuman yang berat yang perlu ditakuti, pendidikan juga akan kita utamakan. Oleh sebab itu kita perjelaskan dalam rang undang-undang ini.

Cadangan untuk menjadikan penjagaan haiwan dan sebagainya, kecintaan kepada haiwan ini sebagai salah satu subjek pendidikan, Kementerian Pendidikan. *Inshaa-Allah* kita akan bincang dengan Kementerian Pendidikan. Ini perkara ini melibatkan kementerian lain, jadi kita akan bincangkan. Walau bagaimanapun, untuk makluman semua, wakil daripada pendidikan akan berada di dalam anggota ataupun dalam Lembaga Pengarah, Ahli Lembaga Kebajikan Haiwan ini. Ada wakil daripada pendidikan, malah ada daripada pihak universiti pun akan berada dalam Lembaga ini. Jadi isu pendidikan, mungkin kita akan bincangkan dalam Lembaga ini.

Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan bertanya sama ada adakah pelan strategik ini sudah dilaksanakan. Yang Berhormat, untuk makluman, memang pelan strategik ini sedang dilaksanakan dan pembentangan rang undang-undang ini merupakan salah satu daripada pelan strategik yang telah kita rancangkan sehingga tahun 2020.

Saya sudah sebutkan tadi tentang pelesenan binatang dan sebagainya, jadi menjawab Tuan Zali Mat Yasin.

Kes kezaliman yang memuat turun gambar, *upload* di dalam- kes kezaliman terhadap haiwan yang *diupload* di dalam media sosial, di dalam YouTube dan sebagainya. Itu bukan di bawah rang undang-undang ini, tidak termasuk di bawah akta ini. Untuk media sosial ini lebih kepada peraturan dan undang-undang di bawah SKMM. Jadi, SKMM perlu bertanggungjawab.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah tadi saya sudah sebutkan. Tafsiran haiwan pun saya sudah sebutkan, semua haiwan termasuk ternakan. Keanggotaan pun saya sudah sebutkan.

Pembunuhan haiwan seksyen 30 telah pun saya sebutkan. Akta Rumah Penyembelihan saya sudah sebut. Perbezaan antara Akta Binatang dan rang undang-undang ini saya sudah menjawab. Di bawah Yang Berhormat Datuk Kadzim pun sebut tentang kawalan tikus, gagak dan sebagainya saya sudah sebutkan. Kita oleh sebab hendak mengawal populasi, kita membenarkan pembunuhan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Boon membangkitkan tentang peraturan tadi, saya sudah sebutkan. Kita memang ada peraturan penyembelihan, okey. Pengangkutan haiwan. Yang Berhormat Dato' Boon menyebut, memang saya sudah sebutkan bahawa kita akan meletakkan peraturan. Semua peraturan akan dibuat di bawah fasal 62(2)(f) yang menyebutkan Menteri akan berkuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang melibatkan segala-galanya, termasuklah pengangkutan dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi ada bangkitkan mengenai latihan, mengenai kadang-kadang pegawai kita pun melakukan tindakan kejam terhadap haiwan sewaktu mereka menangkap haiwan-haiwan. Yang Berhormat, dalam rang undang-undang ini, penyeeksaan terhadap binatang, ia meliputi segala-gala, semua pihak. Oleh sebab itu awal-awal disebut, "*mana-mana orang*". Dalam rang undang-undang ini disebut "*mana-mana orang*"- "*mana-mana orang*" itu sesiapa sahaja, termasuk pegawai-pegawai daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang terlibat daripada segi menjaga dan juga menangkap ataupun yang mengawal haiwan dan sebagainya. Mereka tidak akan terlepas walaupun mereka di bawah kementerian ini. Walau bagaimanapun, seperti saya suka hendak maklumkan bahawa memang kita menyediakan latihan kepada pegawai-pegawai kita daripada segi cara, prosedur penangkapan dan sebagainya supaya tidak ada kekejaman dan sebagainya.

Disebutkan tentang kekejaman yang dilakukan oleh pihak PBT di dalam menjaga, mengawal haiwan. Ramai yang mengambil *shortcut* tadi ada disebut bayar RM10, siapa tembak anjing bayar RM10. Perkara ini salah di bawah akta ini. Kita akan menentukan peraturan-peraturan yang lebih jelas daripada segi prosedur penangkapan, pemeliharaan selepas tangkapan dan sebagainya. Kalau didapati berpenyakit untuk merebak, membahayakan, kita pegawai veterinar yang boleh memberikan kebenaran untuk membunuh ataupun melupuskan haiwan yang membahayakan. Jika tidak, PBT juga saya sudah jelaskan, saya rasa keluar dalam media, PBT selepas akta ini kalau mereka menembak haiwan tanpa sebab kesihatan dan sebagainya, mereka juga boleh diambil tindakan dan didenda sehingga RM100,000 dan sebagainya. Kita tidak akan benarkan pembunuhan sewenang-wenang berlaku.

Pusat kuarantin di KLIA Yang Berhormat, kita akan ambil berat perkara ini dan kita akan *check* daripada segi pusat kuarantin yang dikatakan oleh Yang Berhormat merupakan penjara kepada haiwan-haiwan ini. Yang Berhormat, seperti Yang Berhormat, saya juga pencinta haiwan. Saya sendiri ada 15 ekor kucing di rumah, 4 ekor kucing itu saya punya personel. Jadi, kadang-kadang kucing pun tidur sama saya. Waktu saya kurang sihat Yang Berhormat, kucing tidur dalam *master bedroom*, saya tidur dalam bilik lain [*Ketawa*].

Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi juga tentang pendaftaran kucing. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, memang kita hari ini telah pun memperkenalkan pasport, *pet passport* untuk pendaftaran kucing dengan cip sekali. Pada ketika ini, pendaftaran kucing dengan cip ini untuk kucing

sudah terdapat 4,915, manakala anjing 2,754. Akan tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat, daripada segi informasi itu masih kurang lagi dan daripada segi kesedaran untuk mendaftar itu masih lagi kurang. *Inshaa-Allah* kita akan banyakkan kempen supaya lebih ramai pemilik kucing atau anjing berdaftar dengan kita dan kita masukkan cip bagi menjaga kepentingan anjing-anjing dan kucing-kucing itu.

Cara tangkapan haiwan, saya sudah sebut Yang Berhormat Puan Siti Aishah. Pengangkutan pun sudah sebut. Yang Berhormat Puan Siti juga, wujud peraturan mengenai jualan haiwan kesayangan. Memang kita akan tetapkan peraturan tersebut. Untuk doktor haiwan, doktor veterinar, kini ada dua buah universiti yang mengeluarkan doktor veterinar iaitu lebih kurang 100 orang setahun iaitu UPM dan UMK. Memang benar daripada segi nisbahnya begitu tinggi, kita akui dan setakat ini hanya dua buah universiti sahaja yang mengeluarkan. Ini melibatkan kementerian lain iaitu Kementerian Pendidikan.

#### ■1610

Klinik haiwan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita tidak mengawal fi ataupun kos setiap kali kita membawa haiwan kita untuk dirawat di klinik-klinik swasta. Kita tidak kawal. Walau bagaimanapun, setiap daerah mempunyai pejabat veterinar yang boleh memberikan perkhidmatan veterinar yang asas. Bermakna pejabat veterinar di daerah-daerah boleh kalau hendak memberi servis perkhidmatan kepada haiwan-haiwan jika dibawa ke pejabat-pejabat tersebut.

Daripada segi *hotline* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah memang kita sekarang ini mempunyai *hotline* boleh membuat aduan, SMS kepada nombor 15888. Boleh, sekarang sudah ada. Untuk melantik NGO saya sudah jawab tadi. Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas tentang latihan kepada pegawai dan sebagainya saya sudah sebutkan memang kita akan memberikan latihan dan secara berterusan kepada pegawai-pegawai kita supaya lebih profesional di dalam menjalankan tugas.

Mengkasi ini walaupun ada disebutkan tadi yang salah daripada segi agama dan sebagainya, kita akan berbincang dengan pihak JAKIM apabila kita masukkan pihak JAKIM dalam lembaga kita. Akan tetapi daripada segi pandangan veterinar, mengkasi ini tidak boleh dianggap sebagai penyeksaan kerana mengkasi hanya boleh dilakukan oleh pegawai ataupun doktor veterinar yang bertauliah sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah klinik haiwan di seluruh negara sebanyak 365.

Yang Berhormat Dato' Dr. Johari sebutkan tentang mungkin ada persepsi negatif tentang anjing sehingga polis yang bertugas di PDRM yang bersama dengan anjing itu biasanya kesemuanya orang Islam. Perkara ini sebenarnya di luar pengambilan pekerja atau polis dengan anjing ini bukan di bawah kementerian kita. Jadi kita tidak ada kuasa daripada segi itu.

Mengubah fizikal haiwan ini pun salah, kita akan menetapkan peraturan. Sebenarnya di bawah penyeksaan haiwan pun kalau tindakan kita itu menyakitkan haiwan tersebut ia boleh dianggapkan satu kesalahan di bawah rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Tuan Koh Chin Han membangkitkan mengenai klinik bergerak veterinar. Pihak kementerian ingin memaklumkan bahawa setakat hari ini kita sudah ada di Selangor dan kita sebenarnya menyambut baik cadangan tersebut. *Inshaa-Allah*, kalau kita mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi, kita akan memperluaskan klinik veterinar bergerak ini. Ini kerana kita tahu tidak ramai yang

mampu untuk membawa haiwan mereka di bandar-bandar terutamanya di luar bandar yang jauh yang mempunyai masalah pengangkutan dan sebagainya. Kita akan memperbanyakkan. Maklumat Yang Berhormat Koh mohon untuk mendapatkan maklumat mengenai anjing. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, seperti saya sebut lesen anjing di bawah PBT, jadi maklumat itu berada kepada PBT.

Kembiri, saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat kerana menyokong kembiri ini untuk menyekat populasi dan sebagainya.

Saya kira itu sahajalah Yang Berhormat yang boleh saya jawab. Kalau ada apa-apa lagi yang saya tidak jawab Yang Berhormat Tan Sri Ali pun saya jawab tadi, saya jawab lebih awal lagi Yang Berhormat Tan Sri walaupun dia *last sekali*. Saya sudah jawab tadi gajah dan sebagainya keanggotaan, latihan dan monyet *last sekali*, monyet. Itu kita menjaga monyet itu tidak terletak di bawah kementerian saya Yang Berhormat, ia terletak di bawah Kementerian Alam Sekitar. Jadi cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan pusat ataupun zoo monyet itu *inshaa-Allah* boleh kita bawa kepada perhatian Kementerian Alam Sekitar.

Jadi sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, mana-mana yang saya terlepas pandang ataupun tidak terjawab hari ini, *inshaa-Allah* beritahu, kita akan jawab. Saya akan *check* balik *Hansard* saya, dan kita akan jawab secara bertulis.

Terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas segala jawapan yang diberikan tadi. Saya rasa semua soalan sudah pun terjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 64 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG BEKALAN ELEKTRIK (PINDAAN) 2015**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.09 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) adalah bertujuan antara lain untuk memastikan industri pembekalan elektrik di Malaysia dikawal selia dengan baik, membekalkan elektrik pada harga yang munasabah, keselamatan para pengguna dilindungi dan penggunaan elektrik dengan cekap.

Pada tahun 2001, Akta 447 telah dipinda selaras dengan penubuhan Suruhanjaya Tenaga selaku badan kawal selia industri pembekalan elektrik yang juga ditubuhkan pada tahun yang sama.

**■1610**

Namun begitu pindaan yang dibuat pada ketika itu tidak banyak menyentuh isu-isu pembekalan elektrik semasa. Justeru itu, memandangkan Akta 447 telah berkuat kuasa melebihi 20 tahun semenjak ia diwartakan pada tahun 1990, maka Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah mencadangkan satu Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 yang membuat penambahbaikan kepada Akta 447 sedia ada bagi memastikan ia kekal relevan dengan industri pembekalan elektrik terkini dan sesuai dengan perkembangan industri dan teknologi semasa.

Pindaan Akta 447 adalah selaras dengan Program Transformasi Industri Bekalan Elektrik pada tahun 2010. MyPOWER Corporation telah ditubuhkan untuk mengkaji dan menyelaraskan pelaksanaan susulan inisiatif tersebut secara bersepada untuk menambah baik rangka kerja industri daripada aspek polisi, tadbir urus, tarif bahan api dan struktur industri. Antara inisiatif tersebut pengasingan aktiviti *single buyer* dan sistem operator dan aktiviti utiliti, pembangunan rangka kerja ekonomi *dispatch*, penggubalan mekanisme kawal selia tarif yang efisien, pembangunan kapasiti penjanaan baru yang berdaya saing, rundingan semula perjanjian pembelian tenaga, penggubalan dasar sekuriti bahan api, penyelarasan peranan agensi tenaga, penyediaan rangka kerja perakaunan utiliti mengikut aktiviti dan pembangunan mekanisme penstabilan tarif.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 adalah bagi membolehkan rangka kerja transformasi industri bekalan elektrik negara yang telah dilaksanakan secara pentadbiran sehingga kini dapat diperkuuhkan perundangan melalui penyediaan kerangka yang kukuh

dan holistik. Rang undang-undang ini juga akan memastikan Akta 447 merupakan akta ibu kepada industri bekalan elektrik kekal relevan, seiring dengan perkembangan ekonomi dan teknologi semasa.

Rang undang-undang pindaan ini juga melibatkan penambahbaikan dari beberapa aspek. Ini termasuklah:

- (i) industri bekalan elektrik menjadi lebih telus, saksama dan berdaya maju;
- (ii) memastikan keselamatan infrastruktur bekalan dan pihak-pihak yang bertanggungjawab ke atas pemasangan, bertanggungjawab atas keselamatan elektrik, mempunyai program pengurusan keselamatan;
- (iii) kepentingan para pengguna dilindungi melalui standard prestasi pemegang lesen;
- (iv) membolehkan teknologi terkini untuk pemeteran seperti meter prabayar, infrastruktur tele pemeteran diguna pakai dalam industri pembekalan elektrik dan infrastruktur bekalan elektrik digunakan juga untuk tujuan komunikasi jalur lebar (*broadband*) selaras dengan perkembangan teknologi terkini; dan
- (v) meningkatkan pematuhan melalui hukuman lebih berat serta membolehkan Suruhanjaya Tenaga menyelesaikan pertikaian dengan lebih cekap dan berkesan melalui skop kuasa penyelesaian yang lebih luas.

Penambahbaikan yang dibuat ke atas pindaan Akta 447 juga adalah untuk membolehkan pelaksanaan perkara-perkara berikut:

- (i) pengenalan *ring fencing* bagi memisahkan aktiviti *single buyer* dan operasi *National Load Dispatch Center (NLDC)* bagi meningkatkan ketelusan operasi;
- (ii) pengenalan mekanisme *fuel cost pass through* dalam penetapan tarif elektrik bagi mengurangkan risiko dan beban kewangan kepada utiliti yang disebabkan oleh perubahan harga bahan api di pasaran;
- (iii) penetapan prinsip *Economic Dispatch* dari loji-loji jana kuasa yang mengambil kira impak kepada negara;
- (iv) pelaksanaan rundingan semula terma-terma *Power Purchase Agreement* dengan IPP generasi pertama bertujuan mendapatkan pengurangan kadar bayaran *Capacity Rate Financial*, dan
- (v) pemastian supaya langkah-langkah yang disarankan dilaksanakan secara holistik supaya matlamat penyusunan semula industri bekalan elektrik dapat dicapai.

Secara ringkasnya Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 ini melibatkan pindaan peruntukan sedia ada dan juga cadangan pindaan baru antara lainnya termasuklah:

- (i) seksyen 2 - Takrif. Tujuan pindaan ke atas semua takrif sedia ada bagi memberikan penjelasan lebih terperinci ke atas semua perkara. Misalnya dengan memasukkan selepas takrif, pegawai diberi kuasa takrif pembeli tunggal atau *single buyer* seperti berikut:

- (a) pembeli tunggal ertiya mana-mana orang atau sesuatu unit, jabatan atau bahagian yang membentuk sebahagian daripada pemegang lesen yang diberi kuasa di bawah subseksyen 22B(1), bertanggungjawab bagi pengurusan pemerolehan elektrik dan perkhidmatan yang berkaitan termasuklah perancangan, penjadualan, pemerolehan dan penyelesaian dan apa-apa fungsi dan sebagaimana yang ditetapkan;
- (b) seksyen 9(1) – lesen dikehendaki bagi penggunaan pemasangan terma syarat dan kandungan lesen. Mengekalkan seksyen 9(1), Akta Bekalan Elektrik 1990 yang asal dengan pindaan iaitu dengan memberi kuasa kepada Menteri menetapkan peraturan apa-apa terma dan syarat lesen pindaan baru seksyen 9(1) adalah seperti berikut:
  - (i) tertakluk kepada apa-apa pengecualian yang diberikan di bawah akta ini, tiada seorang pun selain daripada pihak berkuasa bekalan boleh:
    - (a) menggunakan, mengerjakan atau mengendalikan atau membenarkan diguna, dikerja atau dikendalikan apa-apa pemasangan; atau
    - (b) membekalkan elektrik daripada mana-mana pemasangan kepada atau bagi kegunaan mana-mana orang lain, kecuali di bawah dan mengikut terma dan syarat-syarat sesuatu lesen sebagaimana yang ditetapkan bagi membenarkan dengan nyata pembekalan atau penggunaan itu mengikut mana-mana yang berkenaan.
  - (ii) seksyen 9A hingga 9E, obligasi untuk mengemukakan pelan perniagaan, kehendak pelesenan, standard prestasi pembekalan dan perkhidmatan oleh pemegang lesen, akaun tahunan sepatutnya oleh pemegang lesen dan perkiraan bagi perolehan elektrik.
  - (iii) seksyen baru 9D adalah dicadangkan seperti berikut iaitu:
    - (a) akaun tahunan yang sepatutnya oleh pemegang lesen. Pemegang lesen hendaklah menyimpan dan menyelenggara akaun aktiviti tahunan yang sepatutnya di bawah lesen yang mengandungi butir-

- butir yang mencukupi sebagaimana yang dikehendaki mengikut apa-apa hasil, kos, aset, liabiliti, rizab atau apa-apa perkara yang berkaitan.
- (b) akaun itu hendaklah juga mengikut apa-apa garis panduan atau arahan sebagaimana yang dikeluarkan oleh suruhanjaya dari semasa ke semasa kepada pemegang lesen dan akaun itu hendaklah dikemukakan kepada suruhanjaya dengan sewajarnya.
- (iv) subseksyen 26, kuasa untuk menetapkan tarif dan caj. Tujuan pindaan ini adalah supaya suatu kadar caj elektrik yang terhasil melalui kaedah-kaedah yang ditetapkan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga boleh diambil kira sebagai suatu caj yang dikenakan kepada pelanggan. Tarif dan caj yang diluluskan di bawah subseksyen (1) boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada suatu kadar atau kuantum bayaran caj atau levi bagi apa-apa jumlah yang menurut mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;
- (v) seksyen 30 - penentuan pertikaian. Pindaan ini bertujuan untuk memastikan seksyen 9E bagi membolehkan apa-apa pertikaian berhubung pembelian elektrik yang tidak dapat diselesaikan sendiri oleh pihak berkaitan dirujuk kepada Suruhanjaya Tenaga sekiranya difikirkan wajar untuk tujuan penyelesaian. Pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:
- (a) sesuatu pertikaian antara dua orang atau lebih berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah seksyen 9E, 17, 24 sehingga 29 dan 32 hendaklah terlebih dahulu cuba diselesaikan melalui perundangan antara pihak-pihak kepada pertikaian itu;
- (b) jika pihak-pihak kepada pertikaian itu tidak dapat atau selainnya tidak mencapai satu persetujuan untuk menyelesaikan pertikaian itu, pihak-pihak itu bolehlah mencari penyelesaian pertikaian itu melalui satu Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh suruhanjaya atau mendengar dan menyelesaikan pertikaian dengan syarat bahawa dalam hal yang difikirkan patut oleh suruhanjaya, pertikaian ini boleh ditentukan melalui timbang tara di bawah seksyen 36.
- (vi) seksyen 32 - caj bagi bekalan elektrik hendaklah ditentukan melalui meter yang sesuai. Seksyen ini dipinda bagi melindungi para pengguna dengan menambah baik peruntukan menggunakan pemeteran bekalan elektrik oleh pemegang lesen dan juga untuk membenarkan penggunaan meter prabayar, infrastruktur pemeteran dan telepemeteran dan juga meter dipasang, ditentu ukur, diuji,

- ditentu sahkan dan diselenggarakan mengikut mana-mana peraturan, kod atau garis panduan yang boleh atau dikeluarkan di bawah akta ini;
- (vii) Bahagian VIIA, seksyen 33B, 33E dan 33F. Pindaan ini ialah untuk menambah baik keselamatan pemasangan dan kelengkapan untuk membolehkan suruhanjaya memastikan dengan lebih baik pematuhan yang lebih ketat kepada kehendak keselamatan oleh pemegang lesen. Pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik, pemegang lesen bagi jualan, pemegang lesen bagi pemasangan persendirian dan orang yang tertakluk kepada akta;

**■1630**

- (viii) seksyen baru ini adalah untuk membolehkan sumbangan oleh pemegang lesen dan juga penubuhan Kumpulan Wang Industri Bekalan Elektrik dan memberi suruhanjaya kuasa untuk mengurus, mengendali dan membelanjakan dana tersebut. Kumpulan wang tersebut adalah untuk menangani isu-isu tarif dan isu-isu lain timbul dari semasa ke semasa;
- (ix) pengauditan pemegang lesen, pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik. Di bawah pindaan ini, pihak pemegang lesen, pemilik dan operator pemasangan elektrik bukan domestik boleh diaudit oleh Suruhanjaya Tenaga pada bila-bila masa atau dikehendaki untuk melantik pihak audit luar, di mana kosnya adalah di bawah tanggungan pemegang lesen pemilik operator pemasangan sendiri bagi tujuan audit pematuhan di atas semua kod dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga di bawah Akta 447; Pindaan baru yang dicadangkan adalah seperti berikut; Suruhanjaya boleh menjalankan audit pada bila-bila masa atau pada apa-apa lat tempoh sebagaimana yang ditentukan olehnya menghendaki seseorang pemegang lesen atau pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik untuk melantik dengan kos yang ditanggung sendiri oleh seorang pakar bebas untuk mengaudit apa-apa perkara di bawah bahagian IV dan keselamatan pemasangan dan kelengkapan di bawah bahagian VIIA akta ini atau apa-apa maklumat yang diberi kepada pemegang lesen untuk pemunyanya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik kepada Suruhanjaya; dan
- (x) seksyen 53 - kuasa untuk membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen ini, pindaan telah dibuat untuk memperluaskan skop kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah akta termasuk perkara-perkara di bawah pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 ini dibuat setelah mengambil kira pandangan pihak industri dan *stakeholders* berkaitan, termasuklah TNB dan pihak kesatuannya. Pindaan tersebut adalah dilihat amat bertepatan, khususnya bagi memastikan Akta Bekalan Elektrik 1990, Akta 447 kekal relevan dan meningkatkan daya saing

negara. Terutama bagi industri pembekalan elektrik serta bagi memastikan kepentingan rakyat sentiasa dilindungi.

Pindaan Akta 447 juga diharapkan dapat memberi gambaran ketelusan dan kecekapan proses pembekalan elektrik negara secara keseluruhannya yang secara tidak langsung juga akan dapat meningkatkan keyakinan para pelabur, khususnya dalam industri tenaga negara. Dalam hal ini kedudukan pihak utiliti tunggal iaitu TNB yang terlibat dalam pembekalan elektrik di Semenanjung juga telah terbukti sebagai syarikat utiliti terunggul di Malaysia yang telah tersenarai daripada 2,000 buah syarikat terbesar di dunia dalam *Forbes Global 2000* iaitu pada kedudukan 408 pada tahun 2015, naik sebanyak 167 tangga daripada kedudukan ke-575 pada tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah di hadapan Majlis rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bekalan Elektrik 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sebelum saya membuka ruang untuk Yang Berhormat berbahas, saya akan bagi kurang lebih 20 minit bagi setiap orang Yang Berhormat yang telah menghantar nama untuk membahaskan rang undang-undang ini. Tanpa membuang masa, saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Silakan Yang Berhormat.

#### 4.34 ptg.

**Datuk Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk membahaskan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik 2015. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Kementerian Tenaga kerana menginitiatekan satu rang undang-undang yang begitu sesuai dan relevan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat penumpuan kepada aspek kesalahan dan penalti itu bertujuan memperkemaskan tadbir urus bekalan elektrik di negara ini. Antaranya denda sehingga RM1 juta menanti pengguna yang didapati bersalah mencuri atau mengganggu meter elektrik. Tujuannya memperkemaskan tadbir urus bekalan elektrik di negara ini dan pindaan kepada seksyen 37(3) bertujuan peruntukan penalti lebih berat iaitu sehingga RM1 juta dan penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya bagi pengguna bukan domestik yang didapati bersalah melakukan kesalahan itu. Manakala pengguna domestik yang disabitkan kesalahan sama berdepan tindakan denda sehingga RM50,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan berulang Tuan Yang di-Pertua, denda sehingga RM5 juta atau penjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya dicadangkan dikenakan kepada pengguna bukan domestik. Manakala denda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya dicadangkan bagi pengguna domestik. Sebelum ini, mana-mana orang yang melakukan kesalahan itu dikenakan denda

tidak lebih RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Rang undang-undang itu turut mencadangkan penalti sehingga RM1 juta dan pemenjaraan sehingga 10 tahun dikenakan terhadap mana-mana orang yang mengganggu atau melaraskan apa-apa pemasangan elektrik sehingga menyebabkan bahaya kepada nyawa manusia atau kerosakan kepada harta benda.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, pada pindaan seksyen 37 turut menyentuh kesalahan melekat poster, iklan atau notis tanpa izin sehingga mencacatkan apa-apa bangunan, tiang atau kelengkapan lain pemasangan awam boleh dikenakan denda RM25,000 berbanding RM1,000 sebelum ini.

Di bawah fasal 10 pula Tuan Yang di-Pertua, pindaan dibuat bagi memasukkan seksyen baharu 9A, 9B, 9C, 9D dan 9E untuk menghendaki pemasang lesen pembekalan elektrik mengemukakan pelan perniagaan bagi tadbir urus dan pengawalseliaan yang lebih baik.

Fasal 16 pula bertujuan memasukkan kesalahan baharu di bawah subseksyen baharu 24(6) bagi memastikan pemegang lesen menunaikan obligasi statutorinya untuk memberikan bekalan elektrik atau menjalankan kuasanya dengan sah untuk memotong bekalan elektrik tanpa halangan atau gangguan.

Manakala fasal 30 bertujuan meminda seksyen 38 berkenaan pemotongan bekalan kepada pengguna yang menekankan pemotongan hanya boleh dibuat sekiranya ada bukti kukuh berkenaan kes kecurian elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa perkara ini, beberapa persoalan saya hendak tujukan kepada kementerian. Saya ada mendapat aduan bagi pengguna persendirian yang bil tertunggaknya kecil tetapi dipotong bekalan jika gagal melunaskan bil dalam tempoh tiga bulan berturut-turut. Akan tetapi si pengadu memberitahu saya, bil industri seperti kilang dan premis perniagaan tetap mendapat bekalan walaupun bil tertunggaknya tinggi. Benarkah senario ini? Bagaimanakah kementerian dan TNB menangani kes kecurian elektrik? Apakah peruntukan perundangan yang ada?

Saya difahamkan kerajaan terpaksa menanggung berjuta-juta ringgit setakat setahun ekoran kes ini. Apakah prosedur standard operasi (SOP) untuk menyelaraskan dan melicinkan pembasmian perbuatan gangguan meter? Mohon diberikan cadangan-cadangan. Apakah faktor penyumbang utama kenaikan tarif elektrik hari ini? Mohon juga faktor yang mempengaruhinya.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 2 dengan memasukkan selepas takrif ‘pegawai diberi kuasa’ takrif yang berikut mengikut (L). ‘Pembeli tunggal’, ertiannya mana-mana orang yang sesuatu unit, jabatan atau bahagian yang membentuk sebahagian daripada pemegang lesen yang diberi kuasa di bawah subseksyen 22B(1) bertanggungjawab bagi bekalan elektrik, pindaan lima pengurusan pemerolehan elektrik dan perkhidmatan yang berkaitan yang termasuklah perancangan, penjadualan, pemerolehan dan penyelesaian dan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang ditetapkan. Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri berkaitan isu ini.

#### ■1640

Mengenai dengan isu-isu lain Tuan Yang di-Pertua, iaitu projek penjanaan baru. Berapa jumlah projek penjanaan baru yang telah dianugerahkan bagi tempoh tahun 2015 hingga tahun 2024 serta jumlah kos yang terlibat. Ini bagi memenuhi pertumbuhan permintaan puncak masa depan yang

diunjurkan pada purata 2.7% sehingga tahun 2024. Bagaimanakah pula pecahan mengikut kapasiti? Berapa kapasiti gas, arang batu dan hidro elektrik?

Mengenai isu pengambilalihan projek 3B, saya ada terbaca laporan bahawa keuntungan bakal diperoleh selepas pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri bahawa Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan muncul alih 70% ekuiti milik syarikat pelaburan kerajaan 1MDB di dalam loji jana kuasa arang batu yang dikenali sebagai Projek 3B. Adakah ia melalui proses bidaan terbuka atau *direct negotiation*. Jika *direct negotiation* mengapa sedemikian.

Isu berkenaan di Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sabah dan Sarawak sering berlaku kekerapan gangguan bekalan elektrik. Jadi masih banyak kawasan yang dicatu dengan bekalan elektrik, bila Sabah dan Sarawak boleh mendapat bekalan 24 jam tanpa catuan, tanpa menggunakan generator?

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som.

#### 4.41 ptg

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Akta Bekalan Elektrik. Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik langkah untuk meminda Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] yang bertujuan antara lain untuk memastikan industri pembekalan elektrik di Malaysia dikawal selia dengan baik, membekalkan elektrik pada harga yang munasabah, melindungi keselamatan para pengguna serta memastikan penggunaan elektrik dengan cekap.

Menyebut tentang hasrat untuk memastikan industri bekalan elektrik dikawal selia dengan baik, saya teringat bahawa kita pernah mengalami kejadian terputus bekalan elektrik di seluruh negara pada 13 Januari 2005 membabitkan hampir 6.5 juta isi rumah. Itu pun kejadian yang pertama. Kemudian pada 4 Februari 2008 pula, kawasan tengah dan selatan negara bergelap, berlaku gangguan dalam sistem talian di stesen kuasa Pelabuhan Klang yang menyebabkan ketika itu.

Sebelum itu pada 13 Ogos 1996, seluruh negara pernah bergelap selama 12 jam. Segala urusan terhenti. Ini satu malapetaka kerana tanpa elektrik ibarat tanpa nyawa untuk menggerakkan operasi. Kejadian itu disebabkan kerosakan pada pusat jana kuasa di Paka, Terengganu. Akibat tekanan emosi yang diterima kerana bekalan elektrik terputus itu, banyak kenyataan yang seolah-olah hilang kewarasannya terkeluar. Semua ini di luar kawalan apabila 12 jam nadi kehidupan terhenti, pelanggan panik dan rimas, aktiviti komersial lumpuh. Saya teringat lagi bekas Pengurus Eksekutif Tenaga Nasional Berhad ketika itu, Tan Sri Datuk Ani Arope menjadi sasaran menjadi sasaran kritikan bagi negara maju seperti Malaysia yang bergantung kepada tenaga elektrik, terputus bekalan tragedi yang memberi kesan kepada segenap

lapisan masyarakat, tidak mengira darjat, suri rumah, penumpang bas, pengguna lif hingga kepada para pengilang yang kerugian berjuta-juta ringgit.

Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar lain menjadi hiruk pikuk. Sistem lalu lintas tergendala, urusan perniagaan dan operasi di kilang-kilang terhenti. Bencana itu bukan sahaja menyebabkan seluruh negara bergelap tetapi juga mendatangkan kerugian. Ketika itu ada pelanggan mahu menyaman TNB, menuntut ganti rugi bekalan yang terputus, bukanlah boleh dianggap sebagai takdir tetapi mujurlah masa itu TNB sangat terbuka. Saya quote, "*Kami tidak dapat mengelak daripada di saman oleh orang ramai*". Itulah reaksi Datuk Ani Arope berdepan dengan kemarahan pelanggan akibat memikirkan kerugian yang terpaksa ditanggung.

Jadi saya ingin bertanya, adakah bekalan elektrik yang kita ada sekarang ini mencukupi untuk memenuhi keperluan semua 28 juta orang rakyat Malaysia. Begitu juga untuk lima tahun hingga 10 tahun akan datang. Apakah jaminan kerajaan bahawa peristiwa terputus bekalan elektrik di seluruh negara atau sebahagian daripadanya tidak akan berulang? Adakah kita mempunyai sistem penyokong untuk mengelakkan perkara ini berlaku?

Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 2008 hingga sekarang, nampaknya kita tidak lagi mengalami kejadian yang sama. Adakah ini bermaksud kita mempunyai tenaga yang berlebihan? Jika berlebihan, adakah kerajaan bercadang untuk menjualkan kepada negara jiran seperti Kalimantan ataupun di *Singapore* ataupun di *Thailand* kerana baru-baru ini dalam lawatan kita, Ahli Dewan Negara yang diketuai oleh Timbalan Yang di-Pertua sendiri iaitu Datuk Doris, kita difahamkan bahawa Norway menggunakan hidro elektrik sepenuhnya bagi menjana sumber elektrik di negara itu.

Berkenaan dengan elektrik yang berlebihan dijual kepada negara jiran seperti Sweden, Denmark dan sebagainya. Langkah ini boleh dicontohi Malaysia terutamanya di Sarawak yang turut menggunakan sumber kuasa hidro elektrik. Adakah kerajaan bersedia berbuat demikian di samping membantu negara jiran? Kita juga dapat menambah sumber pendapatan negara.

Kedua, jika ada bekalan elektrik berlebihan, kita boleh memperluaskan kepada penggunaan kereta elektrik seperti juga dilakukan di *Norway*. *Norway* amat mementingkan penjagaan alam sekitar. Sejajar dengan itu, kerajaan Norway kini mengadakan kempen besar-besaran untuk mengelakkan penggunaan kenderaan berkuasa elektrik bagi penjagaan alam sekitar dan mencegah pencemaran udara.

Bagi menggalakkan penggunaannya, kerajaan *Norway* menyediakan berbagai-bagai insentif kepada pengguna kereta elektrik seperti bebas cukai dan tol, tempat letak kereta percuma dan boleh menggunakan laluan bas. Saya perhatikan di Oslo, ramai penduduk menggunakan kenderaan elektrik, kiosk juga disediakan untuk mengecas kereta elektrik. Oleh sebab pembelian kereta elektrik tidak dikenakan cukai, harganya menjadi murah dan kereta berkenaan menggunakan nombor plat khas iaitu EL.

Adakah kerajaan bersedia ke arah ini? Saya percaya ia bukan sahaja dapat menjaga alam sekitar, mencegah pencemaran tetapi juga menjimatkan penggunaan petrol. Kita pun tahu harga

sekarang tidak menentu selepas pelaksanaan dasar pengapungan harga minyak mengikut pasaran antarabangsa.

Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kerja Raya pula membayangkan kemungkinan tol di 30 buah lebuh raya di seluruh negara mungkin dinaikkan. Ini sudah tentu menambah lagi keresahan rakyat. Jika kita menggalakkan penggunaan kereta elektrik dengan insentif seperti yang dilakukan di Norway, mungkin ini dapat menyumbang ke arah mengurangkan tekanan hidup yang dirasai rakyat. Jika kita tidak dapat mengurangkan tekanan hidup rakyat, sudah tentulah akan reda kemarahan rakyat seperti yang berlaku sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik jaminan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air bahawa tiada kenaikan tarif elektrik tahun ini. Bagaimanapun kita tahu bekalan elektrik turut mendapat subsidi daripada kerajaan. Jadi saya ingin bertanya berapakah jumlah subsidi yang diberikan oleh kerajaan untuk bekalan elektrik? Tuan Yang di-Pertua, selain daripada TNB, kita juga mempunyai pengurus tenaga bebas iaitu IPP. Saya ingin bertanya berapakah bilangan IPP yang ada di negara kita sekarang? Berapa sumbangan IPP kepada bekalan elektrik negara dan berapakah bilangan IPP yang telah di tamat kontraknya?

Menurut satu sumber, kontrak TNB dengan IPP akan berakhir secara berperingkat-peringkat sehingga 2017. Adakah TNB akan memperbaharui kontrak terbabit? Adakah kita masih perlu kepada IPP? Apakah kesannya jika kontrak itu disambung? Apakah TNB tidak mempunyai keupayaan mengeluarkan sendiri bekalan elektrik untuk bekalan di seluruh negara?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, memandangkan hari ini hari terakhir kita bersidang dan 10 hari lagi kita akan menyambut Aidilfitri, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Aidilfitri kepada rakan-rakan Ahli Dewan, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang beragama dan yang bukan Islam, selamat bercuti. Tidak lupa jugalah ucapan saya dituju khas kepada Yang Berhormat Dato' Seri Mahdzir Khalid, Timbalan Menteri dan juga bekas boss saya yang terkenal sangat prihatin dengan rakyat, staf dan bekas stafnya.

#### ■1650

Setiap kali hendak sambut Aifilfitri, Tahun Baru Cinakah, Songkranakah, cuti sekolahkah, beliau selalu bertanya, "*Cuti panjang ini hendak pergi mana dan hendak raya di mana?*" Selalunya beliau akan bagilah hadiah sedikit untuk stafnya. Saya teruja bekerja di bawah beliau kerana sikap beliau yang sentiasa mengambil tahu kebijakan rakyat, staf dan bekas stafnya. Inilah pemimpin yang terpuji yang patut kita teladani.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Boon Som. Dipersilakan yang terakhir, Yang Berhormat Datuk Norliza binti Abdul Rahim. Silakan Yang Berhormat.

**4.51 ptg.**

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut berbahas dalam rang undang-undang untuk meminda Akta Bekalan Elektrik 1990. Saya faham hari ini hari terakhir dan bulan puasa yang mana masa agak cemburu terhadap kita. Jadi saya akan lebih meminta penjelasan daripada pihak kementerian untuk beberapa persoalan yang saya rasa agak relevan dengan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik ini.

Terlebih dahulu, sebagaimana yang kita sedia maklum, kerajaan telah banyak membelanjakan jumlah yang agak besar untuk subsidi tenaga kepada rakyat kita. Jadi oleh itu, saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimanakah status untuk kita menggalakkan lebih ramai menggunakan solar energy ini?

Saya ingin menyentuh sedikit yang berkaitan dengan fasal 10 dalam rang undang-undang. Soalan saya kepada kementerian- ini sebenarnya soalan bocor, Yang Berhormat Dato' Boon sudah ambil soalan saya tadi mengenai bilangan pemilik IPP yang mempunyai perjanjian dengan TNB. Cuma soalan saya, adakah tempoh luput perjanjian dengan syarikat IPP ini dan tempoh masa bagi setiap perjanjian yang dibuat dengan syarikat IPP?

Juga, adakah benar apa yang saya dengar bahawa sekiranya ada perjanjian dengan syarikat IPP dan TNB ini, katakanlah sebagai contoh perjanjian itu mengatakan sebuah syarikat itu dikehendaki memberi 10 megawatt tetapi TNB hanya menggunakan 100 kilowatt sebagai contoh, tetapi pihak TNB tetap kena membayar 10 megawatt walaupun kegunaannya kurang daripada jumlah perjanjian? Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah benar kejadian sedemikian? Saya rasa sekiranya ini berlaku, ia merugikan TNB di mana TNB terpaksa membayar kos yang tidak digunakan. Jadi saya mohon penjelasan daripada kementerian.

*Point* saya yang kedua tiga tahun yang lalu di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berucap di *United Nations Climate Change* bahawa Kerajaan Malaysia akan mengurangkan 40% karbon. Jadi soalan saya, apakah usaha kerajaan dalam mengurangkan karbon ini? Saya difahamkan SEDA ditubuhkan di bawah KeTTHA untuk memantau kondisi ini. Jadi apakah langkah-langkah yang telah SEDA laksanakan? Soalan saya yang terakhir adalah berapakah jumlah *feed-in tariff* terkini oleh TNB?

Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja soalan-soalan yang ingin saya mohon penjelasan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini sebab ini rang undang-undang terakhir yang akan saya bahaskan, jadi saya ingin mengucapkan kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara yang beragama Islam, selamat berpuasa dan menyambut Aidilfitri yang akan datang. Kepada yang bukan Islam, selamat bersama-sama berhari raya bersama kami.

*Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Buat dengan ringkas Yang Berhormat ya.

**4.54 ptg.**

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucap tahniah kepada Suruhanjaya Tenaga kerana membuat pindaan akta ini bagi menyesuaikan beberapa keperluan kritikal skim bekalan elektrik negara.

Umum mengetahui isu mengenai bekalan elektrik ini amatlah sensitif. Daripada perkara berkenaan tahap kebolehpercayaan bekalan kadar perjanjian pembelian tenaga PPA sehingga kepada isu tarif caj pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fasal 10 pindaan akta ini memerlukan sebuah entiti yang diberikan lesen kendalian sistem bekalan elektrik untuk bertanggungjawab mengemukakan rancangan perniagaan mereka bersesuaian dengan kadar keuntungan wajar dan tidak membebankan kerajaan maupun pengguna. Kebanyakan perjanjian IPP generasi pertama mendapat manfaat besar dan sering menjadi isu yang sering dipolitikkan kerana perniagaan dan perolehan pendapatan yang sungguh *lucrative*, dengan izin.

Jadi bersesuaian dengan pindaan akta ini, saya mohon mencadangkan agar penetapan standard penggunaan indeks kreativiti diwajibkan ke atas semua kertas cadangan pelan perniagaan bekalan tenaga agar kadar tarif dan jualan tenaga lebih optimum dan menunjukkan situasi menang-menang dalam konsep perkongsian dan pemurnian awam dan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon Suruhanjaya Tenaga agar menerbitkan kod-kod tata amalan industri serta standard pematuhan dan diwartakan di bawah ini dan mendapat akses kepada orang awam agar fungsi dan kredibiliti pengendali sistem yang dinilai secara wajar oleh pengguna awam. Cadangan saya bagi memantapkan fasal 14 dengan pindaan seksyen 22 akta ibu, saya mengesyorkan agar tata amalan industri diterbitkan di laman sesawang Suruhanjaya Tenaga dan program penerangan sosial dilakukan oleh pengendali sistem secara percuma dan adil kepada pengguna.

Dasar ini penting kerana apabila melibatkan kenaikan tarif dan caj elektrik, pengendali sistem yang dileSENKEN perlu memberikan penjelasan mengenai kaedah perkiraan kos dan liabiliti serta unjuran keuntungan agar orang awam faham mekanisme penentuan harga sesuatu tarif atau harga diterbitkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memantapkan fasal 18 mengenai kuasa yang diperuntukkan kepada Suruhanjaya mengenai penetapan tarif dan caj, saya mohon agar kitaran pengebilan dipiawaikan kepada 30 hari sebulan. Pada sidang yang lepas, saya pernah mengemukakan isu pembacaan meter ukuran melebihi 30 hari. Ini isu keadilan dan beban pengguna. Rata-rata orang awam mengeluh apabila bil elektrik tinggi. Ditambah pula bila pengguna domestik menggunakan jumlah kapasiti elektrik melebihi 300 kilowatt hour, GST akan dikenakan pula. Jika bacaan ukuran dibuat pada hari ke-35 atau 32 sebagai contoh, maka jumlah kadar penggunaan akan meningkat secara dengan kadar *exponential*. Saya mohon Suruhanjaya Tenaga bertegas dalam isu ini. Selepas ini kalau boleh, TNB berilah meter dengan kitaran antara 28 hingga 30 hari sahaja. Saya mohon perkara ini diambil tindakan serius.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa permintaan rakan-rakan daripada peniaga kecil iaitu mengenai kelas tarif. Saya mohon agar pengguna kategori peniaga kecil seperti kedai gunting rambut, spa, rawatan kecantikan yang jumlah pendapatan kecil diberikan keistimewaan untuk menikmati kelas tarif pengguna domestik. Saya ajukan cadangan ini kerana mereka merungut kerana perniagaan mereka tidak stabil, kadang-kadang untung kadang-kadang tidak untung. Hanya dapat menyara hidup dan dengan kos elektrik yang tinggi, lagilah menjadi beban bagi mereka. Saya mohon kementerian kaji isu ini secepat mungkin bagi membantu golongan peniaga kecil ini.

Akhir sekali, saya ingin memohon Suruhanjaya memastikan aspek keselamatan bekalan elektrik diberi perhatian sepenuhnya. Kita tidak mahu kelalaian akan menjadi punca kemalangan. Terdapat banyak kes yang melibatkan malapetaka dan kes kematian akibat kaitan kemalangan di industri bekalan elektrik.

Saya mohon Suruhanjaya Tenaga memberikan perincian mengenai jenis kemalangan yang terlibat dalam Skim Bekalan Elektrik serta tindakan yang telah dibuat di bawah peruntukan akta ini. Saya juga mohon apakah langkah yang lebih berkesan agar pindaan akta ini dapat memantapkan aspek keselamatan berkaitan dengan bekalan elektrik?

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya giliran Yang Berhormat Menteri pula untuk menjawab.

■1700

5.00 ptg.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ke atas rakan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan usul yang berkaitan dengan Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015. Saya amat faham bahawa daripada ucapan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, begitu mengambil berat dan serius berkaitan dengan bekalan elektrik sama ada yang melibatkan penjanaan elektrik itu sendiri yang melibatkan isu keselamatan dan akhirnya semua bercakap mengenai dengan tarif elektrik.

Saya kira bahawa perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas tadi ialah yang berkaitan dengan beberapa perkara yang ada kaitan dengan kesalahan-kesalahan di seksyen 37 yang melibatkan penalti yang dikenakan. Pindaan ini dibuat Tuan Yang di-Pertua, bahawa penalti diberi maksimum ini kerana ramai di kalangan pengguna-pengguna kita ini yang dia kira bahawa barangkali dia boleh bayar penalti itu, jadi dia buat lagi. Kalau setahun atau dua tahun yang kemudiannya, dibayar lagi denda itu. Oleh sebab itulah dibuat.

Misalnya disebut tadi mengenai dengan mengganggu atau melaraskan pemasangan sehingga menyebabkan bahaya kepada nyawa ataupun kerosakan harta, dikenakan denda RM1 juta. RM1 juta maksudnya adalah maksimum. Maknanya ia boleh pergi sampai kepada RM1 juta. Bagi pengguna-pengguna domestik pula, dia mempunyai kesalahan yang diberi di situ kesalahan yang lebih ataupun

denda penalti yang dikenakan itu adalah lebih rendah daripada apa yang disebut di situ. Pengguna domestik denda minimum RM5,000 dan maksimum RM100,000. Itu maksimumlah RM100,000.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas juga membangkitkan mengenai dengan poster-poster yang dipasang, kita denda. Ini sebabnya substesen bekalan elektrik daripada *utilities* itu sama ada di TNB ataupun di SESB di Sabah, ia letak poster. Misalnya poster pinjaman wang, dia bagi nombor telefon. *Then*, satu lagi di kalangan orang Melayu ini dia suka kepada poster ubat tradisional. Macam-macam jenis ubat tradisional dia pasang poster di substesen. Kadang-kadang mengganggu, sebab itu diminta dimasukkanlah untuk dibuat penalti.

Kemudian berkaitan dengan isu bekalan elektrik di Sabah dan Sarawak. Sukalah saya sebut di sini bahawa untuk Sabah, bekalan elektrik telah diletakkan di bawah Sabah Electrical Sdn. Bhd. Atau SESB, manakala di Sarawak ialah *Sarawak Electricity Board*. Jadi di Sarawak ini, SEB ia tertakluk kepada enakmen tenaga yang ada di negeri Sarawak. Di Sabah, SESB ini ia terpakai Akta Bekalan Elektrik yang kita bekalkan ini. Di Sabah jika kita bandingkan dengan tahun 2014 ataupun tahun 2013, keadaannya menjadi lebih baik. Antara ukuran yang dipakai dalam penambahbaikan elektrik ini dinamakan SAIDI dan SAIDI- saya boleh bagi di sini, di Sabah misalnya, SAIDI pada tahun 2015 ini sehingga Jun 2015, SAIDInya ialah 204 berbanding dengan tahun 2014, 777. Jadi, ini sangat tinggi. Akan tetapi saya tidak dapat *figure* Yang Berhormat Senator, di negeri Sarawak yang boleh kita bagi kemudianlah tentang kedudukan bekalan elektrik di sana.

Untuk Sabah, kebanyakannya dahulu *generationnya* ataupun *power generationnya* adalah daripada diesel dan mutakhir ini sudah ada generasi yang berdasarkan daripada gas. Kita ada IPP di *Kimanis Power Plant* di 300 megawatt dan satu lagi SPR Power Plant sebanyak 100 megawatt. Jadi kita sudah ada 400 megawatt berasaskan daripada gas di negeri Sabah, di pantai barat. Sekarang yang sedang dirancangkan di Sabah ialah di pantai timur Sabah sebab ia ada bandar Sandakan, Lahad Datu dan juga Tawau. Walaupun ada sekarang ini, tetapi kita rancang supaya ia boleh mencukupi ataupun berdaya tahan daripada segi bekalan elektrik. Begitu juga di Sarawak. Saya yakin bahawa kalau- akan tetapi saya tidak ada *figure* di sini, tetapi saya yakin bahawa pihak syarikat elektrik di Sarawak juga mengambil segala inisiatif untuk memastikan bahawa ia cukup bekalan elektrik dari semasa ke semasa.

Mengenai dengan Projek 3B. Projek 3B, sukalah saya sebut di sini Projek 3B projek untuk bekalan elektrik yang telah pun dibuka tender, dibuat *bidding*. Dalam *bidding* ini, syarikat 1MDB, JV Mitsui telah memenangi *bidding* ini. Kemudiannya, pada baru-baru ini keputusan telah dibuat iaitu oleh sebab syarikat kerajaan 1MDB barangkali ada masalah daripada segi kewangan, maka akhirnya 70% daripada syer itu telah dijual ataupun diberi kepada TNB dan kekal 30% Mitsui.

Jadi, ini yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga dan saya kira baru dalam tempoh dua minggu ini. Ini untuk membolehkan TNB dan rakan kongsinya untuk meneruskan Projek 3B ini. Ini kerana Projek 3B ini termasuk dalam komponen Yang Berhormat bangkitkan tadi ialah jumlah bekalan elektrik yang kita hendak kena ada sehingga ke tahun 2025. Saya kira bahawa 2,000 megawatt ini perlu. Saya akan terangkan sekejap lagi dalam soalan yang dibangkitkan kemudian oleh Yang Berhormat.

Kemudian di samping itu, Yang Berhormat juga bangkitkan mengenai dengan salah satu daripada komponen dalam akta itu yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas ialah berapakah jumlah projek penjanaan baru dalam tempoh tahun 2015 sehingga 2024. Jadi dalam tempoh tahun 2015 hingga tahun 2024, kita jangkakan sebanyak 13,367 megawatt kapasiti penjanaan baru telah dirancang untuk dibangunkan, yang mana sebanyak 6,800 megawatt adalah berasaskan gas, 5,010 megawatt berasaskan arang batu dan 1,511 megawatt berasaskan daripada hidroelektrik

■1710

Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som, dia minta duit raya sekali. Antara benda yang dibangkitkan mengenai dengan jumlah subsidi bahan api dalam sektor tenaga. Jumlah subsidi yang diberikan oleh kerajaan melalui penetapan harga gas berpaip yang lebih rendah daripada harga pasaran kepada pengguna elektrik di Semenanjung adalah sebanyak RM12.4 bilion pada tahun 2014.

Saya boleh terangkan di sini, harga gas dalam pasaran berada pada satu tahap yang cukup mahal. RM40 lebih per MMBtu, tetapi kita jual kepada penjana elektrik ini untuk tujuan penjanaan elektrik ini, baru kita jual pada RM15.70 per MMBtu.

Jadi maknanya yang disebut tadi, RM12 bilion itu kita panggil *forgone revenue*, yang tak dapat kepada kerajaan sebab kita beli, kita jual pada harga yang murah. Kalaulah kita jual sekarang pada harga RM40 lebih per MMBtu gas ini kepada IPP, kita tak dapat tarif elektrik yang ada sekarang. Tarif elektrik yang ada sekarang ini tentulah lebih mahal. Jadi maknanya kerajaan ada memberi subsidi di situ lebih kurang RM12.4 bilion pada tahun 2014.

Akan tetapi ini selalunya tak disebut secara jelas, tetapi sukalah saya sebut bahawa inilah sebahagian daripada tanggungan kerajaan. Kalau kita buat yang dinamakan- okey kita beri semua sekali kepada pengguna, maknanya gas itu harga RM48 per MMBtu, beri RM48. Itulah bil elektrik kita ataupun tarif kita, bukan 33 sen bukan 35 sen per kilowatt tetapi mungkin ia boleh jadi sampai 70-80 sen. Kalau 70 sen atau 80 sen per kilowatt kita kira yang bayar sekarang RM60-RM70 sudah tentulah berkali ganda dari apa yang ada sekarang.

Jadi, itu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong. Selain daripada itu juga, Dato' Boon Som ada bangkitkan mengenai dengan generasi IPP. Antara beberapa- ia ada generasi yang pertama, generasi yang kedua dan generasi yang ketiga.

Akan tetapi Yang Berhormat yang lain pun ada bangkitkan tadi, sukalah saya sebut Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit juga bangkit mengenai IPP, sukalah saya sebut bahawa Suruhanjaya Tenaga sekarang ini sama ada generasi yang pertama ataupun generasi yang ada sekarang ini, semua sekali mesti membuat penawaran harga baru kepada Suruhanjaya Tenaga, berapa dia hendak jual. Jadi maknanya ia dipanggil *competitive bidding*, dengan izin. Berapa boleh jual, daripada *generation* ini berapa boleh jual harganya.

Ini yang ditetapkan dan pihak Suruhanjaya Tenaga akan bermesyuarat dan akan menentukan sama ada ini boleh diterima atau tidak. Misalnya saya boleh sebut bahawa kita terima dahulu,

suruhanjaya terima dan suruhanjaya akan beri kepada kerajaan untuk menetapkan sama ada kita boleh terima atau tidak harga tarif yang dikemukakan oleh tiap-tiap suruhanjaya itu.

Ia ada *power purchase agreement* (PPA). Misalnya Yang Berhormat Datuk Norliza binti Abdul Rahim bangkitkan tadi tentang berapakah tempoh masa perjanjian IPP dan pembayaran oleh TNB jika PPA 10 megawatt tapi hanya menjana 10 atau 100 kilowatt. Bagi loji jana kuasa berasaskan gas adalah, perjanjiannya 21 tahun. Bagi loji jana kuasa berasaskan arang batu 25 tahun. Bagi loji jana kuasa berasaskan hidro 30 tahun.

Pembayaran kepada IPP melalui bayaran caj kapasiti dan bayaran caj tenaga. Pembayaran caj kapasiti ialah berdasarkan kapasiti yang telah dijanjikan dan diperuntukkan oleh kontrak. Bayaran ini adalah bagi menampung bayaran semula pembiayaan bagi pembangunan projek serta pulangan ekuiti. Bayaran caj tenaga adalah berdasarkan jumlah tenaga yang dijana oleh IPP berdasarkan arahan daripada TNB. Jadi ini jawapan kepada Yang Berhormat Datuk tadi.

Kemudian, Yang Berhormat juga bangkit mengenai dengan apakah jumlah IPP, sukalah disebut di sini bahawa keseluruhan IPP yang berada di dalam- kita ada 28 IPP yang telah dilesenkan di Semenanjung dan di Sabah. Penjanaan kuasa melibatkan kos yang tinggi dan peranan IPP telah dapat membantu perkembangan dan memenuhi keperluan tenaga negara. Kerajaan dengan Suruhanjaya Tenaga melaksanakan proses pembidaan untuk memastikan kos yang kompetitif untuk dikenakan tarif kepada rakyat. Ini hal yang berkaitan IPP.

Kemudian, selain daripada itu, mengenai dengan SOP yang dibangkitkan oleh Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul tadi, iaitu kes gangguan.

Pihak suruhanjaya telah mengeluarkan SOP bagi diguna pakai oleh pihak pelesen dan juga pelbagai panduan bagi menguruskan tindakan kes-kes yang melibatkan gangguan meter elektrik sejak 1 Jun 2014. Akta baru ini, seksyen 38 juga dipinda untuk mengawal selia pihak pelesen supaya memaklumkan kepada suruhanjaya dalam masa tiga hari dan menaikkan notis pemotongan bekalan kepada premis dari 24 jam kepada 48 jam bagi tujuan menjaga kepentingan pengguna.

Jadi maknanya dia beri notis itu daripada 24 jam kepada 48 jam. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit tadi, bahawa ada diminta supaya dalam tempoh 28 hari untuk apa-apa pembayaran bil dan selebihnya itu dianggap sebagai kalau lebih daripada 30 hari sudah jadi 35 hari, ia akan menjadi tanggungan lain. Jadi perkara ini saya kira sudah banyak kali disebut, bukan sahaja di Dewan Negara tetapi juga di Dewan Rakyat. Pihak TNB juga ambil perhatian yang serius kerana ia melibatkan TNB di negeri-negeri ataupun pihak utiliti di negeri-negeri yang sememangnya sedang menyiapkan kerja-kerja mereka ataupun KPI mereka yang patut dilaporkan. Ini akan memberi kesan yang- saya bersetuju bahawa jika ini tidak diurus dengan baik ia akan memberi kesan yang sangat tidak baiklah kepada pengguna. Terima kasih atas makluman itu dan saya akan bawa sekali lagi perkara ini kepada pengetahuan pihak ini.

Di samping itu juga Datuk Norliza binti Abdul Rahim bangkitkan mengenai dengan SEDA dan juga *feed-in tariff*. Suka saya sebut di sini bahawa saya sudah menjawab di Dewan yang mulia ini

bahawa *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA) sebuah agensi di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. SEDA ini agensi yang diberi kuasa untuk memberi kuota ataupun license kepada *renewable energy*, tenaga yang boleh diperbaharui, misalnya solar, biogas, *biomass* dan juga memberi kuota kepada aktiviti-aktiviti yang boleh disebut sebagai tenaga boleh diperbaharui. Akan tetapi setakat ini yang SEDA bagi license ini, solar, biogas, *biomass* dan ada satu yang ia bagi license di Sabah di Tawau iaitu *geothermal* di Sabah, yang lain belum ada lagi.

Kita di sini belum ada *wind turbine*, yang pakai kuasa angin itu, yang nampak macam di luar negara itu, belum ada. Kita belum ada lagi ombak. Ombak laut dijadikan bekalan elektrik, tetapi di setengah-setengah negara ombak laut boleh menjadi bekalan elektrik.

■1720

Itu peranan SEDA dan untuk bekalan tenaga yang boleh diperbaharui ini ada *feed-in tariff* (FiT). *Feed-in tariff* ini maknanya harga yang dibayar kepada orang yang buat bekalan itu lebih mahal daripada harga yang TNB kenakan kepada pengguna. *Feed-in tariff* (FiT) ini secara *detail* nya bolehlah saya katakan bahawa dia ada yang paling banyak sekalilah tetapi *figure* nya Yang Berhormat Senator saya tidak ada di sini. Akan tetapi boleh saya sebut bahawa solar yang paling banyak, solar kemudian biogas di Sabah misalnya berdasarkan daripada *empty fruit bunch* ini daripada kelapa sawit yang dibuat pembakaran untuk penjanaan elektrik, itu mengenai dengan SEDA dan juga FiT.

Kemudian cadangan supaya kajian terhadap klasifikasi tarif ke atas pengguna industri kecil seperti *business spa*, kedai gunting rambut dan sebagainya. Kerajaan mengambil perhatian akan cadangan Yang Berhormat Senator supaya kajian ini dibuat ke atas klasifikasi tarif industri kecil dipertimbangkan sebagai kategori domestik. Buat masa sekarang, kerajaan masih perlu mengekalkan tarif yang telah ditetapkan dan sebarang perubahan ataupun sebarang perubahan kategori tersebut akan mewujudkan subsidi yang bersilang.

Jadi pada masa ini apa-apa keputusan berhubung dengan apa-apa juga tarif pengguna yang hendak dikaji dari semasa ke semasa hendaklah dibuat secara mendalam dan dibuat daripada pihak Suruhanjaya Tenaga dan juga oleh kerajaan dan seterusnya diberi kepada pihak *utilities*. Jadi, macam saya katakan tadi kepada Yang Berhormat Senator perkara ini, sebarang keputusan mengenainya akan dibuat berdasarkan kepada faktor yang boleh dipertimbangkan dan saya bawa perkara ini juga untuk diperbincangkan di peringkat kementerian.

Akhirnya mengenai dengan kemalangan-kemalangan maut yang melibatkan elektrik dan kemalangan maut misalnya tahun 2013 di mana 19 maut, dan 27 orang cedera. Pada tahun 2014, 27 maut, dan 36 orang cedera manakala pada tahun 2015 baru tujuh bulan ini, 16 maut, dan 10 orang cedera sehingga Julai. Ini kaitan antara sebab-sebabnya pemasangan yang tidak sempurna, prosedur kerja (SOP) yang tidak dipatuhi dan pencerobohan kepada tempat pemasangan elektrik.

Terbaru kalau saya boleh bagi contoh, misalnya seorang anak kecil mati disebabkan- tempat meletak *plug* itu terlalu banyak *plug* dimasukkan dan budak itu boleh mengambil salah satu daripada *plug* itu yang ada arus elektrik. Jadi dia bermain dengan wayar arus elektrik itu dengan kereta sorong sekali,

jadi apabila arus itu ada dalam kereta sorong sekali dan apabila dia masuk ke dalam kereta itu, dia kena karan dan mati. Maknanya itu kerana pemasangan SOP nya tidak ada dibuat, lebih kurang di rumah.

Sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015, di kementerian KeTTHA dan pandangan yang tidak sempat saya jawab, pandangannya baik untuk kerajaan, *inshaa-Allah* saya akan bawa kepada kerajaan. Saya ingin tegaskan di sini bahawa apa juga yang kita buat di peringkat kementerian, kita mengambil kira pandangan daripada Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang memberikan pandangan bukan sahaja untuk hari ini tetapi pada hari-hari yang lain dan masa-masa yang lain. Kita juga mengambil ini kerana pada kita adalah prioritinya, keutamaannya adalah untuk kesejahteraan rakyat dari semasa ke semasa sama ada mereka yang tinggal di bandar, di pinggir bandar atau rakan-rakan kita yang tinggal di kampung-kampung di seluruh negara termasuklah rakan-rakan di pedalaman Sabah dan Sarawak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[**Fasal-fasal 1 hingga 42** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**5.48 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperitimana sedia juga pindaan yang telah dibuat oleh Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2015 dan Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2015 di Dewan yang mulia ini masing-masing pada hari Rabu minggu lalu dan tengah hari tadi. Pindaan pada Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2015 ini juga adalah pindaan selari atau dengan izin *consequential amendment* dengan Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 [Akta 767] atau selepas ini akan dirujuk sebagai Akta LPPSA 2015 yang telah digubal dan diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ke-13 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Akta LPPSA 2015 membolehkan Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia (BPP) beroperasi sebagai badan berkanun diasingkan saraan dan dibebaskan sepenuhnya dengan kuasa autonomi penuh dalam tadbir urus kewangan dan sumber manusia. Seksyen 25 Akta LPPSA 2015 menetapkan bahawa lembaga hendaklah bertanggungjawab bagi memungut dan mendapatkan bayaran balik kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam.

#### ■1730

Akta Saraan Hakim 1971 iaitu [Akta 45] memperuntukkan kebenaran kepada Kerajaan Persekutuan untuk memotong pencen atau faedah lain bagi maksud pembayaran apa-apa hutang kepada atau tuntutan oleh Kerajaan Persekutuan.

#### *[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

Apabila Lembaga mengambil alih pemberian kemudahan pembiayaan perumahan daripada BPP, Lembaga akan turut mengambil alih hutang pembiayaan perumahan daripada Kerajaan Persekutuan. Dalam hal ini, hanya Akta Pencen 1980 yang membenarkan potongan pencen, ganjaran atau faedah persaraan lain bagi hutang kepada badan berkanun seperti lembaga.

Walau bagaimanapun, Akta Saraan Hakim 1971 hanya membenarkan Kerajaan Persekutuan sahaja untuk membuat potongan pencen atau faedah lain bagi maksud membayar hutang dengan Kerajaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu, pindaan perlu dibuat kepada akta tersebut bagi membolehkan pemotongan pencen atau faedah lain oleh lembaga dibuat tanpa kekangan. Oleh itu, Akta Saraan Hakim 1971 [Akta 45] perlu dipinda dengan menggantikan seksyen 13 bagi memperuntukkan kuasa perundangan untuk membolehkan lembaga membuat potongan pencen atau faedah lain bagi maksud kutipan bayaran balik pembiayaan perumahan hakim.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Saraan Hakim (Pindaan 2015) mengandungi dua fasal seperti berikut.

Pertama, fasal 1 mengenai tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Kedua, fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 13, Akta 45 untuk membenarkan pencen atau faedah lain yang diberikan di bawah Akta 45 diserahkan atau dipindahkan atau ditahan, diasingkan atau di levi bagi atau berkenaan dengan apa-apa juga hutang yang kena dibayar kepada Lembaga

Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 [Akta 767] berkenaan dengan kemudahan pembiayaan perumahan yang diberikan oleh lembaga itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Didapati kita hanya ada dua orang sahaja dan saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Khairudin.

### 5.33 ptg.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahi Rahmaani Rahiim... [Membaca selawat ke atas Nabi Muhammad SAW] Assalamualaikum* sahabat-sahabat Ahli-ahli Yang Berhormat semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya beri nama pada dua, tiga hari lepas ini sebab saya ingat tidak ramai orang yang hendak berucap. Jadi, saya hendak bahas sebab hendak mengisi masa kosong. Akan tetapi hari ini sudah melewati 5.30 petang. Kita hendak balik buka puasa sudah. Jadi, saya ambil masa yang pendek sahaja sebab kita tengok sudah cukup masa. Untuk kita hari ini hari penghabisan, saya mengambil kesempatan terlebih dahulu untuk mengucapkan selamat berpuasa, selamat kembali ke kampung masing-masing dan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Termasuk Yang Berhormat Menteri-Menteri yang masih bersama-sama dengan kita dan pegawai-pegawai kerajaan yang masih ada pada petang yang berbahagia ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sentuh di sini ialah memang benar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan saraan hakim. Kita hendak melihat- sebab sebelum ini perumahan untuk tentera, perumahan untuk polis dan sekarang perumahan- rumah-rumah yang dibeli oleh hakim-hakim ini. Selepas bersara, kita pun tidak hendak hakim-hakim bawa teksi macam Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara, selepas bersara. Kalau kita tidak jaga Saraan Hakim ini, selepas ini akan bawa teksi macam polis dan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang sudah pencerah dahulu yang beratur ambil BR1M. Jadi, kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan samakan hakim- kedudukan hakim dengan bawa teksi.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Tidak, kita takut. Kalau kita tidak buat sesuatu, kalau kita tidak pindah sesuatu undang-undang, akhirnya akan jadi macam itu, dengan kos kehidupan yang tinggi, kita takut macam itu. Oleh sebab itu Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara sudah merasa. Ada yang saya dengar jual air tebu pun ada Tuan Yang di-Pertua. Kita tengok ini, jadi apa yang kita hendak buat kita

kena pastikan kita buat. Jangan kita bincang dalam Dewan ini sebab saya teringat apa yang berlaku dalam Saraan Parlimen Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara yang lepas. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya ungkit sedikit.

Saya ungkit sebab sampai hari ini belum lagi dilaksanakan, itu yang saya takut esok ini saraan kepada hakim tidak dilaksanakan. Habis semua masuk mahkamah *[Ketawa]* Jangan main-main, yang saya sebut ini Tuan Yang di-Pertua, sebab saya sedih, saya takut apa yang berlaku pada kita akan berlaku pada- yang kita punya ini Tuan Yang di-Pertua, dulu saya masih ingat lagi. Saya Setiausaha Majlis Senator ini, minta saya tolong bawa cerita Mubarak di dalam Dewan yang mulia ini. Akan tetapi saya tidak berkesempatan sebab beliau menerima banyak teks daripada Mubarak.

Ini Mubarak ini bukan semua orang jadi ahli Mubarak yang penced, Ahli-ahli Dewan yang penced yang jadi ahli Mubarak tidak semua. Akan tetapi beritahu pada beliau, beliau *pass* pada saya mesej itu, saya minta pada Setiausaha Dewan Negara (SUDN). SUDN punya pejabat pula sudah panik. Kenapa Dato' Khairudin minta benda-benda ini? Padahal saya bukanlah- minta maaf Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, bukanlah *busy body* tetapi saya kesian kepada rakan-rakan saya yang sedang bawa teksi, yang beratur ambil BR1M. Saya kesian. Jadi saya hendak sebut benda-benda ini supaya kita kalau kita buat satu keputusan, biar sama rata.

Saya hendak beri contoh, ramai di kalangan Menteri umpamanya. Menteri yang tidak menjadi wakil rakyat diangkat menjadi Ahli Dewan Negara. Selepas itu jadi Menteri ataupun Timbalan Menteri. Bukan seorang, ramai. Sudah penced pun ada. Apabila kita bercakap soal gaji ini Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap soal gaji, apabila kita kata hendak sama ratakan, Ahli Dewan Rakyat marah kepada Ahli Dewan Negara. Oleh sebab kita ini tidak ada kawasan.

Saya hendak tanya, apabila kita hendak suruh sama ratakan, bukan kerana kita sangat. Kita bayangkan Menteri ataupun Timbalan Menteri yang duduk di dalam Dewan Negara, masuk ke Dewan Rakyat, dia dengan anggota Menteri yang duduk dalam Dewan Rakyat gaji tidak sama. Cuba kita bayangkan, macam kita Ahli Dewan Negara tidak terlibat dalam Dewan Rakyat. Akan tetapi mereka, Menteri ini dengan Timbalan Menteri ini, "*Berapa gaji Yang Berhormat Timbalan Menteri? Oh, gaji saya, elau saya sebagai Senator RM11,000 dan gaji saya sebagai Timbalan Menteri RM10,000 jumlah RM21,000. Eh, RM21,000.*" Kena ketawa dengan orang. Oleh sebab "*Saya gaji saya RM16,000, Ahli Dewan Rakyat RM16,000 gaji saya RM10,000. Yeay, saya lebih*". Macam mana Tuan Yang di-Pertua, berlaku benda-benda macam ini?

Ini sekarang ini kita hendak bercakap fasal hakim. Hakim yang hendak menjatuhkan hukuman. Silap-silap kita kena hukum lebih sebab kita buat perkara tidak betul kepada hakim. Jadi, Saraan Hakim ini kita kena jaga betul-betul *[Ketawa]* Kita kena jaga betul-betul, kita buat keputusan, kita ikut dan kita laksanakan. Kalau kita bagi tempoh ini, kita buat betul-betul. Kalau tidak kena hukum. Itu Menteri pun tidak boleh tolong. Kalau hakim sudah jatuh hukum, Menteri pun tidak boleh tolong. Kita kena pergi sampai ke *Federal Court*. Last sekali, hendak kena pergi minta dekat Agong lah. Itu pun kalau kita baik dengan Agong. Kalau kita duk maki Agong dekat luar, hendak minta pengampunan, *sorry*. Minta maaf.

**▪ 1740**

Saya sebut benda-benda ini sebab saya tahu akhirnya menjadi masalah kepada kita juga kerana kita yang menggubal undang-undang di sini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab hari pun sudah larut. Belum malam lagi. Sudah larut petang, kita akan berjumpa lagi pada sesi yang akan datang. Saya reserve yang lain-lain itu masa bajet nanti. Saya dengan ini menyokong penuh Rang Undang-undang Saraan Hakim. Sekian, terima kasih. *Wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat punya isi sikit sahaja, Yang Berhormat. Okey, tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah.

**5.40 ptg.**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga tidak akan ambil masa yang panjang. Cuma dua perkara sahaja yang ingin saya kemukakan. Pertamanya, jika kita lihat melalui seksyen 13, Akta Saraan Hakim 1971 ini, ia menetapkan bahawa pencen atau faedah yang diberikan tidak boleh diserahkan, dipindahkan dan seumpamanya kepada pihak lain melainkan bagi hutang yang kena dibayar kepada kerajaan. Melalui pindaan kepada seksyen 13 ini, ia menambah lagi bahawa selain daripada kerajaan, pencen atau faedah ini boleh juga dibayar pada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015. Saya kira ini adalah satu pindaan yang sangat perlu bagi memastikan kesinambungan kekuuhan kedudukan kumpulan kewangan pembiayaan perumahan sektor awam dan juga memandangkan pencen dan faedah para hakim saya kira memang agak lumayan.

Cuma persoalan saya, berapakah amanu kelayakan pembiayaan perumahan sektor awam bagi Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi dan jika dilihat kepada akta yang telah dimansuhkan iaitu Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 ini, dari sudut nisbah pembiayaan, berapakah nisbah pembiayaan perumahan untuk para hakim berbanding dengan keseluruhan pembiayaan untuk kategori-kategori lain. Polis, tentera dan juga anggota perkhidmatan awam yang lain jika dibandingkan dengan pembiayaan perumahan kepada hakim-hakim.

Saya mengambil kesempatan membahaskan saraan hakim ini untuk membandingkan saraan hakim-hakim Mahkamah Syariah dan saya kira ini peluang yang sangat baik dan saya terus untuk melihat kepada struktur badan kehakiman ini di bawah Perlembagaan Persekutuan. Saya kira spirit di bawah Perlembagaan Persekutuan berkait dengan badan kehakiman ini perlu juga diaplikasikan dalam kehakiman syariah negeri-negeri dan khususnya JAKIM sendiri yang perlu mengambil peranan ini.

Jika kita lihat kepada Bahagian IX, Perlembagaan Persekutuan, berkait badan kehakiman, ia melibatkan pembentukan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan serta keanggotaan para hakim di dalam tiga buah mahkamah tertinggi ini. Mereka juga mempunyai skim saraan dan elaun yang berbeza daripada hakim-hakim Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret di mana Hakim Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret berada dalam skim perkhidmatan di bawah

Bahagian X, Perlembagaan Persekutuan iaitu berkait perkhidmatan awam sebagaimana anggota perkhidmatan awam dalam profesion-profesional lain.

Di sini saya ingin membandingkan dengan skim perkhidmatan hakim dalam struktur Mahkamah Syariah dan saya ambil contoh di sini Mahkamah Syariah di Kelantan. Sebagai contoh- Ketua Hakim Mahkamah Syariah di Kelantan sebenarnya adalah setaraf dengan Hakim Mahkamah Sesyen di mana Ketua Hakim Mahkamah Syariah Kelantan sekarang JUSA 'C' sahaja. Hakim Mahkamah Tinggi Pegawai Syariah Gred LS52, Hakim Mahkamah Tinggi - Pegawai Syariah LS48, dan Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi dan mahkamah rayuan - Pegawai Syariah LS48.

Dari sudut gaji, kita ambil contoh gaji Hakim Mahkamah Tinggi mengikut Akta Saraan RM17,700 gaji berpencen, tidak termasuk elaun-elaun lain manakala gaji Ketua Hakim Negara RM25,000 gaji berpencen, tidak termasuk elaun-elaun lain sedangkan gaji Ketua Hakim Syarie di Kelantan sebagai pegawai JUSA 'C' adalah lebih minimum iaitu minimumnya RM7,000, dan maksimum RM14,000 dan kalau sampai tahap maksimum pun, rasanya ia belum mencapai tahap minimum saraan Hakim Mahkamah Tinggi sebagaimana yang ditetapkan dalam Akta Saraan Hakim 1971.

Jadi saya kira dalam usaha kerajaan untuk memartabatkan Mahkamah Syariah, kita juga perlu memartabatkan para Hakim Mahkamah Syariah dengan menstrukturkan semula gaji hakim-hakim Mahkamah Tinggi ini. Dalam usaha kita membuat pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah bidang kuasa jenayah dengan menambah bidang kuasa Mahkamah Syariah, saya kira sudah sampai masa pihak JAKIM mengambil tindakan untuk menyelaras gaji Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Walaupun saya kira ia merupakan aspek bidang kuasa kerajaan negeri, namun bagi tujuan memartabatkan sistem Mahkamah Syariah, pihak Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM perlu mengambil inisiatif ini memandangkan kedudukan kewangan negeri yang tidak seimbang serta penyelarasan antara negeri dalam pentadbiran kehakiman syariah.

Saya kira mungkin pihak Menteri tidak perlu menjawab tetapi saya bangkitkan ini untuk kepentingan Mahkamah Syariah demi memartabatkan kehakiman syariah dan juga Mahkamah Syariah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

#### **5.47 ptg.**

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin dan juga Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Saya hendak menarik perhatian kepada apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin tadi. Saya hendak ingatkan di sini kita membincangkan mengenai urusan di mana kita meminda Akta Saraan Hakim ini kerana untuk meminda apa yang telah diperuntukkan di bawah Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam untuk meneruskan seperti mana yang dikatakan oleh

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah tadi di mana ia tepat sekali. Ia meminda Akta Saraan Hakim ini supaya ia dibenarkan untuk membuat pemotongan ataupun potongan pencen atau faedah lain bagi maksud membayar hutang dengan Kerajaan Persekutuan. Ia tidak ada kena mengena dengan gaji, Yang Berhormat, dan...

**Dato' Khairudin bin Samad:** Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Kita hanya hendak membenarkan untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada seorang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Yang Berhormat, minta laluan, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Sekejap. Memotong pembiayaan daripada segi *loan* perumahan atau apa-apa.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Yang Berhormat, saya minta laluan. Yang Berhormat, saya faham dan saya sokong sangat-sangat. Yang saya sebut yang belakang itu adalah sindiran, Yang Berhormat. Yang Berhormat jangan ambil hatilah. Saya tahu Yang Berhormat bukan kena jawab. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih. Sebenarnya saya suka juga, Yang Berhormat sebab saya tidak ada peluang untuk minta juga supaya gaji kami naik juga. Ini kita minta kena kritik juga. Jadi bagus Yang Berhormat sampaikan itu bagi pihak semua. Cuma saya hendak menjelaskan supaya tidak dikelirukan di sini bahawa kita hanya memberi supaya Akta Saraan Hakim ini dibolehkan untuk membuat potongan. Jadi itulah yang saya hendak jelaskan di sini.

Tadi Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah mengemukakan mengenai kelayakan pinjaman hakim. Seperti yang saya nyatakan walaupun kita tidak mengerjakan itu tetapi oleh sebab ada juga jawapannya di sini, saya kongsi juga di sini. Kelayakan pinjaman hakim dalam RM480,000 untuk hakim di ketiga-tiga mahkamah atasan. Kelayakan pinjaman hakim mahkamah syariah ialah berdasarkan kepada gaji hakiki penjawat awam di mana JUSA 'C' ialah RM600,000. Lagi tinggi daripada hakim mahkamah atasan. Ini maklumat yang saya boleh kongsi dan untuk itu selain daripada itu, tidak ada lagi yang menjadi isu di sini. Cuma saya berterima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat terutama Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin. Selalulah. Selalu sebut pasal gaji itu.

#### ■1750

Sebab, kita hendak sokong juga, sebab saya rasa kita di Malaysia ini, gaji kita tak besar. Menteri pun tak besar gaji. Saya ingat hendak sindir juga. Kalau boleh tolong sokong juga kalau kita bawa pada masa hadapan nanti. Kita tak mau juga melihat Ahli Yang Berhormat nanti bila selepas itu jadi pemandu teksi pula. Akan tetapi ada yang suka bawa teksi kerana suka membawa pelancong.

Jadi Yang Berhormat, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas partisipasi tadi, kedua-dua Yang Berhormat dan kepada semua juga saya mengucapkan terima kasih. Bagi pihak kami-kami di pihak kementerian, mengucapkan selamat berpuasa juga dan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua orang Malaysia inilah, semua sama-sama kita menyambut.

Cuma saya hendak menujukan ucapan terima kasih khas kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, Timbalan Yang di-Pertua dan juga kepada pegawai-pegawai Parlimen dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang telah membantu kita untuk menjayakan persidangan kita pada kali ini.

Kalau ada salah dan silap, saya mohon maaf, maaf zahir batin kepada semua, kepada Tuan Yang di-Pertua. Kepada semua kita, sama-sama balik ke kampung dengan selamat. Sekian, *wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah sudah Majlis kita pada petang ini. Saya bersama-sama dengan Timbalan saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan syabas dan tahniah hingga dapat sehingga saat terakhir hari ini dan dapat kita selesaikan persidangan kita dalam keadaan yang begitu aman damai. Saya berasa amat gembira melihat bahawa mutu perbaasan sebahagian besar Yang Berhormat cukup membanggakan saya *[Tepuk]*

Kepada Ahli Yang Berhormat yang baru, sila ambil perhatian dan dalam persidangan akan datang, saya hendak lihat Yang Berhormat juga boleh berbahas sebagaimana rakan-rakan yang sedia ada.

Begitu juga saya ambil kesempatan di sini untuk mengucapkan selamat berpuasa. Kita dalam saat terakhir bulan puasa ini. Semoga banyak berdoa kepada Allah SWT mendapat Lailatul Qadar dan juga akhirnya bulan puasa nanti saya mendoakan dan berharap kita akan dapat bersama-sama berhari raya Aidilfitri. Saya bersama-sama dengan Timbalan saya juga mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin.

Juga, akhir sekali, saya ambil kesempatan di sini bahawa menjelangnya hari raya nanti, saya dengan *family* akan mengadakan majlis hari raya terbuka yang akan diadakan pada tanggal 26 Julai, diadakan di Dewan Besar LPP, Lembaga Pertubuhan Peladang di Jalan Salahuddin off Jalan Mahameru dan semua dijemput.

Akhir sekali juga, kepada semua Ahli Yang Berhormat, setelah bertungkus-lumus meninggalkan keluarga, sampai masanya Yang Berhormat akan kembali ke pangkuhan keluarga. Saya mendoakan selamat dalam perjalanan. *Insya-Allah*, kita akan bertemu semula dalam Majlis yang belum ditentukan nanti. Itu sahajalah saya hendak nyatakan.

Seperi mana Usul yang telah diputuskan terdahulu, Mesyuarat Dewan kita hari ini ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Sekian, *wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.56 petang.]**